

Jilid II
Bil. 14



Hari Khamis
21hb Mei, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:
[Ruangan 3129]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

Penangkapan semula tiga rakyat Iran di atas kesalahan pengedaran dadah—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 3250]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia [Ruangan 3253]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) [Ruangan 3338]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
,, DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
,, TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
,, TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
,, TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
,, TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
,, PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
,, DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
,, TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
,, TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
,, DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
,, TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
,, TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
,, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
,, TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
,, TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
,, TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
,, DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
K.M.N. (Kuala Kedah).
,, DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
,, TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
,, TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
,, DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
,, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.L.J. (Limbawang).
,, TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
,, DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
,, TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
,, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
,, DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
,, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 21hb Mei, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan James Jimbun Anak Pungga.

(Soalan No. 1 - Y.B. Tuan James Jimbun Anak Pungga tidak hadir)

**PETROL TANPA
PLUMBUM—GALAKAN
PENGGUNAAN**

2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewajibkan penggunaan petrol tanpa plumbum kepada pengguna-pengguna kenderaan; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan kepada syarikat-syarikat untuk menggunakan gas sebagai pengganti kepada minyak bagi mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sememangnya terdapat syarikat-syarikat minyak di negara ini yang telah memperkenalkan petrol tanpa plumbum iaitu selaras dengan insentif pengurangan cukai yang diberikan oleh Kerajaan. Oleh sebab sambutan memperkenalkan petrol tanpa plumbum daripada syarikat-syarikat minyak berkenaan amat menggalakkan, maka Kerajaan belum bercadang untuk menguatkuasakannya melalui undang-undang.
- (b) Kerajaan sememangnya berhasrat supaya gas digunakan sebagai pengganti kepada minyak terutamanya di kawasan-kawasan di mana tahap pencemaran adalah tinggi. Sebagai contoh, Kerajaan menggalakkan penggunaan, dengan izin, natural gas for vehicles (NGV) bagi kenderaan-kenderaan awam di bandar-bandar besar. Alat-alat pembakar bahanapi seperti di stesen-stesen janakuasa dan dandang atau, dengan izin, boiler di kilang-kilang juga digalakkan supaya menggunakan gas secara berperingkat-peringkat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya penggunaan petrol tanpa

plumbum ini adalah menguntungkan ataupun dapat menghadapi masalah pencemaran alam. Tetapi nampaknya pihak Kementerian kurang mengadakan kempen penggunaan petrol tanpa plumbum ini. Dan sejauh manakah penggunaan petrol tanpa plumbum ini boleh mengatasi masalah pencemaran alam sekitar? Jadi, adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan kempen secara besar-besaran supaya pengguna-pengguna kenderaan bermotor menggunakan petrol tanpa plumbum?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari jawapan saya tadi, saya sebutkan bahawa penggunaan petrol tanpa plumbum ini buat masa kini adalah sangat menggalakkan.

Oleh sebab itu, maka penerangan-penerangan atau kempem-kempem penggunaan petrol ini kita serahkan kepada pihak syarikat-syarikat minyak untuk menjalankan tugas tersebut.

Walau bagaimanapun, saya rasa cadangan ini adalah baik dan saya akan memperkenalkan cadangan itu kepada Kementerian saya.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan, apakah wajar kalau sekiranya kita menggunakan gas sebagai ganti minyak petrol secara besar-besaran kepada kenderaan?

Yang kedua, adakah Kerajaan mempunyai bekalan yang cukup dan apakah dari segi perbezannya, katakan penggunaan bulanan dari segi ekonominya, adakah ia lebih tinggi harganya daripada penggunaan petrol?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kerajaan sedar perkara ini walaupun digalakkan, belum sampai ke tahap yang memuaskan iaitu penggunaan gas untuk menggantikan minyak.

Untuk jawapan bagi soalan yang kedua sama ada gas ini mencukupi untuk digunakan, saya rasa tidak ada masalah buat masa sekarang.

AKTA KAWALAN HARGA—KAJIAN SEMULA

3. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes kesalahan perdagangan yang dapat dikesan oleh Kementerian di bawah Akta Kawalan Harga bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini;
- (b) nyatakan jumlah nilai barangan yang dirampas menurut kesalahan tersebut dalam tempoh yang sama; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula Akta Kawalan Harga 1946 untuk menguatkuasakan undang-undang yang lebih berkesan bagi menjaga dan melindungi kepentingan pembeli.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1988 sehingga 30hb. April, 1992, sebanyak 3,112 kes telah diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga, 1946.
- (b) Jumlah nilai barangan yang dirampas dalam tempoh yang sama ialah sebanyak \$1,911,394.33.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa peka

dan mengambil berat berhubung dengan kepentingan pengguna. Kementerian akan terus berusaha seberapa yang boleh bagi memastikan para pengguna mendapat perlindungan sewajarnya dari dieksploitasi oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Dalam hubungan ini semua undang-undang yang terletak di bawah bidangkuasa Kementerian ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa bagi menentukan ianya lebih berkesan, khususnya bagi menjaga dan melindungi kepentingan pengguna. Akta Kawalan Harga, 1946 adalah salah satu daripada undang-undang di dalam kajian Kementerian dan pihak Kementerian bersedia untuk menerima pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat suatu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan limau China yang selalu diimport dari negeri China pada musim Tahun Baru China. Walaupun beberapa kenyataan dan jaminan telah diberi oleh pegawai-pegawai Kementerian bahawa buah limau China itu bekalannya adalah mencukupi dan harganya adalah berpatutan. Tetapi pada masa hari perayaan itu harga limau meningkat hari demi hari. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa harga limau China ini akan dikawal pada tahun yang akan datang ini?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri jaminan bahawa dari segi kuantitinya mencukupi tetapi saya tidak boleh beri jaminan dari segi harga, melainkan kalau Ahli Yang Berhormat sendiri kurang makan limau China ini, mungkin harga akan turun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pemasaran secara langsung menggunakan sistem pyramid selling satu kesalahan dan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ramai pengguna menjadi mangsa pada sistem ataupun cara pyramid selling ini. Kalau tidak salah, adakah Kerajaan akan bertindak untuk mengadakan undang-undang bagi mengawal sistem pyramid selling?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, belum ada lagi undang-undang untuk mengawal ataupun mengharamkan pyramid selling dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu diambil perhatian serius oleh Kementerian dan kita akan kaji perkara ini.

PEMBAHAGIAN WAD MENGIKUT KELAS—MEMANSUHKAN

4. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kerajaan mempunyai sebarang pelan untuk memansuhkan sama sekali 'Sistem Kelas' di hospital-hospital Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Kementerian tidak ada sebarang cadangan untuk memansuhkan pembahagian wad di hospital mengikut kelas.

Tuan Fong Kui Lan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan sedar bahawa layanan doktor atau jururawat antara Kelas Tiga dan Kelas Dua yang lain berbeza seperti doktor lewat dan lebih utamakan Kelas lain dan layanan jururawat kasar. Jika sedar, apakah yang boleh dibuat untuk mengatasi masalah ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar. Jika ada maklumat yang tertentu, sila hantarkan—kita siasat. (*Ketawa*)

**PELEPAH KELAPA
SAWIT—KAJIAN MARDI**

5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Setakat mana penemuan MARDI yang pelepah kelapa sawit boleh diproses menjadi makanan lembu, boleh juga digunakan makanan lain-lain ternakan;
- (b) adakah penemuan ini boleh menampung kekurangan padang ragut bagi menjadikan Malaysia sebuah negara ternakan;
- (c) adakah dengan penemuan ini pelepah sawit boleh dijadikan industri bagi mengeluarkan makanan binatang ternakan bukan sahaja bagi keperluan dalam negeri, tetapi juga untuk dieksport; dan
- (d) sehubungan dengan ini, apakah lain-lain bahan yang sedang dan akan dikaji oleh MARDI bagi keperluan makanan ternakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini penemuan MARDI terhadap penggunaan pelepah kelapa sawit telah diujiguna sepenuhnya terhadap program penggemukan lembu daging dan bebiri. Dengan menggunakan pelepah kelapa sawit yang diracik, diperam dan diadun dengan dedak yang lazimnya menjadi komponen utama makanan ternakan ianya dapat mengurangkan penggunaan dedak sebanyak 50%. Justeru itu, mengurangkan kos pemberian makanan ternakan tersebut. Rumusan berasaskan pelepah kelapa sawit ini boleh diberi kepada biri-biri dan kerbau. Kajian sedang dibuat untuk lembu tenusu dan arnab.

- (b) Penemuan ini dapat membantu menampung kekurangan padang ragut memandangkan kawasan padang ragut yang terhad. Di samping itu, ianya juga dapat membantu di dalam mengatasi masalah pembiakan tikus di dalam damparan pelepah-pelepah di antara barisan tanaman kelapa sawit.
- (c) Penemuan ini mempunyai potensi untuk dikomersilisasikan bukan sahaja untuk membangunkan industri makanan ruminan tempatan, malahan untuk tujuan eksport.
- (d) MARDI telah mengkaji hampir kesemua bahan tempatan yang difikirkan berpotensi sebagai makanan ternakan. Keamatan dan pelaksanaan kajian bergantung kepada potensi penggunaan satu-satu bahan. Antara bahan-bahan yang telahpun dikaji sebagai makanan ternakan adalah seperti berikut:
 - (i) bahan sampingan kelapa sawit seperti batang kelapa sawit dan hampas isirong;
 - (ii) bahan sampingan padi seperti jerami padi dan beras hancur;
 - (iii) bahan sampingan koko (kulit koko);
 - (iv) bahan sampingan kopi (kulit kopi);
 - (v) bahan buangan ubi kayu seperti buangan pemprosesan ubi kayu dan ubi kayu racik;
 - (vi) bahan sampingan tebu seperti hampas tebu;
 - (vii) bahan sampingan nanas (hampas nanas).

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Setiausaha Parlimen

tadi bahawa makanan daripada pelepah kelapa sawit itu mesti dicampur dengan bahan dedak. Jadi, saya ingin tahu kalau sekiranya tidak dicampur dengan dedak, yang mana kita gunakan pelepah kelapa sawit semuanya, apakah akan terjadi kepada makanan dan ternakan itu?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita bagi makanan kepada ternakan adalah untuk keselesaan ternakan supaya pertumbuhan cepat, kualiti dagingnya lebih baik, lemak dapat dikurangkan tetapi kalau kita bagi makan 100% pelepah kelapa sawit, ternakan ini bukan jadi gemuk tetapi menyeksa ternakan ini. Ia nanti susah bila hendak buang air besar. *(Ketawa)* Ia jadi macam sembelit, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya ingin kemukakan ialah oleh kerana kelapa sawit dari segi pelepahnya dan batangnya boleh digunakan untuk makanan ternakan, apakah Kerajaan bercadang mahu menanam kelapa sawit secara khusus untuk dijadikan makanan ternakan dan dibuatkan kilang di tempat yang dibuat tanaman khusus ini kerana kalau kita khusus untuk buat tanaman bagi makanan ternakan, saya kira kita boleh tanam kelapa sawit itu lebih banyak dalam satu-satu ekar kerana kita hendak gunakan pelepah dan batangnya sahaja?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak payah tanam kelapa sawit dengan tujuan untuk ambil pelepah semata-mata. Apa yang kita buat sekarang ini daripada pokok kelapa sawit, selain daripada buah kelapa sawit itu dapat digunakan, dihasilkan minyak dan sebagainya, buangnya tiap-tiap 16 hari kita terpaksa buang 3 pelepah kelapa sawit. Bayangkanlah kalau dari satu estet yang mempunyai bilangan pokok kelapa sawit yang banyak.

Jadi, kita tidak perlu tanam kelapa sawit untuk tujuan hendak ambil pelepahnya sahaja sebab sekarang ini pelepah itu memang dibuang tiap-tiap 16 hari, satu pokok 3 pelepah. Daripada perkiraan yang ada pada kita setakat ini, kita boleh kalau kita ingin maknanya dari segi kesediaannya ada, dengan izin, availability, pelepah kelapa sawit sebanyak 17.64 juta tan metrik pelepah-pelepah kelapa sawit yang sedia ada. Maknanya, kita boleh gunakan kelapa sawit yang ada itu, pelepah yang dipotong dan tidak perlu kita tanam khusus untuk ambil pelepah kelapa sawit bagi dijadikan makanan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah, faham dah tu. *(Ketawa)*

BANK PERDAGANGAN— PEMBIAYAAN PINJAMAN PERUMAHAN

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah bank-bank perdagangan enggan memberi pinjaman perumahan kepada pembeli-pembeli rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 hingga menyukarkan pembeli-pembeli ini yang sudah membayar deposit hingga 10 hingga 20 peratus daripada harga rumah dan bakal-bakal pembeli yang ingin membeli rumah di bawah harga \$100,000 terpaksa mencari sumber yang boleh membiayai baki harga rumah sebelum mereka bayar pendahuluan atau deposit 10 hingga 20 peratus ini, jika tidak, maka akan hanguslah deposit mereka. Apakah tindakan segera yang beliau akan ambil supaya pembeli-pembeli tidak menderita dan hilang deposit.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mendapat maklumat bahawa terdapat sesetengah bank perdagangan kurang berminat untuk memberi pinjaman perumahan bagi rumah berharga \$100,000 ke bawah

kerana kadar faedah maksimum bagi kemudahan tersebut ditetapkan pada kadar 9.0% setahun atau 1.75% mata peratusan di atas kadar pinjaman asas yang mana lebih rendah.

Kerajaan telah meminta bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan agar menganggap perkara ini sebagai tanggungjawab sosial mereka terhadap hasrat bersama di dalam mencapai matlamat supaya penduduk negara dapat memiliki rumah terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Kementerian yakin bank-bank dan syarikat kewangan boleh melaksanakan tanggungjawab ini tanpa menjejaskan prestasi mereka kerana pinjaman bagi sektor yang lain adalah tidak dikawal.

Sebagai langkah memastikan bahawa kemudahan pembiayaan untuk pembeli rumah kos rendah dan sederhana, Bank Negara telah mengeluarkan Garispanduan Pemberian Pinjaman 1992 bagi sektor-sektor utama ekonomi termasuk perumahan. Di bawah garispanduan itu, bank-bank perdagangan dikehendaki memberikan pinjaman perumahan untuk rumah kediaman berharga \$100,000 dan ke bawah sekurang-kurangnya 75,000 unit dengan nilai pinjaman sekurang-kurangnya \$4.5 ribu juta, manakala bagi syarikat-syarikat kewangan ialah sekurang-kurangnya 25,000 unit dengan jumlah pinjaman sekurang-kurangnya \$1.5 ribu juta.

Tarikh pematuhan garispanduan tersebut ialah pada 31hb Mac 1994. Walau bagaimanapun, separuh daripada jumlah kuota tersebut hendaklah dipatuhi pada 31hb Mac 1993.

Bagi memastikan bank-bank dan syarikat kewangan mematuhi garispanduan itu, Bank Negara akan mengawasi prestasi setiap bank dan syarikat kewangan. Mereka yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan akan dikenakan penalti atau denda yang setimpal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapan tadi mengenai kuota dan sebagainya nampaknya kalau boleh dilaksanakan boleh mengatasi masalahnya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat ini, setakat pengumuman Bank Negara, setakat manakah pihak bank dan syarikat kewangan mematuhi kuota ini dan adakah benar bahawa Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan telah membuat satu rayuan dan telah membuat satu amaran bahawa kalau tidak dapat menyelesaikan masalah ini, maka projek-projek rumah kos rendah tidak akan dilaksanakan. Adakah ini berpunca daripada faedah yang terlalu rendah misalnya Base Lending Rate adalah di paras 8.95% dan faedah dibenarkan untuk pinjaman untuk maksud tersebut ialah 9% sahaja. Kalau ini benar, bagaimana kita dapat mengatasi hanya dengan mengatakan ini tanggungjawab sosial mereka? Saya percaya tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang penting ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pelaksanaan setakat ini kurang memuaskan. Rayuan sahaja tidak mencukupi. Soal kadar faedah atau Base Lending Rate tidak perlu berbangkit kerana keseluruhannya prestasi bank dan syarikat kewangan amat memuaskan, bahkan keuntungan yang dilaporkan pada tiap-tiap tahun cukup baik. Sebab itulah langkah yang dibuat sekarang ini ialah menetapkan satu garispanduan memastikan bahawa bank-bank dan syarikat kewangan mewajibkan mereka mematuhi.

Jadi, walaupun saya tidak dapat memberikan jumlah sekarang memandangkan tarikh kuatkuasanya iaitu mulai tahun ini dan dapat dilihat pada 31hb Mac 1993, tetapi saya yakin dengan garispanduan ini syarikat kewangan dan bank akan mematuhi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan daripada 75,000 unit ataupun \$4.5 bilion yang telah ditentukan sebagai garis panduan untuk bank-bank perdagangan memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah berharga \$100,000 ke bawah, bagaimanakah pembahagian di kalangan bank-bank? Sebab ada bank yang besar ada bank yang kecil. Bagaimanakah kuota ini ditentukan kepada bank-bank yang terlibat ini?

Perkara yang kedua mana-mana bank yang gagal ataupun tidak memenuhi peraturan ataupun garis panduan yang dibuat oleh Bank Negara maka akan dikenakan penalti ataupun denda. Apakah bentuk penalti dan denda ini? Apakah boleh dianggap penalti dan denda ini wajar pada pandangan Kementerian jika mereka gagal memenuhi tanggungjawab sosial ini. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pembahagian ini selalunya mengikut peratusan saiz dan keupayaan bank yang diberikan jumlah tadi ialah mengira pada keseluruhannya. Pembahagian ini yang dianggap adil berdasarkan keupayaan dan saiz bank—itu yang pertama.

Yang keduanya, sekiranya gagal, saya tidak jangka melihat garis panduan yang sedia ada dan tekanan yang diberikan bagi satu-satu dasar yang telah dikenalpasti, umumnya syarikat-syarikat kewangan dan bank mematuhi tetapi kita masih akan mengenakan penalti dan denda sekiranya mereka tidak mematuhi. Saya percaya bank bukan sahaja akan mematuhi tetapi tidak ingin dimasukkan ke dalam kategori yang didenda oleh Bank Negara Malaysia. Jadi saya agak optimistik tentang kesannya nanti.

GALAKAN PELABURAN DI SARAWAK

7. Puan Rohani binti Abd.Karim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai tindakan Kerajaan Negeri Sarawak yang telah berusaha membuka Zon Perindustrian Bebas sebagai satu langkah mewujudkan iklim pelaburan untuk menarik minat pelabur-pelabur menempatkan atau menubuhkan kilang-kilang mereka di Sarawak. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Negeri tidak akan berjaya tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan dan berhubung dengan perkara ini nyatakan juga:

- (a) apakah bentuk galakan pelaburan khas baru yang akan diperkenalkan, khususnya untuk Sarawak, memandangkan beberapa galakan pelaburan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dimansuhkan; dan
- (b) adakah galakan pelaburan khas dahulu yang begitu menarik dan dimansuhkan di bawah Belanjawan 1992 dipanjangkan pemakaiannya ke Sarawak sahaja.

Setiusaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, masih terdapat galakan-galakan seperti Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan. Hanya tahap pengecualian cukai yang diberi telah dikurangkan. Di antara galakan-galakan yang telah disediakan untuk menggalakkan pelaburan ke negeri Sarawak ialah:
 - (i) bagi projek tertentu seperti dengan izin, plywood, timber mouldings,

wooden cabinets for electrical and electronic products yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak, projek-projek ini akan diberikan galakan, sungguhpun galakan tidak akan diberikan kepada projek-projek seumpama ini yang ditempatkan di Semenanjung Malaysia.

- (ii) pengilang-pengilang yang mengeksport barang-barang rotan dan kayu (kecuali kayu gergaji dan veneer) akan layak mendapat potongan cukai dua kali ke atas kos pengangkutan yang ditanggungnya.
- (iii) pengecualian khas kepada pengilang-pengilang di Sabah dan Sarawak seperti berikut:
 - (a) pengilang-pengilang di Sarawak akan dipertimbangkan untuk pengecualian duti import ke atas bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen untuk perkilangan bagi pasaran tempatan dan eksport.
 - (b) bagi pasaran tempatan syarikat membayar duti import 3% ad valorem sahaja.
 - (c) Skim Pengecualian Khas ini dilaksanakan untuk jangkamasa 5 tahun mulai Julai, 1990 dan selepas itu dikaji semula.

(d) memberi pinjaman atas kadar faedah rendah di bawah tabung penyusunan industri bagi industri-industri kayu yang menempatkan semula operasi mereka dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada pemansuhan galakan khas pelaburan di bawah Belanjawan 1992, akan tetapi terdapat beberapa pindaan sahaja, antaranya:

- (i) syarikat yang dahulunya diluluskan dengan galakan Taraf Perintis adalah diberi pelepasan sepenuhnya daripada cukai pendapatan syarikat selama 5 tahun bermula dari 'hari pengeluaran'. Walau bagaimanapun, mulai dari Hari Belanjawan 1992 syarikat yang memohon dan diluluskan Taraf Perintis akan dikenakan cukai kira-kira 10% ke atas keuntungan mereka. Ini akan dilaksanakan melalui pengurangan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun dan baki 30% pendapatan dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat semasa. Jumlah pendapatan yang dikurangkan akan dikecualikan daripada cukai dan boleh diagihkan sebagai dividen yang dikecualikan.
- (ii) syarikat yang dahulunya diluluskan galakan Elaun Cukai Pelaburan diberi

elaun sehingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang akan dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh projek berkenaan diluluskan. Akan tetapi di bawah Belanjawan 1992, syarikat yang diluluskan Elaun Cukai Pelaburan selepas dari Hari Belanjawan 1992 akan diberi elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Jumlah Elaun Cukai Pelaburan yang akan dikecualikan tertakluk kepada maksimum 70% daripada pendapatan berkanun syarikat. Elaun yang tidak terpakai boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jumlah pengeksportan daripada negeri Sarawak masih terdiri daripada bahan-bahan yang belum diproses seperti kayu balak, minyak dan gas, maka usaha untuk menggalakkan perindustrian adalah amat penting. Di samping langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menggalakkan industri-industri berdasarkan kepada kayu, apakah rancangan Kerajaan Persekutuan yang telah digubal supaya mempelbagaikan ekonomi negeri Sarawak itu dengan memperkenalkan industri-industri dalam bidang lain seperti elektronik, tekstil atau apa-apa yang sesuai? Adakah satu kajian dibuat atau adakah satu rancangan sedang digubal dan apakah masalah yang telah dihadapi dalam percubaan untuk mempelbagaikan ekonomi negeri Sarawak yang paling mundur sekarang?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuching amatlah baik. Satu rombongan Kerajaan Persekutuan

khasnya daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa akan berada di Sarawak pada pertengahan bulan Jun ini untuk mendapatkan pandangan-pandangan seperti yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching ini. Saya haraplah dalam dialog itu kita boleh mendapat pandangan seperti ini untuk Kementerian mengkaji galakan-galakan yang harus diberi kepada negeri Sarawak.

PEMBUANGAN UNDI OLEH PENGUNDI TENTERA—KEHADIRAN CALON/WAKIL

8. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebabnya pihak Tentera tidak membenarkan calon-calon atau wakil-wakil calon menyaksi pembuang undi-undi oleh pengundi-pengundi Tentera dan memeterikan tong-tong undi sedangkan keselamatan tidak mungkin terjejas jika kawalan ketat dikenakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota Tentera dan isteri/suami dibenarkan oleh undang-undang mendaftar sebagai pengundi tak hadir. Sebagai pengundi tak hadir, kertas-kertas undi akan dihantar kepada mereka secara pos dan dikembalikan semula kepada Pegawai Pengurus Pilihanraya Kawasan juga secara pos.

Memandangkan kepada mobiliti pergerakan anggota yang cepat dan penempatan tugas yang merata-rata disebabkan oleh keperluan perkhidmatan, pihak ATM telah mengambil inisiatif mengambil sampul kertas undi secara sendiri dengan tangan daripada Pegawai-pegawai Pengurus Pilihanraya Kawasan.

Sampul-sampul surat ini kemudiannya diedarkan kepada pengundi-pengundi Tentera di dalam kem atau di

kawasan operasi atau di mana-mana sahaja mereka berada. Urusan pemangkahan dibuat secara individu dan persendirian. Kertas-kertas undi yang telah dipangkah kemudiannya akan dikutip semula oleh pasukan dan dikembalikan kepada Pegawai Pengurus Pilihanraya Kawasan yang berkenaan.

Dalam keadaan begini, calon-calon atau wakil tidak dapat menyaksikan pembuangan undi oleh anggota-anggota Tentera oleh kerana pemangkahan kertas undi dibuat oleh individu di merata-rata tempat. Pihak Tentera berpendapat dalam situasi sebegini tidak perlu calon-calon atau wakil calon turut hadir menyaksikan.

Tuan Haji Sukri bin . Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama, adakah semua anggota Tentera, isteri-isteri dan kaum keluarga mereka dianggap sebagai pengundi berdaftar? Kerana setahu kita, pada masa pengundian, berlangsung atau pada hari pengundian, tidak semua askar-askar tentera ini dan isteri mereka masing-masing berada dalam operasi. Ramai mereka yang memangkah kertas undi di dalam kem berkenaan. Jika hal ini berlaku, adalah janggal dan adalah pelik sedikit mengapa wakil daripada parti-parti yang bertanding tidak boleh memasuki dan memerhati proses pengundian yang berjalan di dalam kem yang berkenaan. Ini menimbulkan was-was bukan sahaja kepada parti Pembangkang, tetapi kepada seluruh calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya.

Bolehkah kita limitkan sahaja pengundi yang berdaftar, iaitu pengundi pos tadi, kepada mereka yang benar-benar dalam operasi, yang lain itu adalah mengundi dalam proses biasa dan wakil-wakil dibenarkan. Jika perkara ini tidak boleh dilakukan, boleh atau tidak Peraturan Pilihanraya itu dipinda mengikut keperluan ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan dan juga Ahli Yang Berhormat, bukan semua anggota Tentera kita ini mengundi secara pos. Bagi kem-kem Tentera yang berada di kawasan berhampiran dengan pusat mengundi, mereka mengundi seperti biasa pada hari pengundian. Yang meminta untuk mengundi secara pos ini ialah mereka yang terlibat di dalam kawasan operasi atau di kem-kem yang sangat terpencil.

Saya bagi satu contoh. Umpamanya, di Sabah ada kawasan-kawasan operasi kita yang mana anggota Tentera dalam 7 atau 8 orang duduk di tanjong-tanjong dan di pulau-pulau kecil. Di situ yang kita berikan undi secara pos dan di situlah yang kita kata sukar bagi pemerhati-pemerhati ataupun calon-calon untuk menyaksikannya. Bagi kem umpamanya dalam Kuala Lumpur, misalnya di Sungai Besi yang berhampiran dengan pusat mengundi, di situ mereka mengundi seperti biasa pada hari mengundi itu, bukan mereka mengundi secara pos.

PENGEMIS DARI LUAR NEGARA—TANGKAPAN

9. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap pengemis-pengemis luar negeri yang mengemis di negara ini dan memburukkan pemandangan negara ini terutama sekali kepada pelancong-pelancong luar.

Setiausha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil tindakan menangkap pengemis-pengemis dari luar negara dan

menyerahkan mereka kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar ke negara asal masing-masing. Di antara tahun 1987 hingga 1991, daripada 1,283 serbuan, seramai 881 pengemis asing telah ditangkap dan telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah pengemis-pengemis luar negara yang mengemis di dalam negara kita pada ketika ini dan adakah Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk membanteras kemasukan mereka ke dalam negara kita ini dengan begitu mudah?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, angka tadi ialah mengenai pengemis-pengemis luar negara dan tidak termasuk pengemis tempatan. Kita sedar juga akan kegiatan pengemis-pengemis luar negara, dan tindakan mereka, kalau tidak dibendung, akan menjejaskan imej negara kita oleh kerana orang asing, pelawat dan pelancong yang datang ke negara kita akan menyangka bahawa mereka itu adalah golongan rakyat tempatan yang diabaikan. Kerajaan telah mengarahkan pasukan Polis DiRaja Malaysia mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya ke atas warganegara-warganegara asing yang meminta sedekah ini.

JAMBATAN PULAU PINANG—BAKI PINJAMAN/KUTIPAN TOL

10. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang Jambatan Pulau Pinang:

- (i) jumlah wang pinjaman yang masih tunggakan;
- (ii) jumlah kutipan wang tol bagi tahun 1990 dan 1991; dan
- (iii) sama ada ia akan diswastakan dan kepada siapa.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Sehingga 31.3.1992, baki pinjaman bagi membiayai projek Jambatan Pulau Pinang adalah berjumlah sebanyak \$530 juta.
- (ii) Jumlah kutipan tol Jambatan Pulau Pinang bagi tahun 1990 ialah \$40,052,601 dan bagi tahun 1991 ialah \$47,988,330.
- (iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang menimbangkan kemungkinan menswastakan Jambatan Pulau Pinang. Perbincangan dengan syarikat yang telah mengemukakan cadangan pen-swastaaan itu sedang diuruskan dan Kerajaan belum membuat keputusan dalam perkara ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai jawapan kepada soalan bahagian (ii) iaitu kutipan tol ialah lebih kurang \$47 juta setahun, adakah jumlah kutipan ini mencukupi untuk membayar pinjaman dalam satu tahun? Yang kedua, memandangkan penunggang-penunggang motosikal adalah dikecualikan untuk membayar tol di seluruh negara, mengapa penunggang-penunggang motosikal yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang ini dikenakan tol? Adakah cadangan untuk memansuhkan kutipan tol bagi penunggang-penunggang motosikal ini?

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, kutipan sekarang tidaklah mencukupi untuk membayar faedah dan pokok pinjaman. Dari segi cadangan untuk menimbangkan kemungkinan mengelakkan penunggang-penunggang motosikal membayar tol kita tidak ada cadangan untuk mengubah kedudukan tol sekarang.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu daripada jumlah kutipan tol pada tahun-tahun yang tersebut, berapakah jumlah kutipan atau angka kutipan daripada penunggang-penunggang motosikal? Kalau tidak ada angka pun, bolehkah Yang Berhormat beritahu berapakah peratusannya dalam tahun-tahun yang tersebut itu, iaitu mengenai kutipan daripada penunggang-penunggang motosikal?

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka di depan saya sekarang bersabit dengan soalan pembahagian kutipan tol yang diperolehi dari hasil penunggang motosikal. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat itu memerlukan, saya boleh memberi jawapan secara bertulis bagi angka yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Nurnikman Abdullah tidak hadir)

FELDA/FELCRA/RISDA— PENGGABUNGAN

12. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab Kerajaan akan mengambil langkah untuk menyatukan FELDA, FELCRA dan RISDA; dan
- (b) adakah Kerajaan selanjutnya bercadang untuk memperebadan dan menswastakan lembaga-lembaga berkenaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebab-sebab Kerajaan mengambil langkah untuk meng-

gabungkan ketiga-tiga agensi itu adalah antaranya untuk mengatasi masalah pertindihan fungsi agensi-agensi terlibat, meningkatkan pengeluaran serta menentukan pasaran yang terjamin dan untuk membolehkan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil serta pembekalan input-input seperti benih-benih dan baja dijalankan dengan lebih berkesan.

Adalah dijangkakan dengan penyelarasan dan kemungkinan penggabungan ini nanti, banyak kekuatan-kekuatan khususnya dari segi ekonomi akan ternyata kerana wujudnya kepakaran-kepakaran khusus yang sudah ada di dalam agensi-agensi ini. Dengan itu, "synergy" akan wujud. Dengan penggabungan ini juga, banyak aktiviti-aktiviti boleh diselaraskan dan ini akan dapat membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pekebun-pekebun kecil.

- (b) Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menswastakan FELDA, FELCRA ataupun RISDA. Walau bagaimanapun, senarai agensi-agensi yang akan diswastakan oleh Kerajaan adalah dikaji dari masa ke masa.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya Kerajaan telahpun bersetuju untuk menyatukan agensi-agensi yang disebutkan tadi, saya ingin tahu apakah pula tindakan yang akan diambil terhadap pekebun-pekebun kecil yang terlibat di bawah agensi-agensi ini yang mempunyai kedudukan dan keadaan yang berbeza dari segi taraf tanah dan juga lain-lain syarat yang dikenakan oleh ketiga-tiga agensi ini secara yang berasingan ataupun yang berbeza antara satu sama lain.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa masalah kemungkinan untuk menyatukan ketiga-tiga agensi ini adalah masih lagi dalam perhitungan dan kajian oleh pihak Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan hasrat Kerajaan untuk menggabungkan ketiga-tiga agensi ini yang begitu besar, apakah akan terjadi dengan kakitangan seperti 5,300 kakitangan RISDA, 8,000 kakitangan FELDA dan juga 3,000 kakitangan FELCRA? Apakah nasib mereka?

Tuan Yang di-Pertua, adakah benar pengurusan sama ada RISDA, FELDA ataupun FELCRA tidak begitu cekap, tidak begitu bersih, tidak begitu beramanah sehingga timbullah masalah cadangan untuk menggabungkan semuanya ini. Dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada terima aduan tetapi saya tidak ada bukti, dan saya berharap pihak Kementerian dapat membuat siasatan yang teliti untuk mengesahkan aduan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap itu.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan berucap. Adakah Kementerian sanggup membuat penyiasatan ke atas aduan mengenai pengurusan FELCRA misalnya. Ada aduan yang mengatakan Pengurus Besar tidak begitu bersih dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana beribu-ribu kakitangannya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Dr Tan Seng Giaw: Dan pihak di sana tidak begitu berminat. Ini akan menjadikan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup dah!

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tiba-tiba saudara Yang Berhormat ini hilang akal nampaknya. (*Ketawa*) Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagaimana, cara mana, bila dan sebagainya ini, segala kemungkinan ini, masih dalam kajian oleh pihak Kerajaan.

Yang kedua mengenai masalah ketidakcekapan tadi itu, jelas dan nyata di sini bahawa ianya merupakan satu tuduhan semata-mata dan tidak timbul masalah tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Sanusi bin Daeng Mariok.

(*Soalan No. 13 Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir.*)

PEGAWAI TENTERA— PERSARAAN SECARA PILIHAN

14. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan pegawai-pegawai tentera bertauliah tetap yang telah berhenti sebelum sampai umur persaraan secara pilihan dan wajib sejak 5 tahun yang lalu. Nyatakan sebab-sebab mereka berhenti; dan
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa keadaan ini boleh menyebabkan Kementerian akan kehilangan ramai pegawai-pegawai yang berpengalaman khususnya dalam operasi gerila dan hutan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama maksudnya telah dijawab semasa saya menjawab

pertanyaan Yang Berhormat dari Alor Gajah pada 30hb Januari, 1991 dan pertanyaan Yang Berhormat dari Sungei Benut pada 25hb November, 1991. Saya tidak ada apa tambahan kepada pertanyaan tersebut.

KOD ETIKA PENGIKLANAN— GARISPANDUAN

15. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil terhadap iklan-iklan yang melampau batas-batas tatasusila dan budaya masyarakat negara ini;
- (b) sejauh manakah pengiklan-pengiklan telah mematuhi garis-panduan yang telah digariskan dalam Kod Etika Pengiklanan; dan
- (c) adakah Kementerian sentiasa meneliti dan mengemaskinikan garis-panduan yang telah digariskan dalam Kod Etika Pengiklanan agar iklan yang disiarkan tidak bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia.

Setiasusaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) RTM tidak akan meluluskan untuk penyiaran bagi semua iklan-iklan yang didapati melampaui batas-batas tatasusila.
- (b) Buat masa ini pihak Kementerian berpuas hati dengan kesediaan pihak pengiklanan dalam mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- (c) Kementerian sentiasa peka dengan pandangan masyarakat terhadap iklan-iklan yang

disiarkan dan oleh itu sentiasa mengemaskinikan garis-panduan dalam Kod Etika Pengiklanan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk Menteri menjawab. Telah lama pihak RTM tidak membuat iklan arak tetapi kebelakangan ini ada kembali iklan arak iaitu iklan Guinness. Saya harap dapat penjelasan daripada Menteri.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Menteri tidak datang. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan juga RTM tidak pernah mengizinkan iklan-iklan berkaitan dengan arak *per se*. Tetapi kalau dimaksudkan macam rugby anjuran Guinness umpamanya, memang ada kerana ia tidak memaparkan arak itu sendiri tetapi produk dia ialah pertandingan itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan sedar atau tidak pengiklan-pengiklan dengan begitu bangganya mengiklankan jenama-jenama mereka dengan membangga-banggakan negara Amerika Syarikat sedangkan negara tersebut sentiasa memenci! mencilkan kita dan memburuk-burukkan negara kita. Jadi itulah yang kita harapkan supaya Kerajaan bertindak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Terima kasih. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak tanya pun! Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jawapannya?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak tanya pun!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya, apakah tindakan Kerajaan untuk membanteras pengiklanan-pengiklanan tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, RTM tidak mendewa-dewakan negara-negara luar dalam sebarang bentuk pengiklanan. Saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pengiklanan oleh satu jenama rokok yang produknya ialah tempat—macam dia menjual tiket untuk satu-satu tempat 'the product is the place, dengan izin. Jadi, oleh kerana itu disebutkan negara-negara yang berkaitan tetapi kebanyakan footagenya adalah dilakukan di dalam negara kita.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang diizinkan kadang-kadang ialah pengiklanan yang menyentuh negara-negara luar, kerana kita juga pada masa yang sama memerlukan "reciprocal treatment" daripada televisyen di luar negara seperti di Barat, Eropah, Amerika dan sebagainya. Oleh itu kalau dengan mengizinkan iklan mereka sedikit di dalam televisyen kita, kita mengharapkan supaya kita juga dapat menggunakan advantage "Reciprocal Treatment", dengan izin, di negara-negara Barat supaya menggalakkan mereka melancong dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir)

HUKUMAN MATI MANDATORI TERHADAP PENGEDAR DADAH—KEBERKESANAN

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak hukuman mati mandatori dilaksanakan, adakah ianya telah mengurangkan kegiatan mengedar dadah. Jika tidak, apakah langkah lain yang akan lebih berkesan untuk menghapuskan kegiatan tersebut; dan
- (b) berapa ramai mereka yang dihukum mati kerana kesalahan mengedar dadah ini telah menjalani hukuman sejak hukuman mati mandatori dikuatkuasakan mengikut pecahan negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak dilaksanakan hukuman mati mandatori, kegiatan pengedaran dan pemilikan dadah berbahaya masih belum berkurangan. Ini adalah disebabkan antara lain mereka yang ditangkap mengedar dadah hanyalah mereka yang bekerja dengan sindiket sebagai 'couriers' atau orang upahan sahaja. Apabila mereka ditangkap, orang upahan ini senang ditukar ganti. Di dalam hubungan itu, ketua-ketua sindiket yang bertanggungjawab ke atas kemasukan bekalan dadah dan para pembiayaannya tidak langsung menanggung risiko kerana mereka tidak pernah membawa dadah sendiri. Ganjaran lumayan yang diperolehi dari kegiatan pengedaran juga merupakan satu faktor tarikan dan dorongan kepada mereka yang ingin kekayaan dengan cepat tanpa memikirkan risiko yang mereka tanggung nanti.

Langkah-langkah lain yang diambil untuk menghapuskan kegiatan tersebut antara lain ialah:

- (i) melancarkan gerakan dari semasa ke semasa untuk mencegah kemasukan dadah ke negara ini dengan tujuan mengurangkan bekalan dadah;
 - (ii) tindakan-tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 diambil bagi menangkap dan menahan pengedar-pengedar dadah; dan
 - (iii) tindakan merampas dan melucuthakan harta kepunyaan seseorang pengedar dadah juga diambil jika didapati harta tersebut adalah hasil dari aktiviti-aktiviti pengedaran dadah mengikut kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Rampasan dan Perlucuthakan Harta) 1988.
- (b) Jumlah mereka yang telah menjalani hukuman mati semenjak hukuman mati mandatori dikuatkuasakan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Kedah	-	4 orang
Pulau Pinang	-	8 orang
Perak	-	7 orang
Selangor	-	2 orang
Kuala Lumpur	-	10 orang
Negeri Sembilan	-	2 orang
Sabah	-	15 orang
Johor	-	2 orang
Kelantan	-	7 orang
Jumlah	-	<u>57 orang</u>

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jadi, Yang Berhormat

Setiasaha Parlimen telah sedar bahawa nampaknya penjenayah yang sebenar di belakang tabir, dalang-dalangnya tidak ditangkap tetapi yang ditangkap hanyalah 'couriers' atau pembawa-pembawa dadah itu sahaja. Jadi, oleh kerana Kerajaan sudahpun sedar tentang perkara ini, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang menjalankan kegiatan ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk mereka yang ditangkap dengan bukti iaitu terdapat dadah pada seseorang itu sama ada mereka itu, dengan izin, courier ataupun kepala yang sebenarnya, maka seseorang itu akan didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 39(b) ataupun 39(a), bergantunglah kepada banyaknya dadah yang terlibat. Tetapi untuk ketua-ketua sindiket yang begitu bijaksana, ianya menggunakan orang lain untuk membawa dadah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menangkap juga mereka apabila dapat maklumat yang cukup untuk menahan mereka di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, iaitu mereka akan ditahan dan dimasukkan ke dalam Pusat Pemulihan Akhlak di beberapa tempat di negara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, semenjak tahun 1975 seramai 130 orang pengedar dadah telah menjalani hukuman mati dan sehingga kini seramai 275 orang pengedar-pengedar dadah yang sedang menunggu untuk dilaksanakan hukuman mati. Tetapi apa yang saya hendak dapat tahu ialah apabila seseorang yang disabitkan atau dihukum mati, Kerajaan terus melaksanakan hukuman itu, tetapi apabila orang yang sudah dibebaskan dari sesuatu pertuduhan di bawah Seksyen 39(b), khasnya kepada tiga orang rakyat Iran baru-baru ini, kenapa Kerajaan menangkap semula orang yang dibebaskan dari tuduhan itu oleh Mahkamah? Saya hendak dapat tahu berkenaan hal itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong selama ini dia bercakap di Parlimen macam juara, terutamanya membela nasib mereka yang terlibat di dalam pendedaran dadah.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*), Tuan Speaker, point of order.

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habis jawab.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Tuan Ong Ka Ting: Dia perlu mengingati.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Beberapa Ahli: Tarik balik, sangkaan jahat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.....

Tuan Yang di-Pertua: Point of order berapa?

Tuan R. Karpal Singh: 36 (6), sangkaan jahat. Kita sebagai Peguam, Tuan Speaker pun masa dahulu adalah Peguam dan sebagai Peguam tugas dan kewajipan saya adalah untuk mempertahankan seseorang yang dituduh di dalam Mahkamah. Jika Menteripun, kalau tidak bersalah saya akan mempertahankannya. (*Tepuk*) Itu tugas seorang Peguam. Tadi sangkaan jahat apabila Setiausaha Parlimen ada bercakap begitu. Bolehkah tarik balik itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Saya ingat perkataan itu tidak sampai kepada tuduhan sangkaan jahat. Itu selalu diperkatakan di dalam Dewan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum habiskan apa yang saya hendak cakap, dia sudah naik. (*Ketawa*) Yang sebenarnya apa yang saya hendak menyatakan ialah apabila kita membela nasib sesuatu golongan, kita juga kena bertimbang-rasa terhadap segolongan mangsa lagi. Apa yang lebih penting ialah kalau sekiranya banyak sangat mangsa dadah, kita sebagai seorang Wakil Rakyat, terutamanya, mempunyai kewajipan yang lebih penting.

Untuk soalan yang dibangkitkan, bahawa seseorang itu ditangkap kemudian dilepaskan dan ditangkap semula, saya rasa negara kita ini adalah sebuah negara yang undang-undangnya sudah cukup lengkap di dalam dunia ini dan Kerajaan tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya tanpa menggunakan undang-undang. Apa-apa yang kita lakukan itu semua selaras dengan undang-undang kita, kalau sekiranya sesuatu perkara berlaku atas sebab masalah teknik, kita kena betulkan, tidak boleh sebab sesuatu masalah teknik itu, kita lepaskan seseorang culprit, kita kena betulkan dengan tangkapan semula apabila perlu demi untuk keadilan kepada semua yang terlibat.

BANGUNAN PAREMBA—JUALAN KEPADA RASHID HUSSEIN SECURITIES BHD.

18. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Menteri atau Lembaga Pengarah UDA di atas jualan Bangunan Paremba kepada Rashid Hussein Securities Bhd yang mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang bertarikh 18hb Disember, 1990 di dalam Laporan Tahunan 1989 UDA yang menunjukkan pengurusan kewangan yang tidak sihat. Jika tiada, sila berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang adalah sama dengan soalan yang telah beliau kemukakan di Dewan ini pada Mesyuarat Penggal yang lepas, iaitu pada 7hb November 1991.

Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dapat merujuk kembali kepada jawapan yang telah diberikan pada sesi tersebut. *(Tepuk)*

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak benar. Oleh kerana soalan ini menanya kenapakah Kementerian berkenaan tidak ambil tindakan di atas pengurusan kewangan yang tidak sihat oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, ini latar belakangnya.

Bangunan Paremba dijual oleh UDA dengan harga \$41.5 juta pada tahun 1989 dan harga ini juga telah dinilai pada tahun 1987 semasa itu keadaan ekonomi negara kita dalam keadaan meleset.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan pertanyaan.

Tuan Wee Choo Keong: Ini satu sentence lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dan pada tahun 1989, UDA pula menggunakan valuation report 1989 dan valuation report ini juga menunjukkan harga \$41.5 juta, pada masa itu ekonomi kita sudah pick-up, sudah pulih. Dan kenapa UDA menggunakan valuation report itu daripada pembeli iaitu Rashid Hussein Securities Bhd. dan tidak menggunakan valuation report daripada UDA sendiri. Saya tidak pernah lagi mendengar seorang penjual harta menggunakan valuation report daripada

pembeli. Ini satu hakikat yang kita tidak boleh terima.

Dan soalan yang kedua, kenapakah tiada tindakan diambil oleh Kementerian Perusahaan Awam di atas perkara ini oleh kerana ini sudah dibuat satu catatan di dalam Laporan Tahunan UDA 1990 oleh Ketua Audit Negara sendiri. Katanya, dia tidak sanggup terima hakikat ini. Ini fakta, bukan dari saya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya katakan bahawa Ahli Yang Berhormat ini perlu rujuk balik kepada jawapan yang telah saya berikan. Namun demikian, saya akan mengingati kembali ingatan Ahli Yang Berhormat ini berkenaan dengan jawapan kepada soalan ini. *(Tepuk)*

Pertamanya, UDA telah menjual Bangunan Paremba kepada Rashid Hussein Securities Bhd. pada 10hb Ogos, 1989 dengan harga \$41.5 juta. Harga ini adalah berdasarkan penilaian semasa Jurunilai swasta semasa iaitu Tetuan W.M. Malek & Lee, sebuah syarikat penilai bebas dan bertauliah yang juga adalah jurunilai panel UDA. Oleh itu, tidak timbul pertikaian mengenai harga oleh mana-mana pihak, disebabkan harga tersebut adalah berasaskan nilai pasaran semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga ini telah dibincangkan di peringkat pengurusan dan di peringkat Jemaah Perbadanan, malah penilaian ini adalah dianggap munasabah dan telah diterima oleh Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC).

Saya ingin menjelaskan di sini, bahawa semasa UDA membeli bangunan tersebut daripada Syarikat Paremba Berhad pada 22hb Julai, 1988, jurunilai yang sama telah digunakan oleh Paremba Berhad, anak syarikat UDA yang harga

belian telah ditetapkan pada jumlah \$31.5 juta. Dengan itu apabila bangunan ini dijual setahun kemudian, UDA telah mencatat keuntungan \$10 juta.

Bagi soalan kedua, tidak perlu apa-apa tindakan, kerana untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian dan Lembaga Pengarah Jemaah UDA adalah memang sentiasa mengambil perhatian berat di atas kedudukan kewangan UDA, dengan memeriksa secara lebih teliti sebab berlakunya kerugian. Namun demikian, pada tahun 1989, UDA sebenarnya telah mencatat keuntungan operasi sebelum faedah dan hutang ragu sebanyak \$25.187 juta. Kerugian sebanyak \$20.64 juta pada tahun tersebut adalah kerana kos faedah yang tinggi sebanyak \$26.78 juta dan peruntukan hutang ragu sebanyak \$19.54 juta. Dan Perbadanan Pembangunan Bandar telahpun mengatasi kedudukan kekurangan kewangannya dalam tahun 1990 di mana Perbadanan telah mencatatkan kelebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan sejumlah \$127.534 dan telah menghapuskan kekurangan terkumpul sebanyak \$78.707 juta kepada kelebihan terkumpul sebanyak \$48.827 juta pada akhir tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 11, 13, 16, 19 hingga 84 adalah diberi di bawah ini)

BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR DI SARAWAK— PERUNTUKAN

1. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa banyakkah peruntukan yang diberi untuk negeri Sarawak dalam bidang pembekalan

elektrik luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ke 4, 5 dan 6; dan

- (b) berapa ramai penduduk yang mendapat faedah dari kemudahan projek tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):

- (a) Peruntukan yang telah disediakan untuk negeri Sarawak bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Keempat (RM4), Rancangan Malaysia Kelima (RM5) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) adalah seperti berikut:

RM4 \$ 72.33 juta.

RM5 \$ 70.00 juta.

RM6 \$210.00 juta.

- (b) Adalah dianggarkan sehingga kini seramai 890,000 penduduk Sarawak menikmati faedah dari kemudahan bekalan elektrik.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MENUMBOK— KEMAJUAN PROJEK

11. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kemajuan terhadap pembinaan bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Menumbok dan bilakah ia dijangka siap dan boleh digunakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kebangsaan Menumbok buat masa ini masih dalam pembinaan. Kemajuan projeknya sehingga kini mencapai 55% siap. Ia dijangka siap pada bulan Julai 1992 dan penggunaannya akan bermula pada bulan Disember, tahun yang sama.

BANJIR DI JAJAHAN PASIR MAS

13. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan Pusat bercadang hendak mengatasi masalah banjir di Jajahan Pasir Mas, khususnya Rantau Panjang yang hampir setiap tahun berlaku banjir ekoran dari adanya Lebuh raya Pasir Mas-Rantau Panjang dan limpahan air Sungai Golok. Jika ada, bilakah hendak dilaksanakan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kerajaan Persekutuan memang sedar akan masalah kejadian banjir di Jajahan Pasir Mas termasuk Bandar Rantau Panjang. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan bercadang melaksanakan sebuah projek bernama Rancangan Tebatan Banjir Kawasan Lemal dan Rantau Panjang di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Sungai Golok. Di antara lain, tujuan Rancangan Tebatan Banjir Kawasan Lemal dan Rantau Panjang ialah untuk mengatasi masalah banjir di bandar serta kawasan pengairan Rantau Panjang. Kini Rancangan Tebatan Banjir tersebut sedang di peringkat rakabentuk terperinci oleh Jabatan Pengairan dan Saliran yang mana dijangka siap balik tanah dijadualkan bermula pada tahun 1993 manakala kerja-kerja pembinaan akan bermula pada tahun 1994.

PENYELUDUPAN BAHAN— BAHAN BUATAN NEGARA JIRAN

16. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah dasar dan sikap Kementerian beliau terhadap penyeludupan bahan-bahan buatan negara jiran yang akan merosakkan pertumbuhan atau perkembangan industri-industri yang sama di dalam negara;

- (b) apakah bentuk pengawalan yang telah dibuat dan apa tindakan oleh Jabatan Kastam terhadap pemalsuan harga belian atau usia barangan bagi mengurangkan pembayaran duti import; dan
- (c) adakah Jabatan Kastam berkemampuan untuk bertindak mengesan dan menahan segala jenis penyeludupan mereka, sistem penyelidikan atau sematamata bergantung kepada maklumat daripada orang awam.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Kementerian Kewangan memandang serius terhadap sebarang bentuk penyeludupan termasuk penyeludupan bahan-bahan buatan negara jiran. Sekiranya kegiatan ini berleluasa, negara bukan sahaja akan kehilangan hasil cukai yang tinggi tetapi juga akan mengancam pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya menjejaskan perusahaan tempatan akibat saingan barangan yang sama diseludup.
- (b) Bentuk pengawalan dan tindakan Jabatan Kastam terhadap pemalsuan harga belian atau usia barangan bagi mengurangkan pembayaran duti import adalah seperti berikut:
- (i) membuat serbuan ke atas syarikat-syarikat yang disyaki memalsukan harga semasa pengimportan barangan. Siasatan yang rapi akan dibuat ke atas inbois-inbois, borang-borang ikrar kastam, dokumen pembayaran dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan;
- (ii) menyediakan doket-doket harga untuk sesuatu barang sebagai asas dan

panduan serta rujukan kepada Pegawai Kastam semasa membuat taksiran ke atas barangan yang diimport.

- (c) Melalui langkah-langkah tegas dan berkesan yang diambil, Jabatan Kastam berkemampuan untuk bertindak mengesan dan membendung segala bentuk penyeludupan sama ada penyeludupan secara langsung ataupun tidak langsung. Dalam usaha membanteras penyeludupan tersebut, Jabatan Kastam tidaklah semata-mata bergantung kepada maklumat orang ramai. Strategi-strategi Jabatan Kastam dalam usaha membanteras penyeludupan seperti berikut:
- (i) mengadakan operasi secara berterusan di seluruh negara;
 - (ii) mempertingkatkan lagi rondaan darat dan laut di kawasan-kawasan strategik;
 - (iii) mempertingkatkan keupayaan perisikan bertujuan untuk membina profail penyeludup dan penyeludupan dan mengenalpasti *modus operandi*, kawasan penyeludupan, masa dan merancang tindakan-tindakan yang akan diambil;
 - (iv) mengadakan kursus dan latihan kepada Pegawai Pencegah supaya mereka mahir dan cekap dalam mengesan dan mencegah penyeludupan;
 - (v) mempertingkatkan tugas-tugas pencegahan biasa seperti mencari maklumat, serbuan, siasatan dan pendakwaan;
 - (vi) memperbanyakkan logistik yang canggih khususnya bot, kenderaan darat dan lain-lain kelengkapan;
 - (vii) meningkat keupayaan Unit Semboyan;
 - (viii) tindakan bersepadu di antara negara-negara sempadan khususnya dengan Thailand, Indonesia dan Singapura; dan
 - (ix) membentuk kerjasama dengan agensi-agensi dalam dan luar negara.

PEKERJA DI SEKTOR PERKILANGAN—KEKURANGAN

19. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan betapa seriusnya keadaan kekurangan pekerja di sektor perkilangan dan pembuatan di seluruh negara. Adakah Kementerian bercadang membenarkan buruh asing bekerja di sektor ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Kekurangan pekerja di sektor perkilangan dan pembuatan hanya berlaku di setempat-setempat, iaitu di kawasan-kawasan perindustrian yang pesat membangun. Mengikut satu laporan kajian yang dikeluarkan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)) dalam tahun 1990, FMM melaporkan bahawa lebih kurang 50,000 hingga 80,000 pekerja kekurangan dalam sektor pembuatan. Tetapi Kementerian Sumber Manusia dari kajiannya sendiri berpendapat bahawa kekurangannya tidak begitu serius seperti yang digambarkan. Sebenarnya masih terdapat tenaga pekerja di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Kementerian Sumber Manusia berpendapat sekiranya firma-firma menawarkan gaji dan syarat pekerjaan yang lebih menarik serta menyediakan kemudahan penginapan dan pengangkutan. Ia yakin pencari-pencari kerja yang masih menganggur di kawasan-kawasan yang kurang maju akan tertarik untuk bekerja dengan firma-firma ini.

Sungguhpun masalah kekurangan pekerja di sektor perkilangan dan pembuatan dipercayai tidak serius tetapi Kerajaan masih bersedia untuk membenarkan sesuatu firma perkilangan menggaji buruh asing berasaskan merit sesuatu kes setelah didapati firma itu benar-benar mengalami kekurangan pekerja dan terbukti bahawa ianya telah berusaha sedaya upaya mendapatkan pekerja-pekerja tempatan tetapi tidak mendapat sambutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah memberikan penjelasan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan. Sila rujuk kepada siaran akhbar dalam *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *The Star* bertarikh 21.5.92 untuk mendapat penjelasan.

KWSP—PROJEK IDENTITI KORPORAT DAN PROGRAM DESENTRALISASI

20. Dr T. Marimuthu minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah perbelanjaan oleh pihak KWSP untuk melaksanakan program dasar imej korporat termasuk program desentralisasi urusan KWSP. Apakah aktiviti yang akan dijalankan oleh KWSP dalam dasar ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP baru saja siap menyediakan konsep Projek Identiti Korporat KWSP yang menelan belanja sebanyak \$54,565.

Berkenaan dengan Program Desentralisasi KWSP pula, jumlah peruntukan bagi melaksanakan program ini ialah sebanyak \$35.2 juta. Program Desentralisasi ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa satu telah dilaksanakan pada 16.11.91 bila mana pejabat-pejabat KWSP di negeri Johor dan Kelantan telah bermula operasi sebagai cawangan penuh. Fasa kedua akan dilaksanakan pada 1.6.92 bila mana pejabat-pejabat negeri KWSP akan didirikan di negeri Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah dan Negeri Sembilan. Fasa Ketiga Program Desentralisasi akan melibatkan negeri-negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Pulau Pinang dan akan mula beroperasi pada 1.7.92.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Desentralisasi ini pejabat-pejabat negeri akan menguruskan urusan pungutan caruman, pemerosesan permohonan pengeluaran dan pembayaran kepada ahli-ahli yang pada masa ini dipusatkan di Ibu Pejabat KWSP.

LAGU "NEGARAKU"—ASAL-USUL

21. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) asal-usul lagu kebangsaan "Negaraku" itu telah dipilih; dan
- (b) memandangkan perkataan "Negaraku" dalam senikata lagu kebangsaan itu membawa erti yang umum, dan memandangkan perlunya menanam penghayatan patriotisme yang lebih intim di kalangan generasi muda, bolehkah Kerajaan menukar perkataan "Negaraku" dalam senikata tersebut kepada perkataan "Malaysiaku".

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Lagu "Negaraku" itu berasal dari lagu 'Rosalie' yang digubah oleh penggubah dari Peranchis. Lagu itu kemudian dibawa ke Perak sebagai lagu kebangsaan Perak dan dikenali lagu 'Terang Bulan'. Jemaah hakim yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra kemudian telah memilih lagu berkenaan sebagai lagu kebangsaan dan membawa keputusan tersebut untuk persetujuan Majlis Raja-raja Melayu dalam tahun 1957.
- (b) Cadangan untuk membuat perubahan atau menukar lagu "Negaraku" hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapat persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.

INDUSTRI KOKO—BANTUAN KERAJAAN

22. Tuan Geoffrey Yee Ling Fook minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan pada tahun 1984, Malaysia menghasilkan 88,000 tan koko dan adalah pengeluaran koko yang ke 6 di dunia pada tahun 1991; pengeluaran koko meningkat sebanyak 230,000 tan dan adalah yang ke 4 pengeluaran koko di dunia. Pada tahun 1984, harga koko jatuh dari \$5,000 kepada hanya kira-kira \$2,000 hinggalah ke hari ini. Adalah difahamkan bahawa beribu-ribu ekar koko telah ditebang atau dibiarkan:

- (a) adakah Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil tindakan untuk menyelamatkan industri tanaman koko melalui bantuan baja atau lain-lain bantuan bergantung pada hasil pengeluaran koko dari setiap pemegang;

- (b) bolehkah Kementerian Perusahaan Utama membuat satu pertanyaan dengan pihak bank agar satu jangap terlampau tegas atau keras terhadap pinjaman dari setiap pertanian koko; dan
- (c) bolehkah pihak bank sekali lagi mempertimbangkan atau mengatur satu jadual baru terhadap pembayaran pinjaman di bank.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Perkembangan industri koko negara telah meningkat dengan begitu pesat iaitu di dalam tahun 1984, Malaysia menghasilkan sebanyak 88,000 tan, menduduki tempat keenam sebagai pengeluar koko terbesar dunia dan meningkat kepada 230,000 tan dalam tahun 1991 dengan menduduki tempat keempat. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh harga koko yang lumayan iaitu pada awal tahun 1980an dengan purata harga sebanyak \$5,000 se tan. Harga yang tinggi telah menggalakkan Malaysia terus meningkatkan pengeluarannya dan tidak terkecuali negara-negara pengeluar lain yang terus menambah pengeluaran mereka. Akibat dari peningkatan ini ialah penawaran koko telah mengatasi permintaan yang menyebabkan harga koko terus menurun. Keadaan ini telah berterusan sejak beberapa tahun yang lalu.

Apabila harga koko menurun, terdapat reaksi dari pihak penanam yang mengurangkan tanaman mereka. Sehingga akhir 1991, sejumlah 13,204 hektar tanaman koko ditebang berbanding dengan keluasan yang ditanam dengan koko sebanyak 420,300 hektar pada tahun 1990.

Kementerian bersimpati dengan tekanan harga yang dihadapi oleh penanam. Namun begitu dalam usaha untuk mewujudkan industri koko yang

berdaya tahan, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi bantuan di dalam bentuk subsidi kepada pengeluar-pengeluar koko. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meningkatkan bantuan khidmat pengembangan (extension services) dan nasihat teknikal, khususnya di dalam bidang pengeluaran dan pemerosesan biji koko bertujuan untuk menjamin kecekapan pengeluar koko dan mutu koko negara.

Mengenai masalah bayaran balik pinjaman bank yang dihadapi oleh penanam koko akibat daripada kejatuhan harga koko pada masa ini, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mendapat kerjasama daripada bank peminjam menerusi Bank Negara supaya masalah bayaran balik yang dihadapi oleh penanam yang bermasalah dirundingkan untuk mengurangkan beban mereka.

Walaupun Kementerian telah mengatur saluran ini dengan pihak Bank Negara tetapi didapati tidak ramai pengeluar-pengeluar yang menghadapi masalah pinjaman mengambil kesempatan terhadap usaha-usaha yang ditawarkan.

DADAH—PENYALAHGUNAAN DI KALANGAN ANGGOTA TENTERA

23. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa jumlah atau bilangan kakitangan Angkatan Tentera merupakan penagih dadah dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka dalam tempoh lima tahun yang lepas.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Jumlah anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang terlibat untuk tempoh lima tahun (1987-1991)

adalah seramai 1,002 anggota. Pecahan mengikut tahun adalah yang berikut:

**Statistik Anggota ATM Terlibat Dengan
Penyalahgunaan Dadah Mengikut SBNS
Mulai Tahun 1987-1991**

Bil.	Tahun	Heroin/ Morphine	Ganja	Pil Kawalan	Jumlah
1.	1987	138	119	4	261
2.	1988	155	64	12	231
3.	1989	84	44	2	130
4.	1990	109	58	1	168
5.	1991	96	109	8	213
Jumlah Besar		582	394	27	1,003

Tindakan tatatertib telah diambil terhadap mereka yang disahkan terlibat dan diberhentikan daripada perkhidmatan.

BANK KERJASAMA PUSAT—TINDAKAN TERHADAP PENERIMA

24. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih dari 10,000 peminjam Bank Kerjasama Pusat (Co-operative Central Bank atau CCB), yang kebanyakan terdiri dari kakitangan Kerajaan, telah dipotong gaji lebih sebanyak 2 hingga 10 bulan yang dianggarkan lebih dari \$5 juta sungguhpun mereka telah menjelaskan hutang mereka; dan

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk memulangkan wang mereka;
- (b) sama ada tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap penerima CCB, yakni Hanafiah Raslan & Mohamed kerana kecuaiannya, ketidakprofesionalisme dan tidak bertanggungjawab mereka yang menyebabkan kerugian kepada para peminjam; dan
- (c) sama ada beliau bersetuju bahawa para peminjam harus dibayar wang faedah bagi tempoh masa dan jumlah wang yang mereka bayar berlebihan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa & terdapat masalah potongan
(b) lebih daripada gaji bulanan pelanggan-pelanggan Bank Pusat Kerjasama atau CCB yang telah menyelesaikan pinjaman-pinjaman mereka. Antara lain, perkara ini telah disebabkan oleh bilangan kakitangan CCB dan Penerima CCB yang kecil berbanding dengan jumlah pinjaman-pinjaman pengguna yang agak tinggi yang perlu ditadbirkan, iaitu sejumlah tidak kurang daripada 110,000 pinjaman. Walau bagaimanapun, pihak Penerima telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini dan telah berjaya memberhentikan potongan lebih ke atas lebih daripada 60,000 kes atau 60% dari bilangan pinjaman terlibat dan membuat bayaran balik sepenuhnya.

Untuk meningkatkan lagi usaha mereka, Penerima CCB sedang berusaha dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Biro Perkhidmatan Angkasa untuk memberhentikan potongan bulanan gaji peminjam-peminjam yang sebenarnya telah menyelesaikan pinjamannya. Dengan langkah ini bilangan peminjam yang mengalami masalah potongan lebih dari gaji dapat dikurangkan lagi.

Masalah potongan lebih ini sudah lama dialami oleh CCB sejak sebelum Penerima mengambil alih pentadbirannya pada tahun 1989. Juga, memandangkan kepada konstrain yang dihadapi oleh Penerima serta langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh mereka

untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan terhadap Penerima dalam hal ini.

- (c) Sungguhpun Penerima CCB akan berusaha untuk mengembalikan sepenuhnya segala potongan lebih kepada peminjam-peminjam yang terlibat dengan secepat mungkin, kedudukan CCB tidak membenarkannya membayar faedah ke atas jumlah wang tersebut kecuali jika ianya mempunyai tanggungjawab kontraktual untuk berbuat demikian.

LAPORAN EIA BAGI PEMBANGUNAN DI GUNUNG LEDANG

25. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada laporan kajian EIA bagi pembangunan di Gunung Ledang telah disiapkan dan diluluskan. Jika ya, bilakah dan apakah syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Persekitaran ke atas projek ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Setakat ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar masih belum menerima laporan EIA bagi cadangan pembangunan rekreasi di Gunung Ledang, Johor Darul Takzim.

PROJEK HIDRO MURUM—KAJIAN KEMUNGKINAN

26. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Projek Hidro Murum yang sedang dalam pertimbangan dapat dilaksanakan. Jika begitu, bilakah kerja-kerja ke atas Projek Hidroelektrik Murum ini bermula.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian kemungkinan ke atas Projek Hidro Murum akan dijalankan mulai tahun ini. Keputusan sama ada projek ini akan dilaksanakan atau sebaliknya akan hanya dibuat selepas diketahui akan hasil kajian kemungkinan itu.

PROJEK LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI SEBERANG PERAI

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan Projek Lapangan terbang Antarabangsa di Seberang Perai akan dimulakan dan bilakah ianya dijangka siap, juga butir-butir perbincangan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Setakat ini Kementerian Pengangkutan masih belum menerima secara rasmi kertas cadangan Projek Lapangan terbang Antarabangsa di Seberang Perai dari empat buah negeri-negeri utara yang terlibat. Oleh itu, saya tidaklah dapat memberi butir-butir yang lebih lanjut seperti bila kerja-kerja pembinaan akan bermula dan hasil perbincangan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri Utara yang terlibat.

DAKWAAN AHLI MAJLIS DEWAN BANDARAYA IPOH—SIASATAN BPR

28. Tuan Kerk Kim Hock minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap Dewan Bandaraya Ipoh selepas dakwaan terbuka dibuat oleh seorang Ahli Majlis DBI

bahawa beliau mempunyai bukti menunjukkan terdapat pegawai DBI bersubahat dengan kontraktor swasta mengakibatkan 80,000 unit bangunan di Ipoh menjalankan sambungan rumah secara haram; dan

- (b) sama ada Ahli Majlis berkenaan Encik Chan Kam telah memberi maklumat dan bukti berkenaan kepada Badan Pencegah Rasuah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Saya memohon untuk menjawab soalan yang kedua terlebih dahulu. Sehingga hari ini, Ahli Majlis yang dimaksudkan itu belum lagi membuat apa-apa aduan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah. Walau bagaimanapun, BPR ada menerima satu report daripada seorang awam berhubung dengan dakwaan tersebut.
- (b) Bagi menjawab soalan yang pertama daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, hasil siasatan mendapati bahawa dakwaan Ahli Majlis berkenaan adalah tidak benar sama sekali. Hasil siasatan BPR mendapati bahawa ada orang luar yang tidak dikenali dan bukan pegawai Dewan Bandaraya Ipoh telah mengambil kesempatan menyamar sebagai pegawai DBI untuk mendapatkan wang secara haram.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN AFRIKA SELATAN

29. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memulihkan hubungan

diplomati dengan Afrika Selatan memandangkan 68.7% rakyat kulit putih Afrika Selatan telah menyokong cadangan reformasi ke arah Afrika Selatan yang demokratik;

- (b) sebagai tindakan susulan Malaysia, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memberi bantuan dan galakan pada pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga Malaysia melabur di Afrika Selatan dan merebut peluang dengan secepat mungkin yang terdapat di negara tersebut; dan
- (c) adakah dasar Kerajaan menentang apartheid di Afrika Selatan oleh sebab institusi tersebut tidak memberi hak yang sama kepada orang-orang kulit hitam serta menindas mereka juga digunapakai oleh Malaysia terhadap negara-negara lain yang mengamalkan dasar yang serupa seperti penindasan terhadap kaum-kaum minoriti dan orang-orang Islam di sesetengah negara.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan ini telahpun dijawab melalui soalan bertulis oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN PILIHANRAYA—PINDAAN

30. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keputusan para hakim dalam petisyen pilihanraya jelas berbeza di atas isu undang-undang yang sama, adakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang berkait dengan pilihanraya khususnya:

- (a) **Akta Kesalahan Pilihanraya 1954**
- (i) Seksyen 33(4) dan 36 supaya ada rayuan ke Mahkamah Agung;

(b) **Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981**

- (i) Peraturan 19(7) yang menghendaki sijil doktor pakar sebelum seseorang lumpuh boleh membenarkan isteri (waris mengundi baginya);
- (ii) Peraturan 30(1) yang satu-satu pilihanraya boleh diisytiharkan batal kerana ketidakpatuhan peraturan walaupun ianya tidak menjejaskan keputusan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):

- (a) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang meminda undang-undang tersebut.
- (b) Suruhanjaya Pilihanraya tidak berhasrat untuk mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada Peraturan 19(7) dan Peraturan 30(1) Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1991.

SEKOLAH SWASTA—PERUNTUKAN MENGAWAL PENUBUHAN

31. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) ura-ura Kerajaan untuk menggubal satu akta baru untuk mengawasi dan mengemaskini pertumbuhan dan pembangunan sekolah-sekolah swasta;
- (b) perancangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan untuk melengkapi sekolah-sekolah luar bandar dengan pusat sumber moden;
- (c) dasar pemberian bantuan modal bagi sekolah-sekolah swasta; dan

- (d) jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada sekolah agama swasta bagi dua (2) tahun lepas.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang yang baru bagi mengawasi dan mengawal penubuhan dan pengendalian sekolah-sekolah swasta telahpun dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pendidikan yang baru.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan bagi melengkapkan sekolah-sekolah terutamanya sekolah luar bandar dengan pusat sumber yang dapat memberi khidmat bantu dalam pelaksanaan kurikulum sekolah dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Sebanyak 4,229 buah Pusat Sumber Sekolah Luar Bandar telah dibekalkan dengan peralatan serta bahan keperluan asas sesebuah pusat sumber. Daripada 4,229 buah Pusat Sumber (PBS), 95 buah sekolah mempunyai bangunan khas. Selain daripada pembekalan alatan, bahan serta bangunan daripada pinjaman Bank Dunia Ke 8, Kementerian Pendidikan juga memberi geran pusat sumber bagi memperolehi bahan pengajaran dan pembelajaran. Geran tersebut telahpun dinaikkan kadarnya bagi membolehkan sekolah meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- (c) Kementerian Pendidikan tidak memberi peruntukan bantuan modal kepada sekolah-sekolah swasta.
- (d) Begitu juga Kementerian Pendidikan tidak memberi sebarang peruntukan kepada sekolah agama swasta. Walau bagaimanapun, peruntukan-

peruntukan tertentu ada diberikan kepada sekolah agama rakyat sekiranya sekolah-sekolah tersebut memenuhi beberapa syarat tertentu.

INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA—PROGRAM BERKEMBAR

32. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) senarai nama institusi swasta (private institution with twinning programme) yang didaftar di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan bahawa kursus yang ditawarkan sesuai dan taraf ijazah akan diiktirafkan oleh Kerajaan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,

- (a) Institusi-institusi pendidikan yang telah dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengendalikan program berkembar adalah 13 buah dan kebanyakannya terdapat di Lembah Kelang.
- (b) Kursus-kursus yang dikendalikan oleh institusi-institusi pendidikan swasta dengan kerjasama universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian luar negeri hanya boleh dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan. Kelulusan yang ditawarkan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia (JPA) atau sektor swasta. Institusi pendidikan berkenaan juga disyaratkan mempunyai kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang bersesuaian dan mencukupi serta mendapat permit mengajar daripada

Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru (BPSG) di Kementerian Pendidikan.

(Soalan No. 33—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 70 pada 5.5.92)

SYARIKAT LUAR PESISIR DI LABUAN

34. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan dan bilangan syarikat yang beroperasi daripada Hong Kong, Jepun dan Taiwan, hasil daripada program galakan pemasaran Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa di Hong Kong, Tokyo dan Taipei; dan
- (b) apakah benar kadar percukaian dan fees yang dikenakan kepada syarikat luar pesisir di Labuan adalah antara yang tertinggi jika dibandingkan dengan Pusat Luar Pesisir lain.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Sejak Wilayah Persekutuan Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan dengan adanya siri seminar promosi Labuan sebagai IOFC di dalam dan luar negeri pada tahun 1990 dan 1991, terdapat 52 buah syarikat yang telah mendaftar sebagai syarikat luar pesisir di Labuan berbanding dengan hanya empat (4) buah sahaja pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat memaklumkan Dewan yang mulia ini jumlah pelaburan serta negeri asal pelabur-pelabur tersebut sebagai mematuhi peruntukan Kerahsiaan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Memadai saya jelaskan bahawa

Kerajaan mengetahui terdapat beberapa pelabur daripada Hong Kong, Jepun dan Taiwan yang menubuh dan mendaftar syarikat-syarikat mereka sebagai syarikat luar pesisir di Labuan.

- (b) Sebagaimana saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini pada 26.6.91 adalah tidak benar bahawa kadar percukaian dan fees bagi aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan adalah paling tinggi berbanding dengan apa yang dikenakan di Pusat-pusat Kewangan Antarabangsa yang telah maju dan terkenal. Kadar cukai atas aktiviti 'perdagangan' (trading) luar pesisir di Labuan ialah 3% atau \$20,000 sahaja dan tidak ada cukai dikenakan ke atas aktiviti 'bukan perdagangan' (non-trading) luar pesisir. Kadar-kadar cukai di Pusat Kewangan Luar Pesisir berikut adalah lebih tinggi dari kadar cukai di Labuan.

(1) Jersey	20.00%
(2) Cyprus	4.55%
(3) Isle of Man	20.00%
(4) Singapura	10.00%
(5) Hong Kong	16.50%

Pada kesimpulannya, dalam konteks IOFC pada keseluruhannya, kadar percukaian di Labuan, IOFC bukanlah di antara yang tertinggi jika dibandingkan dengan Pusat Kewangan Luar Pesisir lain.

RAKYAT ANTI- NASIONAL—TINDAKAN

35. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menghadapi segolongan rakyat negara ini yang anti-nasional dengan menjalankan dakyah kotor memburukkan negara dan Kerajaan di dalam dan di luar

negara, khasnya dari segi menentukan status kerakyatan mereka dan juga perjalanan keluar masuk negara ini serta hak-hak istimewa lain yang dinikmati oleh mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Di negara ini rakyat adalah bebas bersuara untuk menyampaikan pendapat masing-masing. Walau bagaimanapun, kebebasan ini hendaklah dilakukan dengan sikap bertanggungjawab. Kerajaan ada undang-undang tertentu bagi menentukan kebebasan ini tidak disalahgunakan untuk tujuan dan muslihat tertentu. Tindakan-tindakan telah, sedang dan akan diambil selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa ke atas mereka yang didapati memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam negara.

KULIT PEHA DAN BETIS BAGI RAWATAN PESAKIT

36. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah hospital-hospital mempunyai simpanan atau bekalan kulit peha dan kulit betis (skin graft) bagi merawat pesakit yang cedera kulit akibat terbakar, luka dan lain-lain;
- (b) dari manakah bekalannya diperolehi; dan
- (c) jika kulit itu boleh dibeli, berapakah anggaran nilainya buat masa sekarang.

Dato' K. Kumaran:

- (a) Hospital-hospital di Kementerian ini tidak mempunyai simpanan bekalan kulit (skin graft bank) untuk merawat pesakit-pesakit yang cedera kulit akibat terbakar, luka dan lain-lain.

- (b) Kulit peha dan betis (skin graft) yang digunakan bagi merawat pesakit yang cedera kulit adalah diperolehi daripada pesakit sendiri.

- (c) Isu pembelian kulit tidak timbul kerana ianya diperolehi daripada pesakit sendiri seperti yang dinyatakan di atas.

"COMMITMENT FEES" ATAS AKAUN SEMASA

37. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan Bank Negara untuk mengambil tindakan supaya bank-bank komersial berhentikan "commitment fees" di atas akaun semasa yang mana pemegang-pemegang akaun semasa ada "overdraft facilities" dengan bank. Jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pembayaran "commitment fees" ke atas kemudahan overdraf dengan bank memang diperuntukkan di dalam Peraturan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia. Di bawah Peraturan tersebut, "commitment fees" sebanyak 1% setahun dikenakan ke atas jumlah overdraf yang tidak digunakan kecuali:

- (i) Overdraf di mana kadar pinjamannya ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil di bawah Skim Jaminan Utama; dan
- (ii) Overdraf persendirian dengan had yang diluluskan sehingga jumlah \$250,000 setiap satu.

Kemudahan overdraf pada lazimnya adalah untuk tujuan pembiayaan modal pusingan atau transaksi berjangka masa pendek. Ia merupakan salah satu kemudahan kepada pelanggan bank oleh kerana dana dari akaun semasanya boleh

dikeluarkan dari masa ke semasa sehingga ke had jumlah yang diluluskan.

Untuk memastikan pelanggan dapat mengeluarkan dana dari akaun overdrafnya, pihak bank mestilah membuat peruntukan dana yang secukupnya dari masa ke semasa. Dari segi pengurusan pula, sejumlah dana yang diperuntukkan dan tidak dikeluarkan adalah merupakan kos melepas atau, dengan izin, "opportunity cost" bagi pihak bank memandangkan pihak bank akan mendapat pulangan dalam bentuk faedah sekiranya dana ini dipinjamkan kepada pelanggan-pelanggan lain. Oleh yang demikian, memang wajarlah pihak bank mengenakan "commitment fees" ke atas bahagian overdraf yang tidak digunakan seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia.

SKIM GAJI KHAS UNTUK PENSYARAH UNIVERSITI

38. **Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkah di kawasan yang menyatakan bahawa Skim Saraan Baru yang dilaksanakan baru-baru ini merugikan pensyarah-pensyarah universiti yang masih di bawah tanggaji A11. Jika benar, adakah Kementerian Pendidikan bercadang mewujudkan satu Skim Gaji Khas untuk dilaksanakan bagi pensyarah-pensyarah universiti tersebut.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia pada 12hb Mei, 1992.

KAD PENGENALAN BARU—PERMOHONAN

39. **Dr Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) berapakah permohonan kad pengenalan bentuk baru yang

diterima setakat ini dan berapakah yang sudah dikeluarkan;

(b) berapa lamakah jangka masa yang dicapai setakat ini antara tarikh permohonan dan tarikh siap kad pengenalan baru; dan

(c) sama ada beliau berpuashati dengan jangka masa tersebut dan kalau tidak, apakah tindakan yang akan diambil.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Sehingga 9hb Mei, 1992, sebanyak 1,796,009 permohonan telah diterima di mana sebanyak 1,181,646 KPT telah disiapkan.

(b) Tempoh siap adalah bergantung kepada kesempurnaan sesuatu permohonan itu.

(c) Kerajaan belum berpuashati dengan keadaan sekarang. Oleh itu, langkah-langkah seperti penambahan kakitangan, latihan dan mengemaskini prosidur akan dan sedang diambil supaya KPT dapat dikeluarkan dalam tempoh yang cepat dan berkesan.

KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN JALANRAYA

40. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) jumlah kemalangan jalanraya yang mengakibatkan kematian mengikut pecahan negeri-negeri bagi tahun 1990 sehingga Mei 1992;

(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar kemalangan tersebut;

(c) bilangan kesalahan-kesalahan jalanraya yang disaman dan dibawa ke mahkamah sejak 1990 hingga Mei 1992; dan

- (d) adakah Kementerian akan menyokong cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk tidak membenarkan lori-lori muatan berat menggunakan jalanraya di Selangor semasa hari-hari perayaan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Ingin saya memaklumkan bahawa perangkaan kemalangan jalanraya dan saman kesalahan lalulintas jalanraya hanya dapat dikumpul hingga Disember 1991. Perangkaan kemalangan jalanraya yang mengakibatkan kematian berdasarkan negeri-negeri yang telah dikumpul oleh pihak Polis pada tahun 1990 dan 1991 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kemalangan Maut	Kematian
(1) Johor	1,049	1,211
(2) Perak	995	1,125
(3) Selangor	982	951
(4) Pahang	449	523
(5) Kedah	468	516
(6) Sabah	479	428
(7) Kelantan	328	358
(8) Pulau Pinang	306	334
(9) Sarawak	285	301
(10) Melaka	285	297
(11) Terengganu	246	283
(12) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	272	275
(13) Negeri Sembilan	193	216
(14) Perlis	17	17

- (b) Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan telah, sedang dan akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah peningkatan kadar kemalangan jalanraya di negara kita melalui tiga pendekatan iaitu kejuruteraan, penguatkuasaan dan pendidikan.

Melalui pendekatan kejuruteraan, Kerajaan sentiasa membaiki rangkaian jalanraya di negara ini termasuk program-

program memperelokkan kawasan bahaya, pembinaan jejantas, menaikkan taraf jalan, penggantian jambatan, pelebaran jalan dan pemasangan pemisahan jalan.

Pendekatan penguatkuasaan juga diberi keutamaan di mana penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan jalanraya sentiasa ditingkatkan dan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pemandu yang didapati melanggar peraturan lalulintas.

Melalui pendekatan pendidikan pula, Kerajaan telah mengadakan kempen yang berterusan sama ada melalui media elektronik, cetak juga 'billboard' di kawasan yang difikirkan perlu. Kempen-kempen keselamatan jalanraya sentiasa diadakan khususnya apabila menjelang musim perayaan. Bagi meningkatkan mutu pemanduan di kalangan bakal pemandu, JPJ telah melaksanakan kurikulum baru sekolah memandu yang menekankan unsur-unsur pemanduan berhemat (defensive driving).

- (c) Pada tahun 1990, pihak Polis telah mengeluarkan 652,887 saman kepada pengguna jalanraya dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 212,110 pengguna jalanraya telah didakwa di mahkamah. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan pula telah mengeluarkan sebanyak 64,087 saman dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,733 telah didakwa di mahkamah. Pada tahun 1991, pihak Polis telah mengeluarkan sebanyak 847,482 saman sementara jumlah yang didakwa di mahkamah tidak diperolehi. Pada tahun yang sama, pihak

Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan sebanyak 85,073 saman dan telah mendakwa 8,893 kepada pesalah jalanraya.

- (d) Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan supaya tidak dibenarkan lori-lori muatan berat menggunakan jalanraya di Selangor semasa hari-hari perayaan.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— PEMATUHAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

41. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah SPK memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai SPR tidak akan membuat tindakan yang boleh menyebabkan pilihanraya diadakan semula sepertimana berlaku di Bukit Payong.

Dato' Wong See Wah: Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dilantik bagi mengendalikan pilihanraya mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai pilihanraya yang berkuatkuasa.

KAD PENGENALAN BARU— PROSEDUR PERMOHONAN

42. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan prosidur yang sekarang dijalankan untuk membaharui kad pengenalan dan sama ada beliau sedar bahawa orang awam diharu oleh pegawai-pegawai di pusat-pusat pendaftaran di seluruh negara.

Tuan Ong Ka Ting: Mereka yang ingin membaharui kad pengenalan hanya perlu mengisi borang yang ditetapkan

dan menyertakan dokumen, bayaran dan gambar yang diperlukan.

Pegawai-pegawai pendaftaran hanya menjalankan tugas mereka untuk memberitahu orang awam cara-cara dan kaedah yang betul apabila memohon KPT.

AKTA KAWALAN SEWA— PEMANSUHAN

43. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah program penempatan semula yang sedang dirancang oleh Kementerianya, khususnya dalam persediaan untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act) untuk memastikan 500,000 orang penghuni yang menduduki 39,000 buah rumah sebelum perang tidak akan kehilangan tempat tinggal apabila bangunan-bangunan ini tidak lagi dikawal.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh): Perkara yang dibangkitkan adalah isu-isu yang Kerajaan mengambilkira dari mula-mula lagi.

Untuk mencari jalan penyelesaian yang sesuai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang giat membincangkan isu-isu ini dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Suatu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan yang dianggotai antara lain oleh beberapa orang ahli Exco Negeri yang bertanggungjawab bagi perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Cadangan hasil daripada perbincangan ini sedang dikemaskini dan akan diedarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk ulasan dan persetujuan. Sekiranya mendapat persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri, ianya akan dibentangkan di Parlimen kelak.

**CHINA STEEL
CORPORATION—PROJEK
KILANG KELULI**

44. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan projek kilang keluli China Steel Corporation yang melibatkan US\$3.2 bilion di Malaysia, sama ada benar bahawa terdapat bantahan daripada Singapura dan Republik Rakyat China terhadap projek tersebut; dan sama ada Kementerian tersebut atau Badan Pencegah Rasuah telah menyiasat dakwaan di Parlimen Taiwan bahawa seorang "Mr. Lim" dari sebuah syarikat tempatan di Malaysia telah dibayar US\$12.5 juta oleh China Steel Corporation (CSC), Taiwan untuk melobi pihak tertinggi Kerajaan Malaysia untuk meluluskan projek kilang kelulunya di Malaysia.

Tuan S.S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, satu projek kilang besi keluli bersepadu (integrated steel mill) pada 25hb April, 1990 kepada Syarikat Megasteel Industries Sdn. Bhd. Struktur ekuiti syarikat yang diluluskan ialah 51% rakyat Malaysia dan 49% asing. China Steel Corporation (CSC), Taiwan telah bersetuju secara prinsip untuk memegang 40% daripada ekuiti syarikat. Projek ini juga dikenakan syarat supaya mengeksport sekurang-kurangnya 30% daripada pengeluarannya.

Kerajaan telah meluluskan projek ini kerana ianya selaras dengan strategi pembangunan perindustrian negara. Oleh yang demikian, soal mana-mana pihak perlu melobi supaya projek tersebut diluluskan tidak timbul kerana andainya projek tersebut dicadangkan oleh pihak lain, Jawatankuasa Bertindak Berkenaan Perindustrian yang terdiri

daripada pegawai-pegawai dari pelbagai agensi Kerajaan akan membuat perakuan yang sama. Oleh yang demikian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak perlu membuat siasatan tentang dakwaan bahawa seorang yang bernama "Mr. Lim" telah dibayar sebanyak US\$12.5 juta oleh pihak China Steel Corporation untuk melobi pihak tertinggi Kerajaan Malaysia kerana itu adalah urusan dalaman pihak China Steel Corporation.

Berhubung dengan soal campurtangan atau bantahan daripada lain-lain negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedar bahawa Kerajaan Singapura ada melahirkan kesangsian kepada pihak tertentu di Taiwan di atas keupayaan kilang yang akan didirikan oleh CSC untuk mengawal pencemaran alam sekitar. Kerajaan tidak akan membuat siasatan sama ada keputusan YUAN, Taiwan untuk menangguhkan pelaburan CSC itu akibat campurtangan daripada Singapura atau disebabkan oleh lain-lain perkara.

Sejauhmana yang kita ketahui penangguhan pelaburan ini adalah kerana terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan kewangan yang dipohon oleh Megasteel masih belum dibuat keputusan muktamad oleh Kerajaan Malaysia. Ini adalah kerana projek kilang besi keluli bersepadu yang dicadangkan melibatkan pelaburan yang besar. Syarikat Megasteel Industries Sdn. Bhd. perlu membuat satu kajian, dengan izin, financial viability study yang komprehensif sebelum apa-apa keputusan dapat dibuat oleh Kerajaan. Setakat ini, kajian ini belum disediakan oleh pihak syarikat. Selagi kajian ini belum selesai, sukar bagi Kerajaan mengadakan perbincangan lanjut dengan syarikat ini.

KES PEMBUNUHAN DI PETALING JAYA—SIASATAN

45. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah perkembangan penyiasatan ke atas kes-kes pembunuhan Johnny Meow, Chua Ah Hong, Michael Goh dan lain-lain lagi di Petaling Jaya;
- (b) sama ada wujudnya pertalian di antara kes-kes pembunuhan ini; dan
- (c) adakah sesiapa yang telah ditangkap bersangkutan dengan kes-kes pembunuhan di Petaling Jaya ini.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Bagi kes pembunuhan Johnny Meow, dua orang lelaki telah ditangkap dan dituduh di bawah Seksyen 302, Kanun Kesiksaan di Mahkamah Petaling Jaya dan perbicaraan kes tersebut sedang berjalan. Seorang lagi saspek adalah masih bebas dan usaha mengesannya sedang dijalankan.

Mengenai kes pembunuhan Chua Ah Hoong, seorang lelaki telah ditangkap tetapi tidak dituduh di mahkamah kerana tiada cukup bukti. Siasatan berhubung dengan kes ini masih diteruskan.

Manakala kes pembunuhan Michael Goh, 3 orang lelaki telah ditangkap tetapi tidak dituduh di mahkamah kerana tiada cukup bukti. Siasatan berhubung dengan kes ini juga masih diteruskan.

- (b) Setakat ini belum ada maklumat yang konkrit menyatakan wujudnya pertalian di antara kes-kes pembunuhan ini.
- (c) Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, berhubung dengan

tiga kes pembunuhan di Petaling Jaya itu, setakat ini seramai 6 orang telah ditangkap dan dari bilangan itu, 2 orang sahaja dituduh di mahkamah sementara 4 orang dibebaskan kerana kekurangan bukti.

TERUMBU LAYANG-LAYANG— TUNTUTAN CHINA

46. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah kita untuk mempertahankan Terumbu Layang-Layang berikutan dengan pengumuman negara China untuk memperkuatkan tuntutan mereka di sekitar kepulauan-kepulauan tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan dalam memoden serta meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia demi melindungi dan mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang ancaman tanpa mengambilkira tindakan atau tuntutan negara lain, termasuk tuntutan negara China untuk memperkuatkan tuntutan mereka ke atas kepulauan Spratlys.

LALUAN KE BELAGA

47. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementeriannya berhajat untuk membuka lebih banyak laluan (lanes) ke Belaga memandangkan ketujuh-tujuh "lanes" yang sedia ada tidak mencukupi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Rajang tidak jelas dan oleh yang demikian saya tidak dapat menjawab soalan berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya menjemput Yang Berhormat dari Ulu Rajang untuk memberi keterangan lebih lanjut

berhubung perkara yang ingin dipersoalkan oleh beliau secara bertulis dan saya akan berusaha memberi jawapan yang sewajarnya.

SISA
TOKSID—PENGUATKUASAAN
UNDANG-UNDANG

48. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihaknya kini mempunyai cukup pegawai penguatkuasa untuk memastikan tidak wujud syarikat tidak bertanggungjawab yang membuang sisa toksid secara rambang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jabatan Alam Sekitar yang ditugaskan untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya mempunyai anggota profesional dan teknikal bagi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan tersebut.

PERBELANJAAN
UBAHSUAI/BAIKPULIH ISTANA

49. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang sungutan perbelanjaan mewah sesetengah golongan istana:

- (a) senaraikan jumlah dan jenis peruntukan yang diluluskan serta sedang diproses mengenai pengubahsuaian, pembesaran dan membaikpulih istana-istana dalam jangka masa tiga (3) tahun yang lalu; dan
- (b) nyatakan senarai kontraktor/syarikat yang mendapat tender pembesaran, pengubahsuaian dan membaikpulih istana dalam jangka masa tiga (3) tahun yang lalu.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengubahsuaian, baikpulih istana-istana adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, meskipun kerja-kerja itu dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya di negeri-negeri. Oleh itu, segala maklumat berkenaan dengan peruntukan bagi kerja-kerja tersebut dan nama-nama kontraktor yang mendapat tender bagi kerja-kerja itu juga haruslah dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

TANGKAPAN IKAN LAUT
DALAM—NILAI EKSPORT

50. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab yang menyakinkan Kementerian Pertanian dapat meningkatkan operasi tangkapan ikan laut dalam hingga mampu meningkatkan pengeksporan ikan dari jumlah \$150 juta sekarang kepada \$700 juta.
- (b) mengapakah Kementerian gagal dalam melatih dan menggalak rakyat tempatan menceburi dalam bidang tangkapan ikan laut dalam; dan
- (c) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan nelayan laut dalam daripada diganggu dan diugut oleh pihak-pihak tertentu sewaktu keluar menangkap ikan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Malaysia telahpun berjaya meningkatkan nilai eksport barangan ikan dalam 3 tahun kebelakangan ini iaitu dari \$445 juta dalam tahun 1987 kepada

\$630 juta (bukan \$150 juta) pada tahun 1990, iaitu dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 13% setahun. Dengan anggaran pertumbuhan seterusnya, sebanyak 10% setahun adalah dianggarkan nilai eksport akan meningkat kepada \$693 juta dalam tahun 1991 dan \$762 juta dalam tahun 1992.

Peningkatan yang mem-berangsangkan ini dicapai hasil dari perancangan yang baik dan tepat oleh Kerajaan seperti:

- (i) meningkatkan penge-luaran ikan melalui mempesatkan pem-bangunan perikanan laut dalam; dan
- (ii) menggalakkan penge-luaran dan eksport barangan nilai ditambah (value-added products);

Kerajaan optimis yang perikanan laut dalam akan terus ber-kembang dan memberi sumbangan yang ketara dalam pengeluaran ikan negara. Pendaratan ikan dari bot-bot laut dalam dijangka akan bertambah dari 128,432 tan metrik dalam tahun 1990 kepada 323,000 tan metrik menjelang tahun 2000. Antara faktor yang menyakinkan Kerajaan ialah:

- (i) hasil dari kajian dan pengawaseliaan oleh Jabatan Perikanan di-dapati bot-bot yang sedang beroperasi mem-punyai hasil yang lumayan dan berdaya maju;
- (ii) terdapat peluang yang masih terbuka luas untuk dibangunkan di kawasan Malaysia Timur termasuk kawasan Pulau Layang-Layang;

(iii) Kerajaan telah meng-ambil berbagai langkah pengurusan dan per-lindungan bagi memasti-kan sumber tidak akan terjejas; dan

(iv) sambutan dari pihak swasta untuk menceburi bidang tersebut amat-amat menggalakkan.

- (b) Kementerian Pertanian telah mula menggalakkan pengusaha tempatan mencebur diri dalam bidang tangkapan ikan laut dalam sejak 1987. Anggaran bahawa usaha ini telah gagal adalah tidak benar sama sekali. Sebaliknya, untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, kajian sumber ikan laut dalam menunjukkan bahawa potensi untuk perusahaan ini adalah sangat menggalakkan. Untuk membolehkan pengusaha tempatan menerokai sumber ini, Kementerian Pertanian telahpun meluluskan 639 permit sehingga bulan Januari 1992. Dari jumlah ini, sebanyak 566 buah bot telahpun mula beroperasi.

Ini membuktikan dengan jelas bahawa Kementerian Pertanian telah berjaya, bukan gagal, menggalakkan orang tempatan mencebur diri dalam bidang berkenaan.

Dari segi latihan, Institut Latihan Perikanan Malaysia telahpun memperkenalkan satu kursus khas, iaitu Kursus Angkatan Nelayan Laut Dalam sejak tahun 1987. Setakat akhir tahun 1991, sejumlah 696 nelayan dan belia tempatan telahpun dilatih dalam bidang ini. Apa yang penting bukanlah sahaja bilangan nelayan yang dilatih tetapi juga mutu latihan yang diberi. Ke arah ini, Jabatan Perikanan telahpun memperolehi dua buah kapal

latihan yang moden dan canggih untuk meningkatkan lagi tahap dan mutu latihan yang disampaikan. Di samping itu, satu institut latihan yang baru telah juga dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun dan dijangka mula melatih nelayan dalam bulan Julai 1992 ini.

(c) Langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan nelayan laut dalam daripada diganggu dan diugut oleh pihak-pihak tertentu sewaktu menangkap ikan ialah:

(i) Jabatan Perikanan telah menubuhkan Pusat Kawalan Operasi pada 15hb Julai, 1987 yang beroperasi 24 jam bertujuan mengawasi perhubungan radio dan perkhidmatan telefon talian terus bagi memastikan nelayan negara ini tidak menghadapi masalah gangguan dan ancaman dari mana-mana pihak. Nelayan boleh menghubungi Pusat Kawalan ini pada bila-bila masa jika menghadapi masalah;

(ii) Jabatan juga mengadakan program-program pengawasan melalui udara menggunakan pesawat udara yang disewa dari Jabatan Penerbangan Awam bagi memastikan tiada gangguan terhadap nelayan, kemalangan di laut dan juga bertujuan mengesan pencerobohan nelayan asing di Zon Ekonomi Eksklusif;

(iii) Jabatan Perikanan sentiasa mengadakan kerjasama dan hubungan

erat dengan agensi Penguatkuasaan TLDM, TUDM dan Polis Diraja Malaysia dalam mengadakan rondaan dan operasi di Zon Ekonomi Eksklusif bagi membanteras pencerobohan nelayan asing dan memastikan nelayan negara ini selamat dari sebarang ancaman juga menjalankan kerja mencari dan menyelamat jika nelayan menghadapi kemalangan di laut; dan

(iv) dalam RML, 4 buah bot peronda berukuran 23 meter panjang telah dibina untuk tujuan pengawasan dan penguatkuasaan di perairan ZEE manakala 4 buah lagi akan dibina dalam RME untuk tujuan yang sama.

PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

51. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kenapakah program khas untuk rumah kos rendah yang dilaksanakan sejak 1986 itu gagal. Memandangkan rumah kos rendah yang berharga \$25,000 itu bukanlah dalam kemampuan sebahagian golongan termiskin, apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan golongan tersebut.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Soalan mengenai Program Khas Perumahan Kos Rendah telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong semasa perbincangan Titah Ucapan DiRaja pada 29hb April, 1992, dan saya telahpun menjelaskan dalam ucapan menggulung saya pada 7hb Mei, 1992.

Dalam usaha membantu golongan rakyat termiskin yang tidak mampu memiliki rumah berharga \$25,000, terdapat beberapa langkah yang diambil. Antara langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (a) Meneruskan pelaksanaan Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK) untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah antara \$300 hingga \$500 sebulan yang tidak mampu memiliki rumah di bawah projek perumahan kos rendah biasa. Projek ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) Meneruskan program membantu rakyat termiskin yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Program ini melibatkan membaikpulih atau membina semula rumah dan kerja-kerja tersebut biasanya dilaksanakan sendiri secara bergotong-royong oleh penduduk-penduduk kampung.

KELAPA SAWIT—BANTUAN KEWANGAN KEPADA PENANAM

52. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kenapakah pihak Kerajaan tidak memberi bantuan kewangan kepada penanam kelapa sawit. Setakat kini, apakah bantuan telah diberi kepada penanam-penanam kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelapa sawit merupakan tanaman yang paling berkesan dari segi kos (cost-effective) berbanding dengan minyak sayuran yang lain di samping ianya berupaya

memberikan kadar pulangan (rate of return) yang lumayan kepada penanam. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang dewasa ini memberikan bantuan kewangan secara langsung kepada penanam kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dan akan terus memberi perhatian dan sokongan kepada penanam-penanam kelapa sawit termasuk pekebun-pekebun kecil yang meliputi 8.9% daripada jumlah keluasan kelapa sawit negara dengan melaksanakan program-program yang sesuai demi memaju dan meningkatkan lagi taraf persaingan minyak sawit negara ini. Kerajaan menerusi pelbagai agensinya seperti PORIM, PORLA, FELDA, FELCRA dan pertubuhan-pertubuhan peladang memberi bantuan dan perkhidmatan sama ada secara langsung melalui pengurusan ataupun sebaliknya berupa penyebaran maklumat, terutamanya mengenai bahan tanaman, teknik penanaman dan pengendalian, harga-harga pasaran, penuaian dan sebagainya. Langkah-langkah ini adalah sangat penting ke arah meningkatkan lagi kecekapan ladang, produktiviti dan mutu pengeluaran bahan tersebut. Ini seterusnya akan mengurangkan kos pengeluaran serta memperbaiki lagi pendapatan dari bahan tersebut. Di samping itu, Kerajaan juga membantu di dalam pemasaran minyak sawit negara ini termasuk menyediakan beberapa insentif dan kemudahan-kemudahan kredit.

Oleh itu, melalui bantuan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan ini tanpa melibatkan bantuan kewangan secara langsung, kesemua penanam-penanam kelapa sawit dapat menikmati faedah daripadanya dari segi mutu dan hasil pengeluaran yang terjamin di samping harga yang lumayan dan tahap pendapatan yang memuaskan.

**PENGGUNAAN BAHAN
"FLEXIBLE POLYURETHANE
FOAM"**

53. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan akan terus membenarkan kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan seperti "polyurethane flexible foam" untuk membuat tilam dan barangan yang lain kerana bahan tersebut akan mengancam nyawa pengguna apabila kebakaran berlaku.

Tuan S.S. Subramaniam: Flexible Polyurethane (P.U.) Foam, dengan izin, adalah digunakan oleh industri perabot, industri kenderaan dan juga 'insulation and packaging industry'. Mengikut dasar yang wujud, kelulusan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (ICA) untuk mengeluarkan Flexible Polyurethane (P.U.) Foam, dengan izin, adalah bagi kegunaan industri 'insulation and packaging' sahaja di mana dikenakan syarat tebal 'P.U. Foam' yang dikeluarkan hendaklah tidak melebihi 1 inci atau 2.54 cm. Setakat ini, terdapat 3 buah syarikat yang diberi kelulusan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 untuk mengeluarkan item tersebut. Kementerian ini tidak mengeluarkan lesen untuk membuat tilam daripada 'P.U. Foam'.

**PEMBANGUNAN PELANCONGAN
DI BATANG KALI**

54. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan bahawa memandangkan Batang Kali (Hulu Selangor) yang akan menjadi "pintu masuk" ke Genting Highlands dan Kuala Kubu Bharu yang sudah pun menjadi 'pintu masuk' ke Bukit Fraser, apakah Kerajaan Pusat mempunyai rancangan-rancangan

pembangunan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan lain untuk menarik pelancong bagi kedua-dua pekan itu.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Setakat ini Kementerian belum lagi menerima apa-apa permohonan dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor mengenai pembangunan pelancongan yang akan dilaksanakan di kawasan-kawasan Batang Kali (Hulu Selangor) dan Kuala Kubu Bharu. Oleh hal yang demikian, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak dapat mengemukakan perkara ini kepada Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, di masa akan datang, perkara ini mungkin boleh diberikan pertimbangan sekiranya kemudahan-kemudahan ini diperlukan kelak.

**PROJEK HIDRO-ELEKTRIK
EMPANGAN PERGAU—HASIL
RUNDINGAN**

55. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah hasil rundingan di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad berhubung dengan Projek Hidro-elektrik Empangan Pergau, Gua Musang, Kelantan;
- (b) terdapatkah sebarang perjanjian yang sah di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad. Jika ada, bolehkah dimaklumkan secara terbuka; dan
- (c) apakah rasionalnya Kerajaan Pusat mengambil sikap menyebelahi TNB dalam soal ini yang boleh memberi gambaran seolah-olah terdapat kepentingan peribadi tertentu tersembunyi dalam projek ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya telahpun menjawab soalan ini pada 6hb Mei, 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

**TEMBOK SEMPADAN
DI PADANG BESAR, PERLIS—
KAWALAN KESELAMATAN**

56. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) setelah tembok sempadan di Padang Besar, Perlis diruntuhkan, apakah hubungan dua-hala di antara Kerajaan dan rakyat Malaysia-Thailand bertambah erat; dan
- (b) berapakah perbelanjaan yang ditanggung bagi tujuan meruntuhkan tembok sempadan itu. Apakah rancangan selanjutnya bagi mengawasi keselamatan sempadan Malaysia setelah tembok tersebut diruntuhkan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Tembok sempadan di Padang Besar, Perlis tidak menjejaskan hubungan dua-hala Malaysia-Thailand kerana ianya bukan faktor yang menghalang kerjasama dan persefahaman di antara kedua buah negara, terutamanya di kalangan mereka yang bertugas atau tinggal di kawasan tersebut. Tembok tersebut juga tidak menjejaskan kedaulatan Malaysia ke atas kawasan itu dan penguatkuasaan undang-undang Malaysia ke atasnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menempatkan Unit-unit Pencegah Penyeludupan dan Pasukan Polis Hutan untuk mengawasi dan meronda kawasan tersebut sepanjang masa bagi meningkatkan keselamatan sempadan Malaysia.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya hubungan di antara Malaysia dan Thailand adalah akrab dan kedua-dua Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama antara Kerajaan dan rakyat kedua buah negara. Kerjasama ini termasuklah kerjasama menjaga keselamatan di sempadan yang dijalankan oleh pihak berkuasa kedua buah negara.

**PERJANJIAN PERTAHANAN
DENGAN NEGARA ASING**

57. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah bentuk perjanjian-perjanjian pertahanan yang dijalankan oleh Malaysia dengan negara-negara lain sejak Merdeka hingga sekarang; dan
- (b) sehingga masa terkini di manakah dan betapa ramaiakah anggota keselamatan negara dilibatkan dalam Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Perjanjian pertahanan yang diwujudkan oleh Malaysia dengan negara-negara asing adalah dalam bentuk Peraturan dan Memorandum Persefahaman. Malaysia adalah ahli Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) di mana United Kingdom, Australia, New Zealand dan Singapura juga menjadi ahli. Memorandum Persefahaman di bidang pertahanan pula telah ditandatangani di antara Malaysia dengan negara-negara Brunei, Indonesia dan Papua New Guinea.

(b) Adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini, sejumlah 886 anggota Angkatan Tentera Malaysia sedang terlibat di dalam penugasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Negara-negara dan misi penglibatan adalah seperti berikut:

- (1) *Cambodia*. Penugasan United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC) seramai 863 anggota.
- (2) *Kuwait*. Penugasan United Nations Iraq-Kuwait Observer Mission (UNIKOM) seramai 6 anggota.
- (3) *Angola*. Penugasan United Nations Angola Verification Mission II (UNVEM II) seramai 15 anggota.
- (4) *Sahara Barat*. Penugasan United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara (MINURSO) seramai 1 anggota.
- (5) *Iraq*. Penugasan United Nations Office of Secretary-General in Iraq (UNOSGI) seramai 1 anggota.

KELUARGA TERMISKIN—BILANGAN

58. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan keluarga yang telah dikenalpasti sebagai keluarga termiskin dengan pendapatan kurang dari \$175 sebulan di seluruh negara mengikut negeri, khususnya di negeri Sarawak;

- (b) bilangan keluarga termiskin yang menerima bantuan menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di seluruh negara mengikut negeri pada tahun lalu. Dari jumlah itu, nyatakan jumlah keluarga termiskin di kawasan Parlimen P.160 Serian yang telah menerima bantuan di bawah program tersebut pada tahun yang sama serta jumlah wang yang dibelanjakan bagi maksud tersebut; dan
- (c) jumlah wang yang diperuntukkan untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi seluruh negara mengikut negeri untuk tahun ini. Dari jumlah itu, berapakah yang akan diperuntukkan untuk kawasan Parlimen P.160 Serian.

Dato' Wong See Wah:

- (a) Sehingga kini, seramai 106,964 telah didaftar dalam Daftar Asas Keluarga Termiskin di Semenanjung Malaysia dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Johor	5,186
Kedah	19,197
Kelantan	22,693
Melaka	6,196
Negeri Sembilan	3,295
Pahang	5,585
Pulau Pinang	4,106
Perak	18,050
Perlis	3,062
Selangor	3,700
Terengganu	15,894
Jumlah	106,964

Bagi Sabah dan Sarawak, proses pendaftaran masih berjalan. Anggaran awal bilangan isi-rumah termiskin berasaskan kajian pendapatan isi-rumah 1989 ialah 24,700 di Sabah dan 11,100 yang tergolong dalam kumpulan termiskin di Sarawak.

- (b) Bagi tempoh 1989 hingga 1990, sebanyak \$345.78 juta telah dibelanjakan di bawah PPRT memanfaatkan lebih kurang 52,000 keluarga termiskin di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak, lebih kurang 10% dari bilangan keluarga termiskin yang dianggarkan terdapat di Sarawak telah menerima bantuan di bawah program ini semenjak ianya mula dilaksanakan. Walau bagaimanapun, data mengenai program ini tidak dapat dicerakinkan mengikut kawasan pilihanraya.
- (c) Bagi tahun 1992, peruntukan (pembangunan) PPRT untuk seluruh negara ialah sebanyak \$97.4 juta. Pecahan peruntukan untuk negeri-negeri masih belum dikumpulkan kerana pelaksanaan projek-projek melibatkan banyak jabatan/agensi pelaksana. Oleh yang demikian, amaun peruntukan yang akan dibelanjakan di setiap negeri atau daerah belum dapat dipastikan lagi.

KLINIK DESA DI PENGKALAN AMO, SERIAN

59. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan terakhir tentang cadangan Kerajaan untuk mendirikan sebuah klinik desa di Pengkalan Amo di Serian.

Dato' K. Kumaran: Projek Klinik Desa Pengkalan Amo, Serian telah dicadangkan semasa perancangan Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diberi keutamaan untuk pelaksanaan kerana peruntukan yang ada telah diagihkan untuk projek-projek lain negeri Sarawak yang lebih mendesak. Perkara ini akan dikaji semula semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

KESEDARAN KEPENGGUNAAN— MEMPERTINGKATKAN

60. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah yang berkesan untuk mempertingkatkan kesedaran dan menggalakkan peranan yang aktif oleh Kerajaan dan masyarakat umum dalam kegiatan hal ehwal pengguna.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat umum. Langkah berkesan yang telah dan sedang dijalankan bagi mempertingkatkan kesedaran pengguna ialah melalui Program Pendidikan Pengguna. Program Pendidikan Pengguna yang dijalankan meliputi peringkat negeri, daerah, kampung dan juga sekolah. Di samping itu, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri yang telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 6hb November, 1991 merupakan langkah yang berkesan oleh pihak Kerajaan bagi mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran atas kepenggunaan di kalangan rakyat.

LANDASAN KERETAPI DI SARAWAK

61. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Pengangkutan memberitahu sama ada Kerajaan telah bercadang untuk membina landasan keretapi di Sarawak pada jangka masa yang akan datang, terutama menjelang tahun 2020.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk membina landasan keretapi di Sarawak.

**ORANG CACAT DI SARAWAK—
PELUANG PEKERJAAN**

62. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapakah bilangan orang cacat di Sarawak yang telah mendaftarkan untuk memohon pekerjaan bagi tempoh 1963-1991; dan
- (b) berapa jumlah peluang pekerjaan bagi orang cacat yang ditawarkan oleh pihak swasta bagi tempoh 1963-1990.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai rekod mengenai bilangan orang cacat yang mendaftar untuk mendapat pekerjaan melalui Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di negeri Sarawak bagi tempoh 1963 hingga 1991. Walau bagaimanapun, bilangan mereka yang telah mendaftar mulai tahun 1963 hingga 1991 adalah seramai 58 orang. Selain dari itu, seramai 2,974 orang cacat telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Sarawak untuk mendapat pekerjaan.
- (b) Kementerian Sumber Manusia juga tidak mempunyai angka-angka peluang pekerjaan bagi orang cacat yang ditawarkan oleh pihak swasta bagi tempoh 1963-1990. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan usaha mendaftar orang cacat dan mendapatkan pekerjaan bagi mereka. Apabila terdapat kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan-majikan, Jabatan Tenaga Rakyat Sarawak ada menghantar calon-calon dari

kalangan orang cacat untuk ditemuduga jika didapati pekerjaan itu bersesuaian dengan kebolehan dan kelayakan mereka. Jabatan Kemajikan Sarawak pula ada memberi khidmat kaunseling kepada orang cacat yang mempunyai kelayakan dan latihan bagi membantu mereka mendapat pekerjaan.

**BAYARAN GAJI
BERLEBIHAN—TINDAKAN**

63. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di manakah silapnya setelah 10 tahun berlalu baru Kerajaan menyedari terdapat kakitangan awam yang menerima gaji yang terlebih dibayar; dan
- (b) berapa ramaikah kakitangan awam yang didapati menerima gaji lebih itu dan berapa banyakkah jumlah wang gaji yang terlebih bayar? Apakah Kerajaan akan mengambil tindakan tatatertib jika mereka gagal memulangkan semula wang gaji yang terlebih bayar itu.

11.5.92.

53. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kategori atau skim perkhidmatan dan berapakah jumlah kakitangan awam yang terlibat dengan masalah gaji terlebih bayar baru-baru ini;
- (b) mengapakah perkara tersebut berlaku; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk meminta mereka yang terlibat membayar balik bayaran gaji yang terlebih bayar tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Saya ingin memberi jawapan kepada soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas pada 11.5.92 dan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 21.5.92 atas perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tidak pernah membuat dakwaan bahawa Kerajaan telah terlebih membayar gaji kepada 25,000 orang kakitangan awam. Sebenarnya perkara ini wujud daripada satu laporan akhbar tempatan yang menyatakan bahawa sejumlah 25,000 orang kakitangan awam telah terlebih dibayar gaji dan perlu pula membuat bayaran balik kepada Kerajaan. Perkara ini berbangkit lagi apabila Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah disoal tentang tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan sekiranya terdapat antara kakitangan awam yang telah terlebih dibayar gaji yang sepatutnya. Secara umumnya bagi menjawab soalan ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah menyatakan bahawa, pada prinsipnya, jika seseorang kakitangan awam itu telah dibayar gaji yang berlebihan daripada sepatutnya maka ia dikehendaki membuat bayaran balik. Pegawai yang didapati melakukan kesalahan membayar gaji berlebihan itu pula akan diambil tindakan tatatertib sewajarnya.

Berdasarkan kepada keterangan tersebut di atas, maka adalah tidak benar bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah membuat satu dakwaan yang tidak berasas. Keterangan yang diberi olehnya adalah merupakan satu peraturan serta prinsip umum yang digunakan sebagai menjawab soalan yang ditimbulkan. Ianya tidak sekali-kali menyentuh secara khusus sesuatu kes yang melibatkan bayaran gaji yang berlebihan.

KERACUNAN MAKANAN DI SEKOLAH BERASRAMA

64. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) banyak sekolah berasrama menghadapi kejadian keracunan makanan dan kebanyakan murid-murid asrama mengadu makanan tidak sedap dan tidak bermutu baik. Apakah langkah yang akan diambil supaya pelajar-pelajar cerdas di asrama-asrama tidak terganggu pelajaran di sebabkan oleh makanan yang tidak bermutu dan tidak diterima tekak; dan
- (b) masalah ini tidak berbangkit di sekolah-sekolah pondok kerana murid-murid masak sendiri. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membenarkan murid-murid masak sendiri bagi mengatasi masalah makanan yang tidak bermutu itu.

Dr Fong Chan Onn: Oleh kerana hari ini Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mengemukakan 2 soalan mengenai isu keracunan makanan di sekolah-sekolah berasrama, saya memohon agar soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dijawab secara serentak.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang diterima dari Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri menunjukkan sebilangan kecil sahaja sekolah berasrama yang menghadapi kes-kes keracunan makanan atas masalah makanan tidak bermutu. Di antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini ialah:
 - (i) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha ke arah penjagaan dan penyediaan makanan yang

- seimbang bagi pelajar-pelajar di sekolah berasrama;
- (ii) mengadakan wakil Kementerian Kesihatan dalam penyediaan menu di sekolah-sekolah berasrama; dan
 - (iii) memastikan semua pekerja yang mengendalikan makanan di asrama mendapat kelulusan kesihatan dari pihak berkuasa tempatan.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membenarkan murid-murid di sekolah berasrama memasak makanan mereka sendiri, malahan sekolah-sekolah swasta termasuk sekolah-sekolah pondok yang mempunyai asrama juga disarankan supaya tidak membenarkan murid-muridnya memasak sendiri demi untuk menjaga keselamatan murid-murid dan asrama.

PENDIDIKAN PENGGUNA DI SEKOLAH

65. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan murid-murid sekolah asrama tidak makan barang yang tidak dapat ditelan oleh murid-murid dan makanan beracun; dan
- (b) usaha-usaha bagi memperkenalkan ilmu kepenggunaan ke sekolah-sekolah.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Isu mengenai makanan beracun di sekolah-sekolah berasrama yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini.

- (b) Mengenai Pendidikan Pengguna, sebenarnya topik ini telah diserapkan dalam pelajaran Amalan Perdagangan dan Matematik di sekolah rendah, dalam matapelajaran Perdagangan dan Keusahawanan di peringkat menengah serta matapelajaran Pengajian Am dan Ekonomi di Tingkatan Enam. Di samping itu, Pendidikan dan Kesedaran Kepenggunaan juga diterapkan melalui gerak kerja kokurikulum dengan kerjasama Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) melalui pertandingan-pertandingan ceramah dan aktiviti Kelab Pengguna Sekolah.

EKSPORT KAYU KE JEPUN

66. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama memberitahu kedudukan pasaran kayu tropika dari Malaysia ke Jepun sejak tahun 1988 hingga akhir tahun 1991.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Eksport kayu-kayan Malaysia ke Jepun dari tahun 1988 hingga 1991 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Isipadu* (Juta m³)</i>	<i>Nilai (\$ Juta)</i>
1988	11.74	2,808.51
1989	12.45	3,293.23
1990	11.36	2,988.13
1991	10.16	3,023.65

* Jumlah isipadu hanya diambilkira balak, kayu gergaji, papanlapis dan venir sahaja.

Kejatuhan isipadu eksport pada tahun 1990 dan 1991 adalah ekoran dari pengurangan eksport balak yang bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemerosesan hiliran di dalam negara. Manakala pendapatan eksport pada keseluruhannya telah mencatatkan sedikit peningkatan yang berpunca dari pertambahan eksport hasil keluaran kayu

yang bernilai tambah terutamanya papanlapis, venir, kayu kumai serta perabot di samping kenaikan nilai unit f.o.b. yang telah dicatatkan bagi eksport kayu balak, papanlapis dan venir. Eksport perabot telah mencatat kenaikan terbanyak dari \$7.4 juta pada tahun 1988 kepada \$16.9 juta pada tahun 1989, \$39.3 juta pada tahun 1990 dan \$98.1 juta pada tahun 1991, iaitu pertambahan tahunan melebihi 100%.

PEMBALAKAN HARAM—USAHA MEMBANTERAS

67. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama memberitahu apakah usaha-usaha yang berkesan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian mengenai:

- (a) pembalakan haram;
- (b) kerosakan alam sekitar oleh pembalak-pembalak;
- (c) gantirugi kepada penduduk-penduduk yang dicemar bukan sahaja alam sekitar bahkan ekonomi mereka; dan
- (d) pertolongan yang diberi kepada orang-orang Penan untuk membaiki taraf hidup mereka.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:

- (a) Pihak Kementerian saya sentiasa berusaha memastikan supaya kegiatan pembalakan haram ini terus dibanteras dan diatasi. Sehubungan dengan ini, berbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut, khususnya langkah memperketatkan lagi penguatkuasaan oleh Jabatan-jabatan Perhutanan di setiap negeri melalui penubuhan Unit-unit Khas bagi Cawangan Penyiasatan dan Penguatkuasaan. Penguatkuasaan adalah

dijalankan secara bersepadu dengan pihak Polis dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil untuk membanteras pembalakan haram meliputi:

- (i) pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 bagi mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah di samping menyenaraihitamkan kontraktor/pengusaha pembalakan yang terlibat;
- (ii) latihan dan kursus penyiasatan/penguatkuasaan juga dipergiatkan meliputi pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan khususnya untuk meningkatkan kewibawaan, kecekapan dan moral mereka;
- (iii) sistem kawalan dan pengawasan sumber hutan juga dipertingkatkan, antaranya dengan penggunaan teknik "remote sensing" dan lain-lain alat perhubungan moden di samping kaedah pemberian imbuhan kepada pemberi maklumat;
- (iv) penanaman semula kawasan hutan yang diceroboh dengan spesies yang cepat membesar telah dan sedang digalakkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri; dan
- (v) m e m p e r k u k u h k a n Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

dan lain-lain Jabatan Perhutanan Negeri dalam usaha mengawasi, mengesanan dan membanteras kegiatan pembalakan haram.

(b) Langkah-langkah pencegahan dan pemuliharaan sememangnya diambil oleh Kerajaan untuk meminimumkan kesan pembalakan kepada alam sekitar dan memastikan kawasan yang dibalak dapat dipulihkan dalam jangkamasa yang berpatutan. Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan meliputi:

- (i) rancangan pengurusan dan penghasilan hutan yang disyaratkan perlulah disediakan sebelum sesuatu kegiatan pembalakan dilakukan. Rancangan ini memberikan maklumat tentang rangkaian jalan yang sesuai, kelengkapan dan peralatan jentera dan teknik yang akan digunakan, struktur pengaliran air seperti jambatan, pembentungan, perparitan dan struktur lain yang wajar dipasang dan diselenggara;
- (ii) panduan spesifikasi jalan-jalan hutan juga perlu dipatuhi oleh pembalak-pembalak sebagai sebahagian daripada syarat-syarat lesen pembalakan mereka. Jalan-jalan tersebut seboleh-bolehnya dibina jauh dari sungai dan dibuat zon perantaraan (buffer zone) pada had lebar minimum 20 meter dan faktor keselamatan pada had minimum 3, bertujuan untuk menyekat kederasan air dan mengawal

berlakunya hakisan di paras yang minimum;

- (iii) jalan hutan yang dibina untuk tujuan pembalakan juga dibiarkan sekurang-kurangnya 2 minggu sebagai tempoh penyesuaian sebelum operasi pembalakan dijalankan. Sekiranya berlaku kerosakan, pembalak dikehendaki membaikinya dan mereka juga perlu menyelenggara jalan dan struktur berkaitan selama tempoh permit jalan atau lesen pembalakan itu sah berkuatkuasa;
- (iv) panduan 'Pembalakan di Hutan Bukit' dan 'Panduan Penghasilan Hutan' juga perlu dipatuhi oleh pembalak-pembalak bagi kawasan yang curam dan berbukit. Denda akan dikenakan kepada pemegang permit/lesen yang menyeleweng peraturan tersebut;
- (v) struktur-struktur perangkap endapan hendaklah dibina oleh pembalak-pembalak bagi kawasan di mana terdapat beban endapan (sediment load) yang tinggi;
- (vi) batas tanah yang akan berfungsi sebagai rintangan air (water bars) hendaklah dibina oleh pembalak di sepanjang lorong susur dan jalan penarik sebaik sahaja kegiatan pembalakan di sesuatu kawasan itu disempurnakan. Penahan tebing (crib revetment) dan struktur untuk menahan keruntuhan tanah hendaklah juga dibina di kawasan cerun

- yang tidak stabil dan di kawasan jalan yang ditambak;
- (vii) hanya pokok yang telah ditanda sahaja yang boleh ditebang berdasarkan arah tebaran yang ditentukan untuk mengawal kerosakan di paras yang minimum; dan
- (viii) bitau atau matau (landing) dengan keluasan yang minimum sahaja hendaklah dibina berhampiran dengan jalan pembalakan untuk kemudahan pemunggaan dan pengangkutan. Sementara itu, kedudukan bitau ini mestilah berjauhan dari sungai. Kesemua kawasan lapang, misalnya, di bitau hendaklah dipulihkan dengan menanam pokok-pokok yang cepat membesar selepas operasi pembalakan ditamatkan.
- (c) Persoalan mengenai kesan kegiatan pembalakan kepada kepentingan penduduk tempatan dari segi ekonomi dan alam sekitar perlu dikaji dengan mendalam. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memastikan supaya kegiatan pembalakan yang dijalankan tidak mengakibatkan kemusnahan hutan dan menimbulkan kesan buruk kepada alam sekitar dan ekonomi penduduk-penduduk tempatan. Menerusi usaha-usaha kawalan dan pengawasan yang lebih ketat yang dikuatkuasakan di kawasan-kawasan pembalakan, Kerajaan berharap dapat mengelakkan timbulnya masalah kesan pembalakan kepada penduduk-penduduk tempatan sehingga menyebabkan mereka membuat tuntutan ganti rugi.

- (d) Pertolongan dan bantuan yang diberi kepada kaum Penan termasuk pembinaan beberapa pusat perkhidmatan di kawasan Baram dan Belaga. Pusat-pusat perkhidmatan ini menyediakan kemudahan-kemudahan sekolah rendah, klinik kesihatan, stesyen pertanian dan lain-lain perkhidmatan asas. Selain daripada itu, Kerajaan Sarawak dan juga syarikat-syarikat balak membina rumah panjang untuk mereka. Setakat ini, Kerajaan Sarawak telah membelanjakan sejumlah \$5.5 juta untuk projek-projek yang bertujuan meninggikan taraf kehidupan kaum Penan. Selain daripada itu, Kerajaan juga mengadakan program sukarelawan Penan di mana belia Penan yang mempunyai kelulusan sekolah menengah dilatih dalam bidang pertanian, pertukangan kayu, perubatan dan lain-lain kemahiran dan mereka dihantar kembali ke kampung halaman kaum tersebut yang terpencil untuk memberi bimbingan asas dalam program kemajuan masyarakat di mana mereka ditempatkan.

Bantuan keperluan asas kaum Penan seperti berikut juga disediakan:

- (i) bantuan memperbaiki rumah panjang;
- (ii) pembinaan jeti/jambatan;
- (iii) penyediaan bekalan air bersih melalui bekalan air graviti dan tangki air;
- (iv) keperluan persekolahan bagi anak-anak mereka; dan
- (v) lain-lain projek yang merupakan keperluan asas.

Untuk kaum Penan nomadik, Kerajaan Negeri telahpun menyediakan hutan-hutan dara

asli di Ulu Baram seluas 8,000 hektar dan 5,000 hektar di Ulu Limbang supaya dapat digunakan untuk keperluan tradisi mereka. Selain dari itu, Taman Negara Mulu seluas 52,000 hektar dan Estet Hutan Tetap Melana melibatkan 22,000 hektar juga telah diberi kelonggaran untuk kaum Penan tersebut menggunakannya.

PENCEMARAN AIR SUNGAI DI SARAWAK

68. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) nama sungai-sungai di Sarawak yang mempunyai pencemaran dan air yang tidak sesuai untuk diminum tanpa dibersihkan; dan
- (b) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkara tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Pada umumnya, semua air sungai di negara ini perlu dibersihkan dan diolah supaya selamat digunakan untuk minuman.
- (b) Langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencemaran air sungai adalah secara mencegah dan mengawal punca-punca pencemaran. Antara lain punca-punca pencemaran itu ialah ternakan, pelupusan sampah sarap dan buangan industri, effluen dari industri berasaskan pertanian dan industri pembuatan. Kerajaan telah mengadakan undang-undang untuk mengawal punca-punca pencemaran air sungai. Di samping penguatkuasaan undang-undang, penyediaan kemudahan sistem pengolahan dan penempatan sesuatu punca

adalah dilakukan dengan teliti bagi mengelakkan dari berlakunya pencemaran. Selain dari itu, Kerajaan juga menggalakkan pemakaian teknologi bersih dan tinggi dalam memproses pengeluaran serta pengolahan effluen.

KEMPEN ANTI-KAYU TROPIKA—PENGLIBATAN RAKYAT MALAYSIA

69. Tuan Robert Lau Choi Chew minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa ada rakyat Malaysia yang terlibat dengan pencinta alam asing melancarkan kempen anti-hutan tropika Malaysia. Kalau benar, siapakah mereka dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghentikan mereka daripada berbuat demikian;
- (b) apakah kerosakan seperti had mengimport produksi kayu dari Malaysia disebabkan oleh kempen anti-hutan tropika Malaysia dan berapa banyakkah negara-negara yang telah mengeluarkan had-had atau mengharamkan daripada mengimport produksi kayu Malaysia; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk melawan kempen anti-hutan tropika Malaysia.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:

- (a) Memang terdapat beberapa penglibatan rakyat Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam kempen anti-kayu tropika. Mereka yang terlibat ialah Anderson Mutang

Urud mewakili Society of Threatened People, Thomas Jalong dan Nancy Bulan mewakili Sahabat Alam Malaysia, Jok Jau Evong mewakili Uma Bawang Association dan Wong Meng Chua mewakili Institute of Community Education. Selain dari itu, terdapat juga ahli politik pembangkang seperti Harrison Ngau Laing dari PBDS Sarawak juga turut terlibat dalam membangkitkan isu-isu pembalakan dan kaum Penan di luar negeri. Kerajaan sedang meneliti aktiviti dan pergerakan mereka sebelum mengambil tindakan yang sewajarnya.

(b) Sejauh ini belum ada negara-negara yang mengharam import kayu tropika dari Malaysia tetapi beberapa Kerajaan Tempatan di United Kingdom, Netherlands dan Jerman telah mengeluarkan arahan supaya tidak menggunakan kayu tropika dalam pembinaan bangunan awam. Beberapa dasar telah digubal di Holland untuk mengenakan sekatan import kayu tropika mulai tahun 1995 jika kayu berkenaan tidak berasal dari kawasan hutan yang diurus secara penghasilan berkekalan. Selain dari itu, beberapa pengusaha gedung perniagaan di United Kingdom telah melabelkan perabot kayu tropika di pusat-pusat perniagaan mereka.

(c) Menyedari kemungkinan kesan yang akan dihadapi dari tindakan pihak-pihak berkenaan, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian bagi membendung kegiatan ini seperti berikut:

(i) membetulkan tanggapan dan menyakinkan masyarakat dunia mengenai amalan pengurusan hutan

di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemelihara alam sekitar;

(ii) menghasilkan beberapa penerbitan dan video bagi menerangkan amalan pengurusan hutan berkekalan bagi diedarkan kepada masyarakat umum di dalam dan di luar negeri;

(iii) memperbaiki kelemahan di dalam amalan pengurusan hutan di negara ini bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dapat dicapai menerusi penentuan kadar catuan tebaran tahunan, tambahan kakitangan serta bantuan kewangan dalam meningkat aktiviti untuk membanteras pembalakan haram;

(iv) penggubalan dasar ke arah pemeliharaan sumber hutan negara dan pembangunan industri pemerosesan hiliran kayu-kayan tempatan;

(v) memainkan peranan aktif dalam perundingan dan forum-forum antara-bangsa di peringkat pelbagai hala, serantau, dua-hala dan nasional seperti Pengisytiharan Langkawi, Persidangan Peringkat Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan dan sebagainya;

(vi) menjemput misi Pakar Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) membuat penilaian terhadap pengurusan hutan di Sarawak;

- (vii) penghantaran misi ke beberapa buah negara di mana kempen-kempen anti-kayu tropika aktif dijalankan secara sendirian atau bersama dengan negara-negara anggota ASEAN; dan
- (viii) menerokai pasaran-pasaran baru bagi mempelbagaikan pasaran kayu negara dan memberi tumpuan kepada pengeksportan keluaran kayu bernilai tokok yang tinggi.

AMANAH SAHAM NASIONAL—NILAI SAHAM

70. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah nilai saham ASN berganjak naik perlahan sekali semenjak dibebaskan lebih satu tahun yang lalu, padahal kenaikan 'composite index' di BSKL berlaku lebih cepat dan tinggi dari itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 29hb April, 1992, Skim Amanah Saham Nasional telah melabur dalam 72 buah syarikat daripada pelbagai sektor iaitu perladangan mengandungi 11 buah syarikat, perindustrian 43 buah syarikat, hartabenda 9 buah syarikat, perlombongan 2 buah syarikat dan kewangan pula mengandungi 7 buah syarikat. Hanya 41 buah daripada syarikat-syarikat tersebut merupakan komponen Indeks Komposit yang pada keseluruhannya mempunyai 85 buah syarikat. Oleh itu, penentuan harga seunit ASN tidak bergantung kepada turun naik Indeks Komposit BSKL. Penentuan harga ASN adalah bergantung kepada harga pasaran tiap-tiap syarikat di dalam portfolio ASN. Harga seunit ditentukan dengan membahagikan nilai dana ASN dengan jumlah unit saham yang ada. Dengan ini,

pergerakan harga keseluruhan setiap syarikat di dalam portfolio ASN mempengaruhi penentuan harga seunit. Oleh itu, memandangkan portfolio ASN adalah lebih besar dan menyeluruh dari komposisi Indeks Komposit ada ketikanya Indeks Komposit BSKL naik tetapi harga ASN turun, dan ada ketikanya juga Indeks Komposit BSKL turun, sedangkan harga seunit ASN naik tertakluk kepada pergerakan harga saham syarikat di dalam portfolio ASN.

Sebagai kesimpulan, kenaikan atau kejatuhan harga ASN tidaklah begitu ketara kerana portfolio pelaburan ASN adalah meluas dan ianya memberi kesan purata terhadap harga seunit ASN bagi mengurangkan risiko yang akan dihadapi oleh pelabur-pelabur.

Pelaburan Skim ASN adalah pelaburan jangka sederhana dan jangka panjang yang tidak dipengaruhi oleh sentimen spekulasi. Sebagai contoh, harga purata bulanan ASN telah berubah kurang dari 10 sen di antara harga bulan Januari dan bulan Mei 1992 sehingga ini.

FILEM "TURTLE BEACH"—TINDAKAN

71. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan golongan Melayu manakah yang berlakon sebagai "extras" yang "membunuh" pelarian Vietnam seperti dipaparkan di dalam filem "Turtle Beach". Jikalau mereka rakyat Malaysia, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Soalan mengenai perkara yang sama telah dibangkit di Dewan yang mulia ini pada 4hb Mei, 1992 yang lalu di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri dalam menjawab soalan induk dan soalan-soalan tambahan telah menyentuh juga persoalan yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ini. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menjawabnya lagi.

TANAMAN KOKO—MENGHADKAN

72. **Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghadkan penanaman koko sepertimana dilakukan dengan mengeluarkan lesen kepada nelayan-nelayan laut dalam demi menjaga harga dan untuk koko negara ini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kerajaan tidak bercadang untuk menghadkan tanaman koko. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah dibuat oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian untuk membantu pekebun koko dalam menghadapi penurunan harga. Antara usaha-usaha tersebut ialah:

- (i) Meningkatkan produktiviti ladang;
- (ii) Meningkatkan kualiti koko Malaysia; dan
- (iii) Mempelbagaikan perusahaan pertanian.

UNIT BERGERAK DI DAERAH SIMUNJAN DAN SEBUYAU

73. **Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) daerah Simunjan dalam Bahagian Samarahan Sarawak ada mempunyai dua ratus lima belas (215) buah kampung/rumah panjang merangkumi tiga (3) kawasan pilihanraya negeri iaitu N16 (Semerah), N17 (Simunjan) dan N18 (Sebuyau). Jadual lawatan unit bergerak dihadkan kepada lima (5) hari sebulan dan lawatan pembantu luar hal ehwal khas tiga (3) hari sebulan adalah tidak mencukupi dan tidak berkesan untuk menyebarkan maklumat-maklumat penting Kerajaan kepada rakyat. Dengan itu,

adakah Kementerian bercadang untuk menambah unit-unit bergerak di Daerah Semunjan dan menubuh satu unit bergerak baru di Daerah Kecil Sebuyau. Jikalau tidak, kenapa tidak; dan

- (b) adalah didapati tidak mencukupi untuk Pegawai dan Pejabat Penerangan menyebarkan maklumat-maklumat Kerajaan kepada rakyat, terutama sekali di kawasan yang besar dan mempunyai kemudahan komunikasi yang sukar jikalau jadual perhimpunan sivik dihadkan kepada lapan (8) kali setahun dalam satu daerah. Dengan ini, adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi kegiatan perhimpunan sivik ke sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun tiap-tiap satu kawasan pilihanraya negeri, terutamanya negeri-negeri yang besar kawasan seperti Sarawak.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Bilangan jadual lawatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut adalah semata-mata sebagai panduan kepada pegawai sahaja. Jadual lawatan berubah dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan dan peruntukan yang mencukupi.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia memang bercadang untuk menambahkan beberapa buah yunit bergerak di seluruh negara, termasuk Daerah Kecil Sebuyau seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

- (b) Berhubung dengan jadual kegiatan sivik juga sebenarnya tidak dihadkan kepada angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut. Ia hanyalah sebagai panduan sahaja. Jumlah kegiatan sivik bertambah dari

masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan peruntukan kewangan yang ada.

GADIS SARAWAK DALAM KEGIATAN PELACURAN

74. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah betul bahawa sindiket-sindiket tertentu dari Semenanjung Malaysia telah menipu dan membawa gadis-gadis daripada negeri Sarawak untuk bekerja sebagai pelacur-pelacur di Johor Bahru dan Kuala Lumpur, dan berapakah orang gadis-gadis Sarawak di bawah umur 21 telah ditangkap dan dihadapkan di mahkamah di Johor Bahru dan Kuala Lumpur pada tahun 1990 dan 1991. Apakah kemajuan telah dicapai oleh pihak Polis dalam membanteras kegiatan sindiket ini.

Tuan Ong Ka Ting: Memang terdapat beberapa orang wanita dari Sarawak yang terlibat dalam kegiatan pelacuran di Semenanjung tetapi setakat ini tidak ada bukti nyata bahawa kegiatan mereka itu dianjurkan oleh sindiket tertentu di Semenanjung.

Gadis-gadis di bawah umur 21 tahun berasal dari Sarawak yang ditangkap dalam pemeriksaan Polis di tempat-tempat maksiat di Johor dan Kuala Lumpur bagi tahun 1990 dan 1991 adalah seperti berikut:

	1990	1991
Johor	3	—
Kuala Lumpur	2	1

Mereka telah diserahkan kepada Jabatan Kebajikan untuk tindakan selanjutnya. Sungguhpun pelacuran itu sendiri bukanlah satu kesalahan di bawah Undang-undang Jenayah di negara kita, pihak Polis yang sedar akan akibat buruknya dari segi sosial, moral dan kesihatan, sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mencegah dan mengawal kegiatan pelacuran dengan

menjalankan serbuan dan pemeriksaan di tempat-tempat maksiat dan membuat tangkapan dan pendakwaan terhadap penganjur-penganjur sedemikian.

KOS PENGELUARAN PERTANIAN—LANGKAH MENGURANGKAN

75. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah akan diambil untuk mengurangkan kos pengeluaran pertanian dalam Malaysia pada amnya, dan Sarawak pada khususnya dalam rancangan mengeluarkan di Malaysia kita sendiri, baja, pesticides dan makanan untuk binatang ternakan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Adalah didapati soalan yang dikemukakan agak kurang jelas. Maka jawapan yang akan diberikan adalah mengikut fahaman Kementerian.

- (i) Pada puratanya, penggunaan baja dan racun dalam kebanyakan tanaman dianggarkan lebih kurang 20% daripada keseluruhan kos pengeluaran manakala selebihnya meliputi kos buruh dan penyediaan tanah. Kebanyakan baja yang digunakan pada masa ini adalah diimport dalam bentuk asas yang terdiri daripada pelbagai jenis yang tergolong dalam kumpulan nitrogen (N), phosphate (P), potash (K) yang kemudiannya dirumus/diadun mengikut spesifikasi atau formula bersesuaian dengan kehendak sektor perladangan di negara ini. Soal mengeluarkan baja sendiri sebagai langkah mengurangkan kos pengeluaran pertanian di Malaysia amnya dan Sarawak khususnya adalah agak sukar kerana Malaysia tidak mempunyai bahan asas yang diperlukan tersebut, kecuali di dalam pengeluaran

baja urea yang kini diusahakan oleh dua buah syarikat di negara kita.

- (ii) Mengenai racun, soal untuk mengeluarkan sendiri tidak timbul kerana kebanyakan racun makhluk perosak dikilangkan di negara kita di mana hanya bahan aktif (active component) sahaja yang diimport dari luar negeri yang kemudian dirumus dan dikilangkan.
- (iii) Berhubung dengan makanan ternakan pula, Kerajaan memang berhasrat supaya bahan-bahan makanan ternakan dikeluarkan dalam negara untuk mengurangkan pengaliran keluar pertukaran matawang asing. Namun begitu, adalah penting bahawa pengeluaran dalam negara dibuat secara kompetitif (berbanding dengan import) dan tidak bergantung kepada subsidi Kerajaan. Ke arah ini, kajian-kajian teknikal serta tekno-ekonomi sedang dijalankan untuk menentukan daya maju pengeluaran bahan-bahan makanan ternakan dalam negara.

KESESAKAN LALULINTAS DI JALAN CHERAS

76. **Tuan Fong Kui Lun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesesakan lalulintas antara Balai Polis Cheras dan Jalan Perkasa, Taman Maluri dan di sebarang jalan tersebut kerana jalan tersebut sempit sedangkan banyak kenderaan yang datang dari pusat bandar di Jalan Cheras, Jalan Peel dan Jalan Cheras dari arah Kajang membelok semula ke Jalan Cheras di depan Balai Polis Cheras. Jika sedar, apakah rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi kesesakan itu.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Kerajaan memang sedar tentang kesesakan lalulintas yang berlaku antara Balai Polis Jalan Cheras dan Jalan Perkasa, Taman Maluri dan di jalan-jalan berhampirannya. Untuk mengatasi masalah lalulintas ini beberapa tindakan akan diambil, iaitu:

- (i) *Melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada*

Kerajaan telah mengenalpasti sepanjang Jalan Cheras (Lama) di antara persimpangan dengan Jalan Pudu/Jalan Tun Razak sehingga ke Bulatan KM 5^{1/2} Jalan Cheras (berhadapan Taman Pertama) untuk diperlebar dari empat lorong ke enam lorong.

- (ii) *Memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan*

Di dalam rancangan projek ini, persimpangan-persimpangan utama yang sedia ada di bahagian Jalan Cheras (Lama) akan diperbaiki. Projek ini dijangka bermula pada permulaan tahun 1993 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1994. Dengan penyiapan kerja-kerja ini dijangka masalah kesesakan lalulintas berdekatan Balai Polis Jalan Cheras ini akan diatasi.

PERMOHONAN KERAKYATAN—JUMLAH

77. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan warganegara Malaysia yang masih dalam proses oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan nyatakan jumlah bagi setiap kategori borang permohonan, dan mengapakah permohonan mengambil masa yang begitu lama untuk dijawab.

Tuan Ong Ka Ting: Sehingga akhir Mac 1992, sebanyak 9,032 permohonan kerakyatan masih dalam proses Jabatan Pendaftaran Negara. Jumlah mengikut borang permohonan ialah seperti berikut:

Borang A (Isteri asing kepada warganegara)	-	3,465
Borang B (Anak kepada warganegara)	-	645
Borang D (Keadaan-keadaan khas)	-	243
Borang E (Lahir di Persekutuan sebelum Merdeka)	-	564
Borang G (Naturalisasi)	-	4,089
Borang I (Naturalisasi)	-	26
Jumlah		<hr/> 9,032 <hr/>

Kerajaan perlu teliti ketika menimbang setiap permohonan kerakyatan oleh kerana ini merupakan satu penganugerahan yang tidak ternilai harganya. Walau bagaimanapun, pemohon boleh bertanyakan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengetahui kedudukan permohonan mereka.

KEUNTUNGAN DALAM INDUSTRI—MENGHADKAN KADAR

78. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengeluarkan perintah bagi menghadkan kadar keuntungan di dalam industri-industri atau perniagaan-perniagaan tertentu supaya dapat

mengelakkan atau mengawasi kebudayaan 'profiteering' atau 'penyembelihan' untuk kebaikan pengguna-pengguna pada keseluruhannya;

- (b) sama ada Kementerian beliau lengkap dengan kakitangan penguatkuasa yang dapat mengawasi dan menjalankan usaha-usaha untuk memastikan pencapaian dasar-dasar Kerajaan berkaitan dengan hal ehwal pengguna; dan
- (c) adakah Kementerian sanggup jadi penggerak di dalam menentukan dasar-dasar ke-penggunaan dan jikalau sanggup, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil ke arah yang sama.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan sebarang perintah bagi menghadkan kadar keuntungan di dalam industri-industri atau perniagaan-perniagaan tertentu kerana ianya bertentangan dengan dasar ekonomi bebas yang bertujuan untuk menggalakkan persaingan. Namun demikian, terdapat beberapa barangan perlu seperti gula, tepung gandum, simen, batang besi keluli dan barang-barang petroleum serta juga beberapa barangan yang diberi perlindungan tarif/bukan tarif oleh Kerajaan seperti 'barite, sheet/float glass' dan tanah peluntur yang diletak di bawah kawalan Kementerian. Harga barang-barang ini tidak boleh dinaikkan tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Di dalam hal ini, kadar keuntungan yang berpatutan akan diberi kepada pengeluar dan pengedar barangan tersebut.

Walau bagaimanapun, pengguna mempunyai peranannya tersendiri sekiranya terdapat harga sesuatu barangan itu naik dengan sewenang-wenangnya. Pengguna haruslah berwaspada dan rasional apabila berbelanja dan sentiasa sedar akan hak dan tanggungjawab masing-masing dengan sewajarnya.

- (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menyusun semula struktur organisasi Bahagian Penguatkuasa. Penyusunan semula ini melibatkan pertambahan 114 jawatan dan penubuhan 6 pejabat cawangan baru di peringkat daerah iaitu di Langkawi, Butterworth, Kajang, Kuala Kubu Bharu, Mersing dan Labuan. Dengan pertambahan jawatan dan penubuhan cawangan-cawangan baru ini, Kementerian yakin Bahagian Penguatkuasa akan dapat meningkatkan lagi pengawasan dan menjalankan usaha-usaha ke arah pencapaian dasar-dasar Kerajaan berkaitan dengan hal ehwal pengguna.
- (c) Kesungguhan dan komitmen Kerajaan untuk menjadi penggerak di dalam penentuan dasar-dasar kepenggunaan tidak perlu diragui lagi kerana penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah buktinya. Langkah-langkah positif yang telah diambil sejak penubuhan Kementerian ini meliputi:
- (i) penyusunan semula struktur organisasi Bahagian-bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Penguatkuasa. Penyusunan semula tersebut meliputi

pertambahan jawatan dan pembukaan pejabat-pejabat cawangan baru di peringkat daerah;

- (ii) penyusunan semula fungsi dan aktiviti Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan;
- (iii) penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri;
- (iv) memberi pengiktirafan kepada Hari Pengguna Sedunia, iaitu pada 15hb Mac setiap tahun;
- (v) memberi galakan, termasuk sumbangan kewangan kepada gerakan kepenggunaan yang positif; dan
- (vi) mempertingkatkan program dan aktiviti bagi pendidikan pengguna yang meliputi seminar, dailog, ceramah dan penerbitan.

ASN/ASB—KELAYAKAN PINJAMAN

79. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang digunakan untuk membolehkan seseorang bumiputera itu mempunyai kelayakan untuk memperolehi pinjaman untuk membeli ASN dan ASB seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini;
- (b) dari manakah maklumat-maklumat ini diperolehi dalam memberikan pinjaman ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mengelakkan penipuan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
Jawapan berkaitan perkara ini telahpun dibuat pada 7.5.92 dan 19.5.92 iaitu semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar dan Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

**PENDERAAN KANAK-KANAK—
BILANGAN KES**

80. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) program pemulihan khas kepada pesalah-pesalah yang mendera kanak-kanak;
- (b) bilangan kes yang dilaporkan kepada talian khas "teledera" dan tindakan yang diambil; dan
- (c) berapa kes penderaan kanak-kanak dan kaum wanita yang dihadapkan di mahkamah dan disabitkan kesalahan di mahkamah.

Tuan Yong Khoo Seng:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, pesalah-pesalah yang mendera kanak-kanak dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya. Di samping itu, pesalah boleh dikenakan syarat menghadiri perkhidmatan kaunseling atau psaioterapi. Tujuan Kerajaan mengenakan hukuman sedemikian kepada pesalah ialah untuk membantu keluarga yang mengabaikan atau menyeksa anak-anak kerana menghadapi masalah-masalah peribadi dan keluarga yang rumit. Dengan hukuman tersebut dan syarat menghadiri sesi kaunseling, pesalah-pesalah yang ke-

banyakannya adalah terdiri daripada ibu atau bapa sendiri diberi peluang untuk mengubah sikap mereka atau cara mengasuh anak-anak mereka. Bagi keluarga yang menghadapi masalah dari segi kewangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan beberapa skim bantuan kewangan yang boleh diberi untuk membaiki/meningkatkan keadaan ekonomi keluarga berkenaan.

- (b) Semenjak talian khas "teledera" diwujudkan pada 19.12.90 sehingga sekarang, sebanyak 872 kes telah dilaporkan. Daripada jumlah ini didapati hanya 29 kes adalah benar-benar kes penganiayaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kes penganiayaan yang telah dilaporkan telah disiasat dan tindakan yang telah diambil terhadap penganiaya ialah dibawa ke perhatian pihak Polis dan disiasat, dihadapkan ke mahkamah dan diberi kaunseling atau seliaan. Manakala tindakan yang telah diambil ke atas kanak-kanak yang dianiaya ialah dimasukkan ke institusi kebajikan, ditempatkan dengan keluarga ganti, ditempatkan dengan keluarga sendiri dan diselia serta diberi kaunseling.
- (c) Sebanyak 21 kes penderaan kanak-kanak telah dihadapkan ke mahkamah dalam tahun 1991. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 kes telah dijatuhkan hukuman iaitu 1 kes dijatuhkan hukuman penjara, 1 kes didenda, 1 kes diikat jamin, 8 kes ibu-bapa/penjaga diberi amaran dan 5 kes dibebaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai perangkaan tentang jumlah kaum wanita yang dihadapkan di mahkamah.

**PENGGUNAAN
"BIODEGRADABLE PLASTIC"**

81. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang ataupun merancang untuk mewajibkan penggunaan "biodegradable plastic" dan mengharamkan pengeluaran plastik HDPE yang biasa digunakan;
- (b) sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan penggunaan gas halogen sebagai bahan "propellant" sebagai langkah mengurangkan kesan pencemaran lapisan ozon; dan
- (c) apakah kesan jangka panjang fenomena "El Nino" terhadap iklim dan penting sekali taburan air hujan dalam negara.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Setakat ini Kerajaan tiada rancangan untuk mengharamkan pengeluaran plastik HDPE (high density polyethylene). Sebaliknya Kerajaan adalah menggalakkan penggunaan biodegradable plastic.

- (a) Gas "halogen" tidak digunakan sebagai bahan "propellant". Sebaliknya gas "halon" adalah digunakan dalam sistem pencegahan kebakaran. Setakat ini kegunaan gas "halon" tidak digalakkan lagi selaras dengan ketetapan di bawah Protokol Montreal.
- (b) Fenomena "El Nino" berlaku sekali dalam setiap dua hingga tujuh tahun untuk selama dua belas hingga lapan belas bulan. Hanya fenomena yang berintensiti kuat dapat mendatangkan kesan yang genting terhadap cuaca di Malaysia, khususnya di kawasan timur negeri Sarawak dan negeri Sabah yang terletak

berhampiran dengan kawasan yang dipengaruhi oleh fenomena ini iaitu di Pasifik Barat Daya. Tiada kesan jangka panjang atas iklim tetapi apabila fenomena "El Nino" berlaku maka antara kesan utamanya ialah:

- (i) tempoh hujan lebat di peringkat awal musim tengkujuh (November-Disember) di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak begitu panjang;
- (ii) di peringkat akhir musim tengkujuh (Januari-Mac) tempoh cuaca kering akan berpanjangan dan jumlah hujan akan berkurangan; dan
- (iii) oleh sebab jumlah air hujan dalam tempoh ini tidak mencukupi maka ianya akan mempengaruhi bekalan air kepada orang ramai dan sektor pertanian.

**INDUSTRI KRAFTANGAN
DI SARAWAK—PERUNTUKAN**

82. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan langkah-langkah yang telah, akan dan sedang diambil untuk memajukan industri kraftangan, muzik dan kebudayaan masyarakat etnik di negeri Sarawak khususnya di kawasan pedalaman.

- (a) berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan penglibatan bersama masyarakat tempatan dalam industri pelancongan dari segi pemilikan saham dan pengurusan dan tidak hanya menjadikan penduduk tempatan sebagai pemandu pelancong dan buruh kasar sahaja; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memelihara kebudayaan tempatan daripada kesan-kesan negatif akibat pelancongan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Bagi tujuan pembangunan kebudayaan dan kesenian di Sarawak, Kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak \$50,000 bagi tahun 1991, \$50,000 bagi tahun 1992 dan \$5,000 setiap tahun melalui geran bantuan tahunan bagi kegiatan-kegiatan kebudayaan dan kesenian yang dijalankan oleh Taman Seni Budaya Negeri (TSBN) Sarawak. Mengenai industri kraftangan pula, ianya adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa peruntukan sebanyak \$2.7 juta disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk memajukan industri kraftangan di negeri Sarawak.
- (b) Satu daripada dasar industri pelancongan adalah untuk meningkatkan penglibatan penduduk tempatan dalam sektor ini supaya mereka dapat menikmati pulangan ekonomi daripada kegiatan pelancongan di negara ini. Kementerian sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana yang merupakan industri sokongan kepada pelancongan seperti makanan, pengangkutan, hiburan, kemudahan rekreasi, sukan, alat-alat kelengkapan, kraftangan dan sebagainya, yang mana boleh diusahakan oleh penduduk tempatan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk

pinjaman dengan kadar faedah dan tempoh bayaran balik yang munasabah di bawah Tabung Khas untuk pelancongan, memandangkan kekurangan modal adalah satu sebab yang menghalang penglibatan penduduk tempatan dalam usaha-usaha tersebut. Di samping itu, pelbagai insentif cukai disediakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 untuk pengusaha-pengusaha dalam bidang pelancongan. Dengan penyertaan dalam industri-industri kecil dan sederhana seperti tersebut di atas, penduduk-penduduk tempatan boleh meningkatkan hakmilik dan keusahawannya dalam industri pelancongan.

- (c) Usaha-usaha memulihara kebudayaan tempatan memerlukan daya usaha bersama dan bukan tanggungjawab sesebuah agensi sahaja. Bagaimanapun, Kementerian ini telah, sedang dan akan terus berusaha memelihara warisan budaya tempatan sebagai satu nilai kebudayaan serta satu tarikan pelancongan. Bagi tujuan ini, Kementerian telah menggaris dan menyusun beberapa program seperti berikut:
- (i) penggalakan dan promosi;
 - (ii) khidmat sokongan dan latihan;
 - (iii) penyelidikan;
 - (iv) pemuliharaan;
 - (v) pembangunan seni muzik; dan
 - (vi) pembangunan seni pentas.

KAJIAN MENGENAI DASAR PELANCONGAN NEGARA

83. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan bahawa

Kementerian telah menolak kajian dasar pelancongan negara yang disediakan oleh sebuah syarikat perunding kerana tidak berpuashati dengan laporan itu:

- (a) nyatakan nama syarikat perunding yang dilantik oleh Kementerian itu dan berapakah perbelanjaan yang dibayar oleh Kerajaan untuk tujuan penyediaan laporan tersebut;
- (b) apakah sebab-sebab kajian itu terpaksa ditolak; dan
- (c) apakah benar Kementerian masih berhasrat untuk meneruskan kajian dasar pelancongan negara melalui syarikat perunding itu meskipun laporan awal syarikat berkenaan ditolak. Berapakah perbelanjaan tambahan yang terpaksa dibayar kepada syarikat tersebut untuk menyediakan laporan yang baru.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian ini ada melantik sebuah syarikat perundingan iaitu Peat Marwick Consultants untuk menjalankan kajian mengenai dasar pelancongan negara. Walau bagaimanapun, syarikat itu masih lagi menyiapkan laporan akhirnya setelah berbincang dengan Kementerian laporan awal yang dikemukakan. Mengikut perjanjian kos kajian boleh meningkat sehingga \$2 juta.

PIL PERANCANG KELUARGA—MENGHARAMKAN PENGGUNAAN

84. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan akan mengharamkan penggunaan pil perancangan keluarga di negara ini memandangkan pil tersebut telah diketahui membahayakan kesihatan ibu-ibu.

Tuan Yong Khoon Seng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan penggunaan pil perancang keluarga kerana bukti-bukti yang jelas tentang bahaya penggunaannya adalah pada tahap yang rendah sahaja; sebaliknya ianya mempunyai banyak kebaikan. Amalan menjarakkan kelahiran anak yang terlalu kerap atau pada masa usia ibu yang muda atau berusia akan membawa faedah menurunkan kadar kematian ibu dan bayi hampir 50%. Kerajaan telah mengambil langkah bagi memastikan ibu-ibu yang sihat dan kawalan ke atas kesihatan ibu-ibu yang mengamalkan kaedah pil melalui perkhidmatan yang bermutu dan sempurna di satu rangkaian klinik perancang keluarga dan pusat-pusat kesihatan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PENANGKAPAN SEMULA TIGA RAKYAT IRAN DI ATAS KESALAHAN PENGEDARAN DADAH

3.36 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sebelum saya mulakan ucapan saya di atas Usul ini, saya suka menyatakan bukan direct pecuniary interest di bawah Peraturan 35(6), oleh kerana setakat ini kes dalam mahkamah telah selesai. Oleh kerana tidak ada direct pecuniary interest, walaupun ada apabila saya membela ketiga-tiga rakyat Iran ini dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Speaker, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Dan Usul saya itu berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen dari Jelutong, Tuan R. Karpal Singh di bawah Perintah Tetap Dewan Rakyat No. 18 untuk menangguhkan Dewan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu penangkapan semula warganegara Iran pada 19hb Mei tahun ini iaitu Mehran @ Mexpan Ibnu Mahmud @ Maxmya, Sohrab Ibnu Nariman dan Mohamad Shariff Karimpour, selepas mereka dibebaskan dan dilepaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas pertuduhan pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Pihak Kerajaan mesti sedia menerima keputusan mahkamah-mahkamah undang-undang di negara ini. Kebebasan badan kehakiman akan tidak bermakna jika keputusan mahkamah-mahkamah undang-undang dilakukan dengan hina, dengan penangkapan semula yang segera seseorang selepas dibebaskan oleh mahkamah;
- (ii) Penangkapan semula selepas dibebaskan oleh mahkamah adalah pelanggaran pernyataan awam kedua-dua Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Encik Abdul Ghafar Baba bahawa penghakiman mahkamah-mahkamah undang-undang akan di hormati oleh pihak Kerajaan.

Penyataan oleh tokoh terkenal dalam pihak Kerajaan sepatutnya dihormati, kalau tidak orang awam akan hilang keyakinan dalam Kerajaan.

Tuan Speaker, orang tempatan seringkali ditangkap semula selepas sahaja beliau dibebaskan oleh mahkamah.

- (iii) Kami berurusan dengan warganegara asing yang tidak seharusnya diberi tanggapan bahawa pihak Kerajaan hanya sedia menerima sabitan oleh mahkamah dalam negara ini khasnya dalam kes-kes pengedaran dadah dan tidak mentoleransi pembebasan dalam kes-kes ini.
- (iv) Kami akan dilihat dengan muram oleh dunia antarabangsa jika kami tidak mendukung Kedaulatan Undang-undang yang memerlukan pematuhan kepada penghakiman mahkamah.
- (v) Ketiga-tiga warganegara Iran yang ditangkap semula ditahan tanpa bicara di bawah seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 memperuntukkan pemulihan di dalam satu pusat pemulihan akhlak; pembayar-pembayar cukai tidak seharusnya dibebaskan dengan senggaraan warganegara asing kerana pemulihan mereka tidak akan memberi faedah kepada negara memandangkan akhirnya mereka akan diekspatriatkan ke negara asal mereka.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah

Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Jelutong pada pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga hendak menangguhkan mesyuarat pada hari ini. Apa-apa tindakan sama ada dalam mahkamah atau di luar mahkamah yang berkenaan dengan perkara ini boleh diambil pada bila-bila masa selepas ini dan yang demikian, perkara ini tidaklah boleh dikatakan perlu disegerakan. Yang demikian, saya menolak usul ini. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *(20hb Mei, 1992)*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Peraturan Mesyuarat!

Tuan Sim Kwang Yang: 90(1).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bangkitkan Peraturan Mesyuarat 90(1) yang berbunyi seperti berikut:

"90.(1) Kecuali dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Majlis tidak boleh membincangkan apa-apa Rang Undang-undang, pindaan, usul, atau rayuan yang difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua akan merentikan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat atau mana-mana jua daripadanya."

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya berdiri untuk memohon persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya item ke-11 dalam Urusan Mesyuarat ini boleh dibincangkan, sebab item ke-11 iaitu satu Usul yang dibangkitkan oleh Dr Tan Seng Giaw yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa menurut Peraturan Tetap 43, Majlis Mesyuarat ini meminta timbangkan semula, mengulang kaji serta menolakan keputusan Timbalan Yang di-Pertua Y.B. Tuan Ong Tee Keat yang menggunakan Peraturan Tetap 44 ke atas Ketua Pembangkang Y.B. Tuan Lim Kit Siang pada 4.5.1992 untuk memberhentikan ucapannya serta menghalang beliau daripada Majlis Mesyuarat bagi satu hari."

Tuan Yang di-Pertua, usul ini juga memohon untuk mengulang kaji ataupun mengkaji semula usul di bawah 44(3) yang dicadangkan oleh dua orang Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 43 ini memanglah satu jalan sudah terbuka untuk seseorang Ahli Yang Berhormat meminta untuk

mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Tuan Speaker. Tetapi di bawah Peraturan Mesyuarat 15(1) yang berbunyi seperti berikut:

“15.(1) Pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

15(1) ini sudah memastikan bahawa usul dari Dr Tan Seng Giaw, iaitu Whip Pembangkang ini tak boleh dibincangkan dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bangkitkan masalah ini dengan harapan bahawa kami boleh memecah satu “catch” 22, dengan izin. Sebab telah ditegurkan terhadap peristiwa yang tidak diinginkan dalam Parlimen ini pada hari Khamis, minggu lalu di mana kami, pihak Pembangkang terpaksa membantah dengan sekeras-kerasnya tentang keputusan oleh Tuan Ong Tee Keat itu....

Beberapa Ahli: Wooooo!

Tuan Sim Kwang Yang: Maka, dengan malangnya saya mahu buat satu urusan yang serius ini, sebab haraplah boleh membina convention Parliament, jangan woooo! buat bunyi seperti budak-budak itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Peraturan-peraturan Mesyuarat ada jalan untuk masalah ini diselesaikan, kami tidak akan membuat apa-apa masalah, sebab pada minggu ini DAP sudah bertentang dengan harapan bahawa Peraturan Mesyuarat 43 boleh digunakan untuk mengkaji semula keputusan Timbalan Yang di-Pertua. Maka, menurut Peraturan Mesyuarat 15(1) tidak ada satu harapan pun untuk usul ini dibangkitkan bagi mengkaji semula. Maka, pada prinsipnya keputusan. Tuan Yang di-Pertua boleh dikaji semula, tetapi pada praktiknya tak boleh, itu “catch” 22. Sekiranya dia tak boleh, mustahil untuk bangkitkan dan membahaskan keputusan Tuan Ong Tee Keat

itu, maka kami tidak ada pilihan lagi, kecualilah kalau membuat tindakan-tindakan yang kami sendiri pun tak mahu.....

Seorang Ahli: Buatlah!

Tuan Sim Kwang Yang: Maka, saya memohon.....buatlah, apa ini? (*Ketawa*) Maka saya memohon di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1) supaya Usul Dr Tan Seng Giaw ini boleh dibangkitkan dan dibahaskan supaya ia boleh diberi precedent ke atas urusan Kerajaan, sama ada hari ini ataupun hari Isnin dan Selasa akan datang supaya soal pokok yang menimbulkan masalah pada hari Khamis minggu lalu boleh dijelaskan supaya DAP tidak dianggap sebagai orang yang gila, tetapi ada sebab-sebab tertentu yang melibatkan isu MAIKA Holdings, sama ada perbincangan MAIKA Holdings ini di bawah Bankruptcy Act adalah berkait atau tidak berkait di bawah Peraturan Mesyuarat 36(1) pada hari itu. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat membuat satu permohonan sebagai satu point of order. Saya rasa perkara ini bukanlah satu perkara point of order, dengan kerana point of order itu bersangkutan dengan perkara yang lain, yakni Yang Berhormat meminta supaya saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1) itu. Jadi, tak bolehlah Yang Berhormat membawakannya di bawah point of order. Itu pada fikiran saya, salah peraturannya.

Selain daripada itu, kuasa hendak mendahulukan apa-apa perkara agenda adalah tertakluk di dalam dua perkara; Peraturan Mesyuarat 14(2) iaitu Menteri yang kena mencadangkan supaya satu-satu perkara itu didahulukan. Selain daripada itu, “Pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan.....”. Jadi, bagaimanakah saya hendak mengenyepikan perkara ini? Perkara-perkara yang boleh mengenyepikan itu ialah perkara-perkara

Tuan Yang di-Pertua, tenaga kerja yang cekap dan mahir adalah amat baik untuk negara dan masa depan negara sama ada Barisan Nasional jadi Kerajaan atau tidak itu tidak kira. Ini kepada negara dan rakyat. Barang siapa yang meneraju Kerajaan, memang mereka bertanggungjawab untuk menentukan bahawa kita mempunyai tenaga kerja yang mahir, yang mampu berdikari dan akhirnya kita berharap mereka akan dapat meningkatkan taraf hidup mereka secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia. Saya berharap semalam dan pagi ini dia telah buat "homework" sedikit dan kita berharaplah, saya berharap benar cara ikhlas ini—sebarang penjelasan jawapan yang hendak diberi itu tolonglah beri dengan memuaskan. Ini bukan politik. Ini untuk kepentingan semua, tidak ada apa hendak main politik. Kita bincang perkara khusus, perkara penting dan kita berharap mendapat jawapan secara yang jujur dan secara yang kemas. Kalau tidak boleh, mintalah lain kali Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri datang menjawab.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Santubong.

4.06 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992, iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penganan dan pemungutan levi; Pembangunan Sumber Manusia bagi maksud menggalakkan latihan pekerja-pekerja; Penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan Kumpulanwang bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Langkah Kerajaan menubuhkan tabung ini sangat dialu-alukan dan ianya sejajar dengan kehendak negara ini untuk mengadakan tenaga kerja yang mahir dan terlatih. Kesungguhan Kerajaan adalah ketara dengan tertubuhnya tabung ini kelak. Tetapi beberapa perkara harus diperhalusi terlebih dahulu supaya tujuan dan niat yang baik ini tidak tercemar atau backfired, dengan izin, terutama sekali dari segi pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian II iaitu Fasal 3, 4 dan 5 iaitu mengenai Levi Pembangunan Sumber Manusia yang dikenakan pada tiap-tiap majikan dengan setiap pekerjaannya pada kadar 1% dari upah pekerja tersebut dalam mana-mana bulan. Persoalan yang saya hendak timbulkan iaitu mengikut Jadual Pertama, majikan ditakrifkan iaitu majikan yang mempunyai 50 orang atau lebih pekerja—tetapi jenis industri kalau dapat dicatatkan—tetapi mengikut Jadual Pertama, ianya terlalu menyeluruh iaitu seperti ditakrifkan industri adalah pengilangan iaitu membuat, mengubah, mengadakan, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain mengawit atau menyesuaikan apa-apa barang atau benda memandangkan kepada penggunaan penjualan, pengangkutan atau pelupusannya, termasuklah memasang bahagian-bahagian dan memperbaiki kapal tetapi tidak termasuk perdagangan jual runcit atau jual borong. Jadi, apa yang dimaksudkan oleh saya di sini iaitu takrif ini adalah terlalu general dan saya takut nanti interpretasi masing adalah berlainan, mengikut pandangan masing-masing. Jadi, kalaulah dapat dicatat senarai-senarai industri mengikut trade-tradennya sekali. Jadi, itu mungkin lebih memberi penjelasan yang begitu tepat kepada mereka yang akan terlibat di dalam Akta ini kelak.

Jadi, mengikut Fasal 3(3) iaitu kegagalan membayar dalam sesuatu tempoh. Di sini ia diterangkan dengan jelas apakah time-frame iaitu sebelum denda dikenakan. Dan di sini saya

takut-takut mengenai masalah red-tape di mana dapatkah, dipastikan dan diterangkan dengan sejelas-jelasnya sebab red-tape ini yang mungkin melambatkan pembayaran levi.

Memandangkan bahawa majikan kelak diperlukan untuk berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia iaitu mengikut Fasal 4 dalam sesuatu tempoh masa yang tidak juga dinyatakan. Jadi, saya berharap Kementerian dapatlah menjelaskan beberapa tempoh masa. Ini bermakna bahawa pihak Majlis perlu ada satu sistem yang begitu cekap untuk mendaftar dan seterusnya mengawas, oleh sebab sebarang kelewatan akan melibatkan denda. Ini kita mesti berhati-hati sedikit dan denda ini bukanlah sedikit iaitu \$5,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Kalau tidak menjadi majikan pun, kena beritahu dalam tempoh masa 30 hari. Kalau tidak, terpaksa juga dikenakan levi. Jadi, adakah ini perlu, kalau tidak denda dikenakan \$2,000 atau penjara enam bulan.

Jadi, yang sangat penting saya perhatikan dari segi pelaksanaannya atau administrativenya iaitu supaya Majlis itu nanti menyelenggarakan satu rekod daftar yang begitu efisien dan rekodnya harus ada maklumat seperti rekod pembayaran levi dan bermacam-macam yang harus dikemaskinikan dengan cepat. Jadi, saya mohon penjelasan dari segi sistem penyelenggaraan rekod yang paling sofistikated yang akan digunakan oleh pihak Kementerian dan secepat manakah mendapat maklumat, dengan izin, fast retrieval of information, sebab sebarang kelewatan menerima atau mengeluarkan maklumat akan mengakibatkan denda. Yang menjadi mangsa ialah pihak majikan.

Saya juga hendak tahu dengan terperinci perjalanan administrative dan sistem atau prosedur mulai dari daftar majikan hingga pemunggutan levi dan pemberhentian menjadi majikan

dan ini mungkin termasuk borang-borang yang digunakan dan lain-lain red-tape yang perlu dilalui oleh pihak-pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III pula iaitu Fasal 6—Kelayakan Bagi Mendapat Bantuan Kewangan. Persoalan di sini iaitu selepas tempoh lima bulan baru layak menerima bantuan bagi menggalakkan latihan pekerjaannya. Persoalan yang timbul di sini, apakah bentuk kewangan atau faedah lain yang didapati daripada tabung ini dan berapa kerapkah boleh majikan memohon bantuan daripada tabung ini, sebab saya rasa tidak ada disebutkan dan tiada disebut mengenai insentif atau galakan kepada pihak majikan jika mereka menyertai diri di dalam tabung ini sama ada, ada atau tidak pilihan, dengan izin, choice bagi majikan jika mereka dalam kategori yang telah ditakrifkan.

Jadi, satu lagi dengan adanya Fasal 11 iaitu mengenai Panel Pelaburan bahawa tabung ini akan menghasilkan satu sumber kewangan untuk pelaburan tetapi sebenarnya tujuan tabung ini adalah untuk pembangunan sumber manusia yang dicatat di bawah Fasal 9(2). Jadi, adakah had kuota ditetapkan bagi mana-mana majikan untuk menggunakan tabung ini? Itu satu persoalan. Jika majikan memenuhi semua syarat, adakah kemungkinan permohonan tabung ini akan ditolak? Bagaimana pula pelaksanaan di peringkat negeri-negeri atau adakah ianya dipusatkan di Kementerian Sumber Manusia di Kuala Lumpur. Sebab hanya Majlis yang membuat keputusan atau centralised decision, dengan izin, di atas tiap-tiap permohonan, jadi mungkin berlaku kelewatan dan sebagainya.

Satu lagi yang ingin dipersoalkan iaitu mengenai keanggotaan Majlis. Majlis ini mesti dianggotai oleh mereka yang berpengetahuan tentang trades, industri-industri dan sebagainya iaitu mereka yang fasih dengan subjek-subjek yang berkenaan dengan pembangunan

sumber manusia. Jadi, timbul satu lagi persoalan iaitu tabung ini hendaklah diselaraskan dengan institusi latihan iaitu cukupkah institusi latihan untuk menampung keperluan latihan-latihan daripada majikan-majikan kelak? Sama ada sumber kewangan ada di tiap-tiap institusi latihan ini untuk mengendalikan jenis-jenis latihan yang diperlukan termasuk tenaga pengajarnya dan sebagainya. Jadi, kalau institusi latihan tidak mencukupi dan tenaga pengajar juga tidak mencukupi dan tidak berkemahiran, saya rasa susah hendak mengimplementasikan latihan bagi pekerja-pekerja majikan itu kelak. Jadi, satu lagi persoalan iaitu mengenai job configuration iaitu syllabus atau kurikulum yang ada pada institusi latihan harus diberi penekanan supaya latihan yang diberikan adalah sesuai dengan kehendak-kehendak majikan pada sesuatu masa dan juga sesuai dengan kehendak job market, dengan izin.

Jadi, adalah disarankan supaya satu jawatankuasa khas atau satu badan khas ditubuhkan seperti contoh, dengan izin, skilled development centre supaya ianya dijalankan secara joint-venture dengan pihak-pihak swasta sebab saya rasa kebanyakan majikan-majikan ini adalah mereka daripada pihak-pihak swasta. Jadi, oleh yang demikian semua ini adalah dicadangkan untuk memastikan bahawa Akta ini kelak akan dilaksanakan dengan begitu licin tanpa banyak masalah.

Satu lagi persoalan yang terakhir iaitu saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Sumber Manusia, apakah bezanya atau persamaannya di antara tabung ini iaitu Tabung Pembangunan Sumber Manusia dan, dengan izin, Industrial Technology Assistance Fund (ITAF)? Bolehkah kedua-dua ini disatukan supaya administratively akan mengurangkan beban kepada pihak majikan?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Parit Sulong.

4.14 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong perbahasan mengenai Akta ini, saya ingin merujuk kepada dua aspek yang terpenting iaitu mengenai keanggotaan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di mana menurut Akta ini lapan orang akan mewakili daripada pihak majikan, empat orang lagi adalah wakil agensi-agensi Kerajaan dan pihak Menteri dengan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya boleh melantik dua orang lagi ahli Lembaga Pemegang Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya cuma ingin membuat satu pandangan dan kalau boleh diperhalusi lagi pandangan ini. Dua kekosongan yang boleh dengan kuasa Menteri untuk melantiknya itu kalau dapat berikanlah kepada kami, ahli-ahli politik Barisan Nasional. Saya mencadangkan ini bukan atas kepentingan diri, ini adalah oleh kerana kadang-kadang majikan juga terkeluar dengan aspirasi politik, politik negara yang menjadi nadi kepada seluruh perkembangannya. Diharapkan kehadiran politician ini juga akan menjadi sebagai pengimbang dan juga pelengkap kepada kedudukan seluruh Majlis Amanah itu. Jadi, diharapkan perkara ini akan diberi pertimbangan yang sehalus-halusnya.

Yang keduanya mengenai latihan. Kita melihat dalam Akta ini adalah menurut kehendak industri ataupun syarikat penyumbang. Kalau kita merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam, industri yang paling unggul sekarang ini ialah industri manufacturing dan paling khusus lagi adalah industri elektronik. Jadi, bermakna kalau tadi sahabat saya dari Santubong bertanya apakah bentuk kurikulum, syllabus atau matapelajaran yang akan diajarkan kepadanya, sudah

pasti ini adalah selaras dengan industri itu sendiri. Jadi, dalam hal ini sudah pastinya matapelajaran yang akan diajarkan ataupun yang akan diberikan sama ada menerusi teknologinya ataupun teknikalnya adalah selaras dengan kehendak industri itu. Tetapi ada satu perkara yang sering kita lupa dan mungkin kita agak sebagai satu perkara yang remeh iaitu dari segi pembinaan mental pekerja-pekerja itu sendiri. Jadi, saya harap di dalam mereka memberikan pengetahuan, memberikan kemahiran dan di dalam memindahkan teknologi-teknologi baru kepada pekerja selaras dengan kehendak industri, mental pekerja-pekerja ini juga harus diberi satu penumpuan atau satu fokus supaya dapat dibina mental yang taat setia, mental yang kasih sayang kepada diri, yang kasih sayang kepada Kerajaan, yang kasih sayang kepada pemerintah dan kasih sayang kepada majikan. Bukan mental yang menjadi penentang establishment, bukan mental yang mungkin didorong oleh kesatuan-kesatuan sekerja dan yang didalangi oleh parti-parti Pembangkang.

Itu harapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada negara-negara maju hari ini, khususnya di negeri-negeri Barat, kehancuran ekonominya salah satu puncanya adalah masalah pekerja. Masalah pekerja yang mengadakan industrial action, tindakan-tindakan industri yang boleh melumpuhkan ekonomi dan pengeluaran itu sendiri. Jadi, kita harus memandang lebih jauh oleh kerana Malaysia akan menjadi bangsa yang maju, bangsa yang besar dalam 20 tahun atau 30 tahun akan datang. Masalah manusia ini harus diberi pengkhususan di dalam kita memberi latihan kepada pekerja-pekerja.

Pada hari ini sendiri kalau kita melihat di manakah dan atau apakah kayu ukuran yang boleh Kerajaan pegang untuk mengukur kesetiaan, semangat kewarganegaraan dan ketatanegaraan pekerja-pekerja kepada

pemerintah yang telah mewujudkan suasana politik yang mantap, yang telah membawa pelaburan yang berjuta-juta malah ribuan juta ringgit ke dalam negara ini. Di manakah letaknya kesetiaan mereka ini?

Jadi, menerusi kewujudan tabung dan juga badan amanah ini, menerusi Akta Pembangunan Sumber Manusia ini, diharapkan pihak Kementerian akan menyelitkan perkara ini walaupun mungkin agak kecil, ini akan memberi kesan yang agak besar kepada generasi di masa yang akan datang.

Saya ingin bertanya, dalam hal ini siapakah yang akan menjadi pelatih ataupun jurulatih oleh kerana tidak disebut melainkan ada disebut ejen-ejen? Siapakah yang akan menjadi ejen? Siapakah yang akan menentukan ejen-ejen itu? Perkara ini harus diberi tumpuan oleh kerana yang kita tidak mahu ejen-ejen yang akan menentukan kurikulum, matapelajaran dan modul-modul pendidikan itu adalah orang-orang yang mungkin kurang simpati dengan aspirasi pembangunan generasi keseluruhannya di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang akan menjadi fenomena di dalam negara kita adalah kemasukan pekerja-pekerja asing di dalam sektor perkilangan. Beberapa hari yang lalu, kita telah membaca akhbar di mana kemungkinannya nampak agak besar dan agak cerah bahawa buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja asing akan dibawa masuk untuk bekerja di kilang-kilang. Di sini timbul satu persoalan: kalau mereka akan dibawa masuk, jenis buruh apa ataupun jenis pekerja apakah mereka? Adakah mereka ini kurang skil dan kurang kemahiran? Kalau mereka ini kurang kemahiran, adakah kita terpaksa membeban melatih mereka untuk memberi kemahiran sebagaimana yang diperlukan oleh pihak-pihak pengeluar dan juga pihak majikan?

yang pihak Kerajaan sendiri yang bersetuju. Kalau tidak, saya tidak boleh mengenenpikan dengan kerana kuasa hendak mendahulukan apa-apa itu ialah kuasa mereka, bukan kuasa daripada saya. Jadi, yang demikian saya tak bolehlah mencampurtangan dalam perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua sebut dua Peraturan, tetapi Tuan Yang di-Pertua sebutkan satu Peraturan sahaja, iaitu 14(2). Apa Peraturan yang keduanya?

Tuan Yang di-Pertua: 15(1).

Dr Tan Seng Giaw: (1) dan (2)?

Tuan Yang di-Pertua: 14(2) dan 15(1).

Dr Tan Seng Giaw: Oh, 15(1).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jalan lagi kecuali sebutkan point of order. Saya pun tahu sebenarnya ia bukan point of order. Ini cuma untuk menunjukkan bahawa kalau mahu ikut nasihat pihak-pihak tertentu bahawa jikalau kami tidak bersetuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, kami masih ada jalan di bawah Peraturan Mesyuarat, tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sendiri sudah buat keputusan, ini mustahil. Maka, lain kali kalau institusi Speakership ini kurang dihormati, bukan oleh Tuan Yang di-Pertua, seorang yang waras, tetapi Timbalan Speaker yang kurang waras, kurang mempelajari dalam convention Parliament ini, kami terpaksa ambil tindakan apa-apa sahaja di mana yang boleh.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Mesyuarat ini bukan kami (Speaker) yang buat. Yang membuat itu ialah oleh Dewan ini (*Tepuk*), dan Peraturan-peraturan ini boleh dipinda daripada

satu masa ke satu masa. Pihak Pembangkang ataupun mana-mana pihak sekalipun boleh mengeluarkan cadangan untuk meminda mana-mana syarat dalam Peraturan Mesyuarat ini. Jadi, jikalau sekiranya Peraturan Mesyuarat begitu dan kami yang menduduki di atas Kerusi ini menjalankan Peraturan-peraturan Mesyuarat mengikut apa yang sedia ada, itu bukanlah kesalahan kami.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya hendak kemukakan semula Rang Undang-undang.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ada lagi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 36(6), "Seorang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat." Jadi, tadi Yang Berhormat yang baru bercakap mengatakan Timbalan Yang di-Pertua tidak waras fikiran. Saya rasa perkara ini patut ditarik balik. Perkataan ini telah tercatat. Saya minta ditarik balik perkataan itu oleh kerana perkataan "tidak waras" adalah perkataan yang melambangkan, yang bermakna dia tak boleh handle, tidak boleh menangani mesyuarat ini dan sebagainya dan memberi kesan yang negatif. Saya minta ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, perkataan "tidak waras" tadi tidaklah elok dipakai dengan kerana dia dilantikkan menjadi Timbalan Yang di-Pertua. Bagaimanapun, kita terpaksa menerima dia kerana itu ialah demokrasi, iaitu mengikut majoriti di dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Jikalau sekiranya minoriti tidak mahu kepada seseorang itu, maka yang demikian, susahlah kita hendak

menjalankan pentadbiran meeting atau mesyuarat ini. Yang demikian, saya harapkan supaya perkataan “tidak waras” itu yang dikenakan kepada Timbalan saya, Timbalan Yang di-Pertua, ditarik balik.

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau saya menuduh kepada sesuatu Timbalan Speaker ini memang saya terpaksa tarik balik. Ini menunjukkan bahawa kuasa Speaker ataupun Timbalan Speaker dalam Dewan ini hampir mutlak dan tidak boleh ditegurkan—ini point saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*) Kita semua manusia, memang tidak ada satu orang yang ‘perfect’, dan kalau saya buat hujah ini dalam konteks Convention Parlimen yang akan berkembang di dekad demi dekad, maka sesuatu Timbalan Speaker boleh kurang waras, “sesuatu”, bukan “satu”. “Sesuatu”—anyone, itu point sahaja. Cuma, mesti ada satu jalan atau alat untuk kuasa Timbalan Speaker ataupun Speaker sendiri dikaji semula. Itu sahaja. (*Disampuk*) Sudahlah!

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah tarik balik, dia sudah tarik balik. Kepong, ya?

Dr Tan Seng Giaw: Tadi saya memerhatikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa beliau hanya menggunakan perkataan-perkataan yang tidak disukai oleh Parit yang Sulong.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong.....

Dr Tan Seng Giaw:cuma secara umum sahaja. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dr Tan Seng Giaw: Secara umum sahaja!

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, Kepong, dia sudah tarik balik, cukuplah. Cukuplah, dia sudah tarik balik.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bayan Baru, sila sambung.

3.54 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992. Semalam saya telah membincang dengan panjang lebar berhubung dengan peranan Majlis dan Panel Pelaburan dan saya selanjutnya ingin menyentuh tentang peruntukan yang disediakan bagi mewujudkan agen-agen pelaksanaan.

Di dalam peruntukan ini tidak disebut dengan jelas apakah peranan dan fungsi agen-agen ini. Sekiranya agen-agen ini hendak diberi bayaran atas kerja-kerja yang dijalankan yang telah diserahkan oleh pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia, sepatutnya kita harus mendapat pengetahuan yang lebih luas berhubung dengan peranan agen-agen ini dan apakah maksud agen-agen pelaksanaan ini diwujudkan dalam peruntukan. Adakah maksud agen-agen pelaksanaan ini terdiri daripada institut-institut latihan teknikal dan kemahiran. Bolehkah kita terima bahawa institut-institut teknikal yang sekarang ini dijalankan ataupun dikelolakan oleh pihak swasta itu boleh dilantik sebagai agen-agen. Ataupun, bolehkah kita menganggapkan bahawa IKM ataupun Institut Kemahiran MARA yang dikelolakan oleh Kerajaan itu boleh dijadikan agen dan ini tidak

disebutkan secara sejelas-jelasnya kerana ada peruntukan, ada agen, tetapi apa dia 'agen', kita tidak tahu dan saya minta supaya perkara ini diberi penjelasan dengan sejelas-jelasnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa jua yang disebutkan dalam peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini tujuannya atau objektifnya adalah satu—untuk membangun sumber manusia. Kita hendak memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia melalui latihan-latihan kemahiran dan teknikal. Itu yang penting. Tetapi di dalam peruntukan-peruntukan yang saya baca, tidak ada satu seksyen pun yang menyebut secara khusus berhubung dengan program ataupun perancangan latihan-latihan yang hendak dirangka ataupun yang hendak dirancangan itu—tidak ada langsung. Apakah corak program, kita tidak tahu. Kita perlu satu program yang komprehensif supaya mereka yang menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini dapat tahu apakah bentuk latihan-latihan yang akan diberi kepada pekerja-pekerja mereka. Sedangkan apa yang ada di sini tidak menyebut dengan jelas, walaupun objektif asalnya adalah untuk pembangunan sumber manusia melalui latihan-latihan teknikal dan kemahiran.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, apa jua program latihan yang akan dirancang atau yang akan dirangka kemudiannya perlu memberi penekanan kepada latihan. Mungkin kemudian bila ada Majlis baru hendak bincang tentang program—kemungkinan. Jadi, kalaulah itu tujuannya, maka saya berharap Majlis akan memberi penekanan yang seluas-luasnya untuk memberi latihan kepada bidang-bidang penting mengikut priority atau keutamaan.

Jika sekiranya kita mahu misalannya bidang pembuatan, iaitu pengilangan, maka kita perlu lihat apakah priority yang perlu diberi kepada industri

pengilangan. Keadaan yang kita lihat, majikan-majikan telahpun menindas dan megeksploitasi pekerja dengan secara seluas-luasnya terutamanya dalam kilang-kilang elektronik. Mereka yang tidak mahir, baru keluar dari sekolah, kebanyakan mereka sekurang-kurangnya lulus Tingkatan Tiga akan diambil bekerja di kilang-kilang termasuk berpuluh-puluh ribu pekerja-pekerja wanita yang tidak ada kemahiran. Apakah kerja mereka di sana? Pasang. Mereka jadi production operators—pasang. Mereka sendiri tidak tahu apa yang mereka pasang. Mereka diarah untuk pasang dan mereka pasang komponen-komponen elektronik dan sebagainya, tetapi mereka tidak tahu, sampai bila pun, setelah kerja 10 atau 20 tahun pun mereka tak akan mendapat kemahiran.

Ini terdapat di rata-rata kilang. Kalau yang bekerja di kilang tekstil ataupun kilang fabrik membuat pakaian, membuat baju, apa kerja mereka? Kalau seorang itu diarah untuk jahit tangan baju, dia jahit "tangan" sahaja, diarah suruh jahit "poket", dia jahit poket dan kalau kolar, kolar sahaja. Kesudahannya tidak ada seorang yang betul-betul boleh buat esok satu baju sepertimana yang dia telahpun pelajari ataupun bekerja di dalam kilang. Ini yang kita ada dan orang-orang ini saya percaya tidak akan berpeluang untuk mengikuti latihan-latihan jika sekiranya ia ditumpu mengikut peruntukan-peruntukan yang telah dicadangkan itu. Kita ingin melihat kalau kita mahu membentuk satu program pembangunan sumber manusia yang begitu baik, yang sempurna, yang berkesan, kita harus menentukan bahawa pada keseluruhannya kita mahu tenaga-tenaga kerja yang mahir dan mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang. Kalau ia hanya untuk menentukan bahawa golongan-golongan tertentu sahaja akan diberi latihan kemahiran teknikal ataupun bidang pengurusan, maka saya rasa tujuan atau objektif Rang Undang-undang ini tidak akan dicapai dengan secara sempurna.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya berharap penekanan diberi secara meluas untuk memberi latihan kemahiran dan teknik kepada semua lapisan pekerja-pekerja bukan sahaja dihadkan kepada golongan-golongan tertentu. Mungkin bidang-bidang lain yang penting seperti bidang industri pengangkutan sama ada perkapalan yang ada disebutkan di sini, industri kenderaan berat atau kenderaan ringan. Ini semua akan memberi peluang kepada rakyat jelata untuk mendapat kemahiran-kemahiran tertentu yang mana pada suatu ketika nanti kalau bercakap ke arah Wawasan 2020. Harapan kita rakyat Malaysia boleh berdikari tanpa bergantung untuk pekerjaan makan gaji sama ada dengan Kerajaan mahupun dengan swasta, masyarakat kita boleh hidup berdikari. Ini tujuan kita dalam berusaha untuk pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya sebelum saya akhiri iaitu berhubung dengan bantuan-bantuan daripada Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia. Kita pun tidak tahu bagaimanakah bentuk bantuan-bantuan yang akan dikeluarkan oleh Kumpulanwang ini. Tetapi saya ingin memberi pendapat bahawa Kumpulanwang ini hendaklah memberi perhatian ataupun memberi pertimbangan untuk memberi geran atau pinjaman kepada institut-institut latihan yang tertentu dan yang terpilih bukanlah ke atas semua, yang mana agak layak patut boleh memberi sumbangan ke arah pembangunan sumber manusia, institut-institut sama ada yang dijalankan oleh Kerajaan mahupun dijalankan oleh pihak swasta. Maka mereka ini perlu diberi bantuan, sama ada geran ataupun pinjaman.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang ini juga perlu menaja ataupun sponsor orang-orang perseorangan lepasan-lepasan sekolah yang ingin mendapat latihan-latihan

kemahiran teknik ataupun pengurusan. Mereka ini boleh dibantu secara memberi biasiswa ataupun memberi pinjaman yang bukanlah hanya terhad kepada peruntukan yang telah disebutkan di sini. Cuma mereka yang menjadi ahli kepada Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia, hanya layak selepas 5 bulan menjadi ahli, layak untuk meminta ataupun untuk memohon bantuan. Ini disebutkan di sini. Seolah-olah yang lain yang tidak ada kaitan dengan Kumpulanwang ini tidak akan dapat apa-apa bantuan ataupun sumbangan.

Dan sebagai menggulung, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan semalam, kita amat mengalu-alukan usaha ke arah pembangunan sumber manusia. Walaupun DAP—kita parti Pembangkang, kita membangkang bukan bermakna kita menolak cadangan yang baik Kerajaan itu. Tetapi kita lihat ada kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dalam membentuk Akta Pembangunan Sumber Manusia ini. Dan kita berharap supaya apabila tergalunya Akta Pembangunan Sumber Manusia ini ia akan memberi erti, memberi makna yang sempurna, yang baik dan yang meluas kepada rakyat Malaysia bukan hanya kepada golongan-golongan tertentu. Saya mengingatkan lagi sekali iaitu golongan-golongan pelabur-pelabur asing. Jangan ingat hendak buat tabung ini hendak membantu pelabur-pelabur asing sebab kita hendak menarik lagi pelabur-pelabur dari luar negeri. Itu sudah menjadi kita seolah-olah terlalu manjakan, selalu bagi muka dan pelbagai insentif kita beri, ini lagi kita hendak beri kepada pelabur-pelabur asing, tetapi tidak langsung hendak mengutamakan pengusaha-pengusaha sederhana dan kecil yang ada di negara ini. Dan inilah saya rasa saya beri penekanan dan kita memandangkan berat jika sekiranya Kerajaan terus dengan cara “total” melaksanakan ini tanpa menimbang balik kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

ahli Lembaga Pengarahkah, Lembaga Penguruskah saya tidak tahulah, dalam syarikat Lebuhraya. Begitu juga bekas pemimpin kesatuan sekerja, bila dia pegang bank, dekat hendak bankrap Bank Buruh, kena masuk jel kerana rasuah. Jadi pemimpin kesatuan sekerja ini bukan baik belaka. Hendak cari "baik" macam Bayan Baru memang susah. (*Ketawa*) Sebab itulah hendak melantik ahli Kesatuan Sekerja kena jaga. Kadang-kadang orang yang duduk dalam Kesatuan Sekerja bila dia jadi majikan, dia lebih bijak menindas sebab dia tahu di mana kelemahan pekerja. Sebab itu, di sini kita hendak cari pemimpin Kesatuan Sekerja yang ikhlas memperjuangkan hak pekerja—ada, tetapi sudah hendak dapat, di antaranya Bayan Baru. Itu boleh beri markah kepadanya, tetapi setakat inilah, masa depan tidak tahu lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita lihat Kesatuan Sekerja ini perlu ada wakil kerana dia tahu penindasan terhadap pekerja ini selalu berlaku. Kerajaan selalunya lebih berpihak kepada Persatuan Majikan. Persatuan Majikan dengan Kerajaan berlawan dengan pekerja. Pekerja ini dia ada satu bahagian. Selalunya dua lawan satu untuk menghadapi pekerja. Kalau ada pula pemimpin Kesatuan Sekerja yang memihak kepada Kerajaan, jadi tiga lawan satu. Sebab itulah selalunya pekerja yang menjadi mangsa dalam pertikaian menuntut hak-hak mereka, kebajikan mereka di dalam kilang-kilang. Walaupun kita tahu Kesatuan Sekerja yang ikhlas terus berjuang menuntut hak-hak mereka dan menilai di atas keikhlasan mereka itu, kita harap MTUC, wakil daripada Kesatuan Sekerja tiap-tiap tahun memilih dua orang untuk duduk di dalam wakil ini, maka mereka pergi di atas mandat pekerja, sudah tentulah mereka dapat memberi pandangan-pandangan dalam Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini, dan dengan itu suara pekerja dapat didengar oleh pihak Kerajaan. Sekian, pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Petaling Jaya.

4.42 ptg.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 ini terlewat dari masa yang sepatutnya. Sebenarnya Kerajaan harus menjelaskan kepada kita mengapa satu Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang begitu penting perlu mengambil masa yang begitu penting sebelum ditunaikan. Sekiranya kita mengingat kembali bahawa jiran kita yang terdekat iaitu Singapura telahpun memperkenalkan Tabung Pembangunan Kemahirannya pada tahun 1979 lagi, maka kita akan faham mengapa pembangunan ekonomi serta keberkesanan industri kita tertinggal begitu jauh di belakang para pesaing kita.

Tuan Yang di-Pertua, sementara negara-negara industri baru (NIC) seperti Korea Selatan, Hong Kong, Singapura serta Taiwan secara purata mempunyai 20 orang pekerja teknikal atau saintifik di setiap 1,000 penduduknya, Malaysia hanya mempunyai 1.5 orang pekerja teknikal atau saintifik di setiap 1,000 orang penduduk negara kita dan lebih kurang pada dekad yang lalu Kerajaan hanya bergantung kepada cara yang regresif untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangannya. Ini bukan sahaja menjejaskan produktiviti tetapi juga mengurangkan kadar kehidupan para pekerja kita. Ini termasuklah pergantungan ke atas buruh luar haram serta kegagalan untuk meningkatkan pelaburan ke dalam teknikal pengeluaran baru. Menyalahkan pekerja-pekerja Malaysia sebagai memegang etika kerja yang lembab melalui polisi

"Pandang Ke Timur", juga adalah salah jangka kerana produktiviti bergantung ke atas mesin yang para pekerja Malaysia menggunakan.

Di dalam negara-negara perindustrian baru seperti Singapura, strategi pembangunan sumber manusia mereka pada lebih satu dekad dahulu adalah disertai dengan operasi pembedahan upah (wage correction) untuk mengubahkan kadar upah yang selama ini sengaja ditekan. Ini merupakan satu persoalan yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan sekiranya ia hendak memperkenankan teknologi baru dan bukannya berterusan untuk sikap mengecam Kesatuan Sekerjanya sahaja. Sebagai permulaan, para pekerja elektronik kita harus dibenarkan untuk membentuk Kesatuan Sekerja Kebangsaan mereka sendiri untuk memperjuangkan upah yang lebih tinggi dan dalam isu ini saya harap Kementerian boleh mengambil satu pendirian yang lebih consistent. Di samping itu, perlu adanya satu polisi yang jelas tentang bagaimana hendak mengatasi masalah pergantungan ke atas eksploitasi sumber-sumber yang exhaustible, dengan izin, seperti petroleum dan balak serta tanaman-tanaman jualan (cash crops). Ini adalah untuk memaksa industri Malaysia mempertingkatkan operasi mereka.

Dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara maju juga mengancam pergantungan kita ke atas industri-industri yang bersifat labour intensif, dengan izin, maka Jawatan-kuasa serta Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang sedemikian seharusnya telah diadakan sekurang-kurangnya 10 tahun yang lepas untuk memberikan kita kuasa bersaing. Tetapi sekiranya kita hendak mendapatkan kumpulan sumber manusia yang mahir, kita juga perlu menjalankan tugas kita dalam memanggil kembali seberapa banyak yang boleh rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negeri. Ini merupakan satu operasi pembaruan

yang perlu di mana kerajaan Korea dan Singapura telah mengamalkannya pada masa-masa yang sesuai semasa memulakan pembangunan negara mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran keluar para cendekiawan teknikal dan saintifik mengurangkan perolehan kita daripada pelaburan di dalam pendidikan dan latihan. Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin meminta Kementerian ini memberikan angka-angka yang sebenarnya jumlah para profesional Malaysia yang telah berhijrah atau tinggal di negara-negara asing sejak tahun 1969.

Di samping memperuntukkan insentif untuk menarik balik rakyat Malaysia dari negara-negara asing, Kerajaan juga harus mengadakan satu soal selidik berkenaan dengan sebab-sebab bagi penghijrahan rakyat Malaysia ke luar negeri dan syarat-syarat untuk menarik minat mereka pulang ke negara ini. Kerajaan harus berdepan dengan soalan ini dengan fikiran yang terbuka dan hati yang rela. Satu tabung harus disediakan untuk menubuhkan satu badan penasihat antarabangsa untuk menggalakkan rakyat Malaysia di seluruh dunia supaya pulang ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal pembangunan sumber manusia di bidang industri kecil dan sederhana, Kerajaan juga perlu mengamalkan sikap yang lebih liberal dan pragmatik. Adalah satu kenyataan bahawa kebanyakan SMI diusahakan oleh kaum Cina. Maka adalah wajar supaya lebih banyak latihan vokasional dan teknikal diadakan dengan menggunakan bahasa Cina untuk mempertingkatkan produktiviti SMI ini. Di dalam bidang ini terdapat sumber manusia yang secukupnya yang dapat dibekalkan oleh Sekolah-sekolah Menengah Tionghua persendirian (Chinese Independent Schools). Maka dengan cara ini Kerajaan juga dapat menyelesaikan tiga masalah secara sekaligus iaitu pembangunan sumber

manusia, pengangguran di kalangan lepasan sekolah-sekolah Tionghua dan memupuk perhubungan kaum yang lebih baik. Keperluan pembangunan ekonomi yang objektif harus diberi keutamaan dan bukan bermain-main dengan politik perkauman sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan satu strategi pembangunan yang sesuai, kita pula perlu mengadakan satu Jawatankuasa Diraja untuk mengkaji keseluruhannya struktur pembangunan sumber manusia di dalam semua sektor dan membuat cadangan berpandukan matlamat-matlamat berkenaan. Kita tidak boleh bergantung ke atas sikap *ad hoc*, dengan izin, yang kekurangan pendekatan koordinasi dan integrasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cukai ke atas pembangunan sumber tenaga manusia yang berkadar 1% yang akan dikenakan ke atas setiap majikan. Saya mempersoalkan keberkesanan kadar yang sebegitu kecil ini. Oleh sebab semasa Tabung Pembangunan Kemahiran (Skill Development Fund) diperkenalkan di Singapura pada tahun 1979, kadar cukai mereka adalah 2% tetapi telah dinaikkan kepada 4% pada tahun berikutnya. Saya percaya kita dapat belajar daripada pengalaman orang lain. Dan di sini saya ingin tahu berapa banyakkah yang Kerajaan jangka akan perolehi daripada cukai ini dalam masa satu tahun. Saya harap saya boleh dapat angka yang diminta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa Tabung Pembangunan Sumber Manusia tidak akan mendatangkan kesan yang significant dalam jangka masa pendek ke atas tahap kemahiran tenaga pekerja, kerana polisi baru ini memang memerlukan masa untuk dilaksanakan dan memerlukan lebih banyak masa lagi untuk mendapatkan sebarang hasil.

Maka pelaburan di dalam modal manusia selalunya memerlukan tempoh perolehan yang panjang dan ia akan mengambil masa bertahun-tahun untuk menampakkan hasil dan mengembalikan kos pelaburan di dalam pelaburan latihan tenaga manusia.

Dan di sini bolehkah kita adakan juga bantuan-bantuan kewangan yang berlainan bentuknya bagi melatih pekerja misalnya skim pinjaman latihan, pinjaman untuk loji dan jentera, skim nasihat pembangunan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terperanjat dengan idea di mana Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia ini hanya terdiri daripada para majikan dan agensi-agensi Kerajaan sahaja. Bagaimana pula dengan wakil-wakil para pekerja? Apa yang telah berlaku kepada semua perkhidmatan mulut Kerajaan terhadap sumbangan para pekerja dan keperluan untuk persetujuan tiga pihak (tripartite). Di dalam negara-negara industri baru seperti Singapura, pembangunan kemahiran mereka sebenar-benarnya diuruskan oleh satu jawatankuasa tiga pihak. Kini sudah sampai masanya bagi Kerajaan melayan kepentingan para pekerja dengan sikap yang serius dan kesatuan-kesatuan sekerja bukan sahaja perlu mempunyai kuasa bersuara di dalam soal mengendalikan industri malah mereka juga perlu diberi galakan dan bimbingan di dalam soal mendirikan pusat latihan untuk membangunkan sumber manusia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Arau.

4.13 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 yang mana tujuan

utamanya ialah untuk menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada hubungan dengan SOCSO yang saya bercakap semalam. Walau bagaimanapun, ini adalah tabung khas yang mana kita akan kutip daripada majikan sebanyak 1% dan wangnya akan digunakan untuk tujuan latihan.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa kita bersyukur apabila rang undang-undang ini diperkenalkan nanti sudah pasti dengan kuasa-kuasa yang ada, kita akan dapat mengenakan 1% daripada pihak majikan. Ini merupakan sumbangan majikan, sumbangan pihak swasta yang paling penting ke arah pembangunan tenaga manusia di negara ini. Saya sedar bahawa 1% ini masih kecil di peringkat awal. Jadi walaupun kecil atau besar, bagi saya tidak penting sebab ini adalah sumbangan majikan. Apakah boleh kita buat sumbangan ini dalam bentuk yang kita buat untuk SOCSO dan juga EPF. Makna kata 1% Kerajaan, 1% majikan. Ini bermakna sekaligus kita akan mendapat 2%. Sebab saya rasa untuk membangunkan tenaga manusia ini, Kerajaan telah campur tangan secara langsung di mana kita ada Ketua Eksekutif dan sebagainya dan akta ini akta yang dibuat di Parlimen, makna kata pegawai-pegawai yang mentadbir adalah pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi, dengan sumbangan 1% ini sekaligus ia merupakan sumbangan Kerajaan ke arah pembangunan ini dan juga sumbangan pihak swasta. Ini lebih adil dan sekaligus sudah pasti Tabung ini akan dapat dikumpulkan dengan begitu banyak dan kita akan dapat, walaupun di sini diberi tempoh 5 bulan, kita akan dapat.

Kalau sekiranya kita lihat macam industri kilang-kilang elektronik yang kita rasa perlukan transfer of technology, dengan izin, dengan cepat maka kita tidak perlu tunggu tempoh 5 bulan. Kita boleh buat serta-merta, sebab ini adalah penting. Seperti kata kawan saya daripada Nilam Puri bahawa kita boleh

“mencuri”, ini orang PAS cakap tadi “boleh mencuri”.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Curi teknologi.

Tuan Shahidan bin Kassim:curi teknologi. Dibenarkan, dihalalkan untuk mencuri teknologi dan teknologi ini kalau kita sudah curi katanya kita mesti beri sumber modal untuk membolehkan pekerja-pekerja yang “mencuri” tadi untuk membuka perusahaannya sendiri.

Jadi penekanan kita yang saya hendak maklumkan di sini bahawa setengah-setengah majikan telahpun membuat latihan-latihan ini untuk kepentingan perusahaan mereka masing-masing kerana mereka perlu melatih terus untuk menjamin supaya keluaran mereka sentiasa berkualiti. Jadi, majikan-majikan telahpun mengadakan latihan-latihan ini. Setengah-setengahnya mungkin dalam masa setahun tidak memerlukan lagi, tetapi setengahnya memerlukan segera. Bagi majikan-majikan yang kedekut itu dia memerlukan segera, jadi kita tidak payah tunggu tempoh-tempoh tertentu sumbangannya tetapi kita boleh adakan terus walaupun dalam masa sebulan dan sebagainya. Kerana kita sedia maklum industri-industri yang penting seperti elektronik seumpamanya yang kita hanya membenarkan kesatuan sekerja di peringkat dalaman dan ini cukup penting kerana kita tidak perlu kesatuan sekerja yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen terutamanya Ahli Parlimen daripada Bayan Baru kerana dia akan buat kacau lebih banyak. Jadi dengan itu kita perlukan bahawa mereka ini diberi latihan segera. Dengan itu “pencurian”—saya ingat tidak tepat Yang Berhormat (*memandang kepada Y.B. Nilam Puri*)—dengan itu “pemindahan” teknologi ini dapat dibuat dengan cepat dan sekaligus kita akan dapat membentuk pekerja-pekerja ini kerana apabila mereka mahir nanti mereka boleh membuka perusahaan sendiri.

Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan sekadar satu pandangan. Sekiranya Kerajaan ingin membawa masuk pekerja-pekerja ke sektor perkilangan di negara ini, bawalah mereka yang mempunyai kemahiran. Kalau mereka tidak mempunyai kemahiran, Ikhtiar negara-negara yang mengeksport pekerja-pekerja itu menganjurkan tindakan dan program latihan untuk pekerja-pekerja yang akan dieksport ke negara kita. Oleh kerana, kalau tidak, kita terpaksa membeban kos faktor kepada orang-orang yang akan dibawa masuk yang akan menerima benefit, upah dan bayaran daripada negara kita yang akan rip-off kemewahan kita di mana fenomena kekurangan tenaga kerja ini memang amat jelas sekali sekarang ini.

Jadi, persoalan ini saya minta pihak Kementerian, kalau hendak bawa pekerja ke sektor kilang, bawa yang mahir. Kalau tidak ada kemahiran, minta negara punca, negara asal melatih mereka, baru biarkan dan izinkan orang-orang itu bekerja di kilang-kilang kita. Kalau tidak, kita terpaksa terlibat dengan kos faktor untuk menampung orang-orang ini.

Yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai anak-anak kita sendiri yang kurang kemahiran. Di Batu Pahat telah terbina dan telahpun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini sebuah kilang yang namanya agak sedang menjulang, tetapi bagaimanakah kedudukan struktur organisasi kakitangan di dalam kilang itu? Saya pernah didatangi oleh beberapa wakil dari kilang berkenaan yang meminta saya supaya menyuarakan kepada pihak-pihak yang lebih tinggi, khususnya kepada Kementerian yang terlibat hari ini. Tolonglah cuba lihat-lihat, buatlah 'surprise check' ke kilang itu, lihat bagaimana struktur kakitangannya. Adakah memenuhi syarat-syarat sebuah kilang yang mempunyai tax holiday?

Benarkah local content kakitangan 40% itu dipenuhi? Bagaimanakah kedudukan kakitangan personnel bumiputera di peringkat pengurusan? Bagaimanakah penindasan gaji kepada anak-anak, wanita-wanita yang sekadar dibayar \$230 sebulan? Bagaimanakah kebajikan mereka? Adakah orang-orang yang di dalam kilang itu sekiranya ingin menyuarakan sesuatu menerusi pertubuhan dalaman itu tidak ditindas dan sebagainya? Saya tidak mahu menyebut nama kilang itu.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Parit Sulong tidak seharusnya takut hendak sebut nama kilang berkenaan di Batu Pahat. Saya mintalah biarlah nama itu disebut secara jelas supaya Timbalan Menteri Sumber Manusia dengar dan tahu dan tindakan susulan akan diambil.

Yang kedua, saya ingin tahu kalau masalah ini begitu besar di kilang yang telah dinyatakan tadi, apakah tindakan Kerajaan negeri Johor sendiri sebab kilang ini di negeri Johor dan Kerajaan negeri Johor berkuasa untuk membetulkan kalau sekiranya ada kepincangan dalam apa jua bentuk yang telah dijanjikan mengikut kemudahan, insentif, yang telah diberi kepada kilang itu?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih "Juara Pekerja". Saya sebenarnya tidak payah sebut. Sudah tahu. Kilang yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada awal bulan lalu—kilang pengeluaran bahan-bahan elektronik, radio dan televisyen.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak payahlah kacau!

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, adakah kilang itu bernama Sharp-Roxy? Terang-terang cakap, adakah kilang itu bernama Sharp-Roxy di Batu Pahat saya hendak tahu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saudara tidak payah menjerit dan meninggikan suara. Ini hak saya bercakap. Saya tidak beri hak kepada saudara untuk mengganggu saya lagi! Okay? Terima kasih.

Ya, kilang itu bernama Sharp-Roxy. Jadi, saya mengharapkan pihak Kementerian di samping mencari measures ataupun langkah-langkah mengatasi keadaan yang sedang wujud sama ada benar atau tidak benarnya, biarlah pihak yang berkuasa menentukannya. Yang saya harapkan, kalaulah skim latihan ataupun program latihan yang akan dijalankan menerusi Akta Pembangunan Sumber Manusia ini besok dilaksanakan, target sasaran yang akan dilatih dan diberi latihan harus merangkumi seluruh struktur kaki-tangan, khususnya anak-anak yang hari ini hanya layak menjadi operator, menjadi orang yang macam disebutkan oleh saudara saya dari Bayan Baru tadi, kalau dia guna tangan kanan, tangan kanan itulah yang exercise sepanjang hari, sepanjang jam, sepanjang bulan. Mereka ini harus diberi peluang to upgrade their skill, untuk meninggikan pendapatan mereka supaya mereka tidak menjadi satu golongan tenaga kerja yang mati dalam hakiki employmentnya, tidak mempunyai ruang untuk meningkatkan pendapatannya. Orang-orang ini harus diberi sasaran yang paling utama di samping meningkatkan pengurusan-

pengurusan dan masalah transfer of technology oleh kerana golongan inilah yang jumlahnya terlalu besar. Golongan inilah yang ketaatsetiaannya kepada Kerajaan agak meragukan oleh kerana keadaan yang wujud di dalam kilang, bukan oleh kerana opinion yang diwujudkan oleh kerana Kerajaan tidak memberi pembelaan. Orang-orang ini harus dijadikan sasaran paling utama di dalam skim ini—ini harapan saya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga, saya mengucapkan syabas dan saya menyokong Akta ini dan diharapkan suara-suara yang di-datangkan dari rakyat ini akan mendapat pandangan dan pembelaan. Jangan hanya disimpan dalam longgokan *Hansard-hansard* sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri.

4.30 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia ini mempunyai dua tujuan utama, iaitu yang pertama Kumpulan Wang dan yang kedua menubuhkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Tujuan seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri iaitu yang pertama untuk melahirkan dan melaksanakan proses pemindahan teknologi dan yang kedua untuk melahirkan budaya latihan supaya melahirkan pekerja mahir dan yang ketiga pengharapan daripada Timbalan Menteri supaya swasta mempelopori untuk melahirkan pemindahan teknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pemindahan teknologi ini saya sendiri yang berpengalaman bekerja di kilang. Kilang-kilang yang bertaraf heavy industries, misalnya, kilang ICI, CCM, Goodyear, Dunlop ataupun kilang tepung (flour mill) di Seberang Perai.

Kilang-kilang besar seperti ini memang, kalau tidak wujud Akta ini pun, mereka telah ada peruntukan untuk memindahkan teknologi ataupun transfer technology mereka kepada pekerja kerana kilang-kilang besar seperti ini kalau mereka hendak pindah adalah susah. Satu heavy industry tidak boleh berpindah hari ini di Malaysia, esok di Sri Lanka, lusa di Afghanistan, dia tidak boleh. Sebab itu dia kena bertapak lama. Bila dia hendak bertapak lama maka dia ada sendiri research, tempat kajiannya, seperti syarikat ICI menghantar pekerja-pekerjanya untuk berkursus sampai ke London untuk faedah kilang mereka bertapak lama di negara ini. Begitu juga dengan kilang Lever Brothers dan sebagainya. Begitu juga kita lihat soal perladangan. Ladang-ladang susah mereka hendak bawa lari, mahu tidak mahu teknologi itu mereka terpaksa transfer sehingga dalam soal teknologi getah sekarang ini Malaysia sudah boleh berdikari. Walaupun pada asalnya ianya dipelopori oleh orang Eropah, tetapi sekarang ini kita guarantee kalau orang Eropah semua laripun, Malaysia sudah boleh berdikari dalam teknologi getah, kerana mahu tidak mahu mereka kena transfer teknologi getah itu kepada rakyat tempatan sebab hendak bawa lari ladang tidak boleh.

Tetapi yang menjadi masalah kepada kita ialah kilang-kilang yang mudah dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat. Kilang ini modalnya sedikit, untungnya besar dan teknologinya tidak ditransfer dan tidak dipindahkan ke negara ini.

Kita lihat sekarang ini perusahaan yang menguntungkan, membuat barang-barang permainan kanak-kanak, misalnya, transformer, kalau kita lihat di airport, di kawasan bebas cukai, harganya \$100 hingga \$200. Kilang-kilang membuat barang-barang ini yang dianjurkan oleh Mattel misalnya di Seberang Perai sudah bertahun-tahun, tetapi kita lihat teknologi untuk membuat

barang-barang mainan kanak-kanak ini tidak dipindah kepada orang-orang tempatan.

Di Hong Kong, di Korea dan di mana-mana negeri yang maju ini, kilang membuat barang mainan kanak-kanak ini tidak di tapak-tapak industri tetapi hanya di belakang rumah yang dipanggil "home industry" ataupun "cottage industry", tetapi di sini dia dijadikan kilang yang besar dan teknologinya tidak ditransfer, tidak dipindahkan kepada penduduk tempatan. Ini menyebabkan pekerja-pekerja kilang membuat permainan kanak-kanak kalau dalam satu robot itu kerjanya pasang tangan, dia pasang tangan selama 4 tahun, dia tidak tahupun bagaimana hendak membuat permainan kanak-kanak yang lengkap.

Oleh itu Kerajaan dalam membuat Rang Undang-undang yang begitu baik ini mesti tekankan supaya kilang-kilang itu menggalakkan kursus di peringkat supervisor dan mereka hendaklah berkursus supaya kalau membuat satu benda itu mereka tahu teknologi bagaimana hendak membuatnya daripada "A" sampai "Z". Jarang di peringkat supervisor ini dianjurkan atau dibawa oleh kilang-kilang itu untuk berkursus, sebab mereka ini amat kedekut teknologi, terutama sekali dalam barang-barang permainan dan barang-barang elektronik. Tanyalah pekerja elektronik yang telah bekerja 10 tahun, yang dia tahu ambil skru masuk lubang, ambil skru masuk lubang, 10 tahun (*Ketawa*)—makna kata satu tempat itu sahaja dia bekerja. Dia tidak tahu complete dia tidak tahu untuk membuat lengkap satu bahan komponen (*Ketawa*) (*Disampuk*). Ini payah, kita maksud lain, orang maksud lain.

Jadi kita harap perkara ini difikir secara serius dan dalam kita memperkenalkan Akta ini kita tekankan supaya kilang-kilang ini memindahkan teknologi. Kita tidak mahu pada tahun

2020 nanti Malaysia bukan lagi jadi pengeluar komponen elektronik dan yang dikeluarkan di sini, di Taiwan dan di Jepun, dicampurkan dan akhirnya jadi satu bahagian yang dijual di Amerika dengan harga yang begitu murah, sedangkan bahan-bahan komponen itu satu dibuat di Petaling Jaya, satu dibuat di Johor Bharu, satu dibuat di Bayan Lepas. Yang di Johor Bharu tidak tahu apa yang Bayan Lepas buat, yang di Bayan Lepas dia tidak tahu apa yang Kota Bharu buat, akhirnya kita ini menjadi hamba buruh sampai bila-bila. Kita tahu memang Kementerian telah ambil perkara ini serius sebab itu diperkenalkan Akta ini, tetapi kita peringatkan lagi supaya ambil lebih serius perkara-perkara seperti ini.

Kemudian kilang-kilang besar yang teknologinya terpaksa mereka transfer kepada pekerja-pekerja seperti Lever Brothers, CCM, Goodyear, PERWAJA. Kerajaan juga melalui sumber Kumpulan Wang ini sampai satu ketika nanti jikalau pekerja kilang ini mampu mendirikan kilang sendiri, kita harap tabung ini dapat membantu mereka serta badan-badan yang lain termasuk pinjaman-pinjaman yang boleh dibuat daripada MARA, UDA dan sebagainya. Misalnya sekarang ini seorang pekerja di Lever Brothers dia sudah tahu bagaimana buat sabun daripada mula sampai akhir, tetapi dia mengadu kepada Kementerian, dia kata "Saya boleh buat kilang ini, saya tahu drawing dia, saya tahu semua, tetapi masalahnya modal, saya perlu 2 juta atau 3 juta ringgit". Saya harap Kumpulan Wang ini juga dapat membantu pekerja yang telah berjaya "mencuri" teknologi, dapat mengambil teknologi itu dan kalau mereka hendak berdikari, Kumpulan Wang ini bersedia untuk membantunya.

Seterusnya, dalam Majlis Pembangunan Sumber Manusia di antaranya ialah untuk menilai jenis latihan, cara-cara hendak memajukan, syarat-syarat hendak gunakan Kumpulan Wang, jadual dan syarat pengeluaran kepada

kilang, maka akan dilantik 14 orang ahli Majlis—8 Kerajaan, 4 majikan dan 2 akan dilantik. Dua ini saya harap pihak Kerajaan dapat melantik di kalangan kesatuan sekerja sebab kesatuan sekerja ini lebih mengetahui kehendak pekerja, denyutan nadi pekerja. Ahli politik bukan tidak boleh, boleh duduk dalam ini, tetapi dalam masalah pekerja, kebanyakan ahli-ahli politik, terutama Ahli-ahli Parlimen di sini—Yang Berhormat dari Arau beri tahu kelmarin-kebanyakannya adalah majikan, taukeh-taukeh. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Saya ingat saya menyokong cadangan Yang Berhormat. Jadi apakah sekaligus Ahli Parlimen dari Bayan Baru yang menjadi orang kuat kesatuan sekerja itu secara pagi-pagi lagi kita tolak terus nama dia?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dia sebagai Ahli politik, tetapi kita minta kesatuan sekerja akan memilih nanti, biar kesatuan sekerja memilih siapa yang mereka hendak hantar. Kalau kebetulan dua orang itu salah seorangnya ialah wakil daripada Bayan Baru, itu nasiblah, tetapi pihak kesatuan sekerja yang akan memilih dua orang sebagai wakil ini. Kerajaan jangan melantik daripada kesatuan sekerja, dia kena kesatuan sekerja yang pilih, kerana kalau lantik sudah tentu ada favouritism, dia akan lantik daripada kesatuan sekerja yang "yesmen". Pemimpin kesatuan sekerja ini bukan baik sangat, ada yang teruk. (*Tepuk*) Pemimpin kesatuan sekerja kadang-kadangnya mereka jadi champion masa menjadi ketua kesatuan sekerja. Bila mereka menjadi taukeh, wakil mereka menjadi lebih kapitalis lagi pun ada. Misalnya, bekas Presiden CUEPACS yang dulu, bukan yang ini—yang ini baik, ini Bayan Baru (*Ketawa*) (*Tepuk*)—sekarang dia dilantik menjadi

Berhubung dengan pandangan sahabat—Pembangkang pun sahabat juga. Pembangkang, pembangkang tetapi sahabat, sahabat. Ada Pembangkang tadi mengatakan mengapa terlalu lambat dan sebagainya, saya ingat ini masa yang paling tepat. Timbalan Menteri ini cukup cerdik, dia pandai. Ini masa yang paling sesuai Yang Berhormat. Dari segi logik kalau kita buat 1979 sama dengan Singapura, tidak ada orang datang ke sini. Dia kata buat apa pergi ke Malaysia? Kena lagi 1%. Mungkin kena lagi 2%. Tetapi sekarang masa “boom period” yang mereka terpaksa berada di Malaysia, mereka sudah ada di sini, mereka tidak boleh cangkul balik kilang-kilang mereka bawa pergi ke tempat lain, mereka terpaksa beri. Ini masa yang paling sesuai. Sebab Kerajaan Barisan Nasional cerdik, dia buat masa sekarang. Tepat sekali. Jangan tunggu 1979. Jangan ikut Pembangkang. Dia kira ini tidak tepat dan sebagainya. Kalau kita buat pada tahun 1979 dia memang hendak bagi negara jiran yang dia sebutkan tadi membangun supaya Malaysia tidak membangun. Dengan itu dia boleh menguasai Malaysia kononnya.

Jadi, sebenarnya tepat pada masanya Tabung ini ataupun Majlis ini diperkenalkan. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan yang mempunyai “kepala otak” yang bagus untuk memikirkan masalah sumber atau tenaga manusia di masa akan datang.

Ini berhubung dengan keanggotaan Majlis di bawah Fasal 15 tadi. Saya bersetuju dengan 8 dengan 4 tadi, sebab perkataan 8 majikan dan juga 4 sektor awam di pihak Kerajaan itu saya ingat saya bersetuju. Tetapi, apakah boleh dimasukkan juga wakil pekerja, bukan kesatuan sekerja. (*Tepuk*) Bukan. Kesatuan Sekerja kalau mengikut Nilam Puri tadi bukan semuanya betul, termasuk Bayan Baru yang banyak terlibat dalam kempen-kempen merosakkan nama Malaysia. Ya, dia tepuk tangan, makna dia bersetuju.

Maka dia yang terlibat secara langsung dalam kempen untuk memburuk-burukkan negara Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order. Tuduhan yang begitu berterus terang. Direct kepada saya. 36(6), Saya minta dia tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya serius, minta dia tarik balik, tuduhan yang direct tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya serius.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat kena buktikan tuduhan saya benar ataupun tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Dia kata saya kempen buruk-burukkan Malaysia.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Itu tuduhan yang direct.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat terlibat secara langsung ataupun tidak langsung.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau duduk sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dari Bayan Baru.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim:terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menyokong mereka yang memburuk-burukkan nama Malaysia sehingga beberapa kemudahan yang diberikan oleh negara-negara luar kepada Malaysia terpaksa ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak payahlah tuduh-menuduh. Yang Berhormat, tidak payah tuduh-menuduh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak tuduh, saya mengatakan itu tadi, saya tidak tarik balik. Sangkaan saya ikhlas.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, itu satu tuduhan yang direct, tadi dia kata saya terlibat dalam kempen memburukkan Malaysia di luar negara. Itu satu tuduhan yang direct. Saya minta sahabat tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, sahabat, duduk. Saya hendak quote sebab Yang Berhormat dengan Nilam Puri (PAS)—sahabat, sebab Yang Berhormat setuju dengan hukum hudud. Ahli dari Ipoh setuju hukum hudud dibuat hanya kepada orang Islam sahaja dan orang bukan Islam—dia tidak setuju, tetapi dia setuju hukum hudud. Itu yang penting. Kalau DAP memerintah, hudud untuk Islam dia setuju, nampak? Jadi, Yang Berhormat kedua-dua orang ini kawan baik. Dia menuduh tadi bahawa Kesatuan Sekerja.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Ahmad bin Nor: Minta dia tarik perkataan yang unparliamentary. Itu saya minta dia tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa dia yang unparliamentary? Apa unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta duduk, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa unparliamentary?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya dengar tuduhan direct apa yang dia kata tadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahmad Nor? Apa yang unparliamentary? Apa dia?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak terlibat sebagaimana yang dituduh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkataan telah ditarik balik, Yang Berhormat Arau, sila teruskan kepada tajuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak tarik Tuan Yang di-Pertua, hendak tarik buat apa, saya kata, Yang Berhormat, Kesatuan-kesatuan Sekerja tertentu sebab Yang Berhormat Nilam Puri mengatakan bukan semua Kesatuan Sekerja bagus, bukan semua pemimpin bagus, sebab pemimpin kadang-kadang, oleh kerana dia tahu tentang percaturan Persatuan Sekerja.....

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia menuduh saya dengan perkataan direct.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia yang kata tadi, saya tidak tahu, Yang Berhormat kata kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini kawan saya, ini kawan saya, dua-dua kawan saya.

Tuan Ahmad bin Nor: Semua orang ada dengar, bukan saya seorang, jangan cakap putar belit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Jangan beri saya marah! Saya betul-betul marah. Awak ingat ini orang kampungkah—tidak tahu marah.

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem, no problem, no problem.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Awak jangan main-main. Jangan bagi saya marah, ada had, ada had saya kata. Sekarang apa awak hendak buat pun saya sedia. Saya ada had.

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem, no problem, no problem.

Tuan Ahmad bin Nor: Jangan tunggu aku marah.

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem, no problem.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bertenang, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tunggu aku di luar nanti.

Tuan Shahidan bin Kassim: My pleasure. No problem.

Tuan Ahmad bin Nor: My pleasure apa? Tunggu, apa yang hendak jadi selepas ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem. My pleasure.

Tuan Ahmad bin Nor: Kurang ajar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu tarik balik. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu memang unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahmad Nor! Hang tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahmad Nor! Hang tarik balik yang itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta tolong sambung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahmad Nor! Tarik balik yang unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tarik balik yang awak punya tadi. Jangan suruh saya tarik balik, bukan susah hendak tarik. Tetapi itu satu tuduhan, melempar satu tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab, menuduh saya kempen memburukkan Malaysia di luar negara. Kalau tidak ada bukti jangan buat tuduhan liar. Ada faham tak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah, sudah, cukup.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Menumbuk meja*)

Tuan Shahidan bin Kassim: My pleasure. Tidak payah tumbuk meja.

Tuan Ahmad bin Nor: Jangan cuba-cuba hendak jadi hero.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dua-dua duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Arau.

Tuan Ahmad bin Nor: Hendak tumbuk hang pun boleh sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau berani, hang mai sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hang mai sini! Sekejap lagi aku tunggu di luar.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tunggu di luar sat lagi, tetapi ini cerita lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apa, tidak payah tumbuk meja buat sakit tangan, tumbuk muka ini, kalau anak jantan. Kena buku dengan ruas, baru

tahu. No. problem, Tuan Yang di-Pertua, no problem.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem, kalau Ahmad Nor, ini dia kena.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Ahmad bin Nor: Cari lagi 10 Arau, saya tidak lari, ceh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berdua bertenang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, perkataan 'ceh' itu diminta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dua-dua sudah draw, satu sama satu. (*Ketawa*) Jadi, saya minta Arau teruskan ucapan. Cukuplah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak, ini kurang ajar, 'ceh'—saya bukan anjing. Babi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sama-sama sudah buat tuduhan, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Kurang ajar! Barua! (*Ketawa*)—dia panggil saya babi! Barua! Ceh!

Tuan Shahidan bin Kassim: Babi!

Tuan Ahmad bin Nor: Ceh! Babi! Celaka!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kedua-dua Yang Berhormat, kalau tidak

ada yang hendak diam, satu orang akan kena keluar. Yang Berhormat, saya minta teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia ganggu saya, saya bercakap. Dia cakap saya tidak ganggu. Ada Kesatuan-kesatuan Sekerja—apakah mungkin termasuk Yang Berhormat yang terlibat untuk memburuk-burukkan Malaysia dalam negeri—tidak tarik balik. Dia hendak buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tunggu di luar kejap lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Bila-bila masa!

Tuan Shahidan bin Kassim: No problem, habis bercakap, tunggu tang tu!

Tuan Ahmad bin Nor: Sekarang boleh?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekarang tidak boleh, sebab tengah bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab hang bodoh. Bodoh!

Tuan Ahmad bin Nor: Keluarlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Si bodoh ini—Tuan Yang di-Pertua, sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi, bukan semua Kesatuan Sekerja yang boleh dianggap sebagai mereka yang betul-betul

memperjuangkan Kesatuan Sekerja. Dia pun kata tadi. Saya sokong. Saya tidak pernah sokong orang PAS, hari ini saya sokong. Pertama, sebab dia sahabat saya; kedua, kenyataan daripada Pembangkang yang saya sokong, bukan semua Kesatuan Sekerja dan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang baik. Walaupun dia puji Bayan Baru, saya tidak puji Bayan Baru. Dengan bahasa yang tidak senonoh itu! Yang saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, perkataan lapan dengan empat. Empat adalah untuk wakil-wakil daripada agensi Kerajaan dan lapan adalah daripada majikan. Jadi, apakah mungkin kita melibatkan wakil-wakil pekerja. Wakil pekerja bukan Kesatuan Pekerja. Mungkin bukan Kesatuan Sekerja, terutama yang membuat honarpinar dan sebagainya. Itu saya setuju. Apakah mungkin dua wakil, sebab ini akan melibatkan pekerja yang kita akan beri latihan, bukan untuk mereka masuk untuk buat kacau dan sebagainya, mereka masuk untuk memberi khidmat nasihat dan sumbangan supaya Majlis ini menjadi lebih bermakna lagi.

Kalau sekiranya kita ambil Kesatuan Sekerja, terutamanya dari pemimpin-pemimpin yang bercakap celupar dan sebagainya, maka majlis ini akan rosak, terutama orang yang bercakap tadi—tidak tahu siapa dia—yang bercakap celupar tadi, kalau masuk dalam majlis ini, rosak majlis. Majikan tengok pun dia hendak termuntah, meluat. Kalau saya jadi majikan duduk dalam itu, saya tengok, dengan bahasa yang dipakai itu, meluat. Lepas itu hendak tumbuk pula—tidak ukur badan sendiri. Hendak tumbuk pilih yang sama padanlah, takkan hendak tumbuk dengan saya, tengoklah badan. Bagi sekalipun jatuh!

Hendak cakap dengan semangat, boleh. Ahmad Nor itu cakap betul, tetapi mari cuba di luar, tengok yang sama-sama paras, dengan Yang Berhormat Zihin—tidak apa, not with me, man! (*Ketawa*). Tetapi, walau bagaimanapun.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan, sebab nama saya disebut tadi, saya bila orang bertumbuk saya tidak berapa attentive, saya hendak biar mereka bertumbuk. Minta penjelasan, apa fasal sebut nama saya tadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, saya sebut nama Yang Berhormat tadi, sebab Yang Berhormat sama tinggi dengan dia, ingat eloklah. Tetapi dengan saya susah, sebab saya bekas komando. Jadi susah sedikit. Saya ini memang dilatih untuk ke arah itu. Jadi, kalau hendak cabar saya, hendak cabar sebab marah dalam Parlimen, okay, tetapi, kalau saya take it seriously, sampai keluar, saya juga bantai, saya tidak peduli. Tetapi saya mengingatkan bahawa saya pemimpin yang besar di Parlimen yang mulia ini, buat apa saya hendak menggila dengan dia. Tetapi kalau dia terlampau ajak sangat—kita resign, kita berhenti dan keluar daripada menjadi M.P. sekejap, kita potong gaji kita sekejap, dua hari, kita lawan Ahmad Nor—itu boleh! Tetapi sebagai wakil rakyat hendak jadi orang gila macam kamu, minta maaf.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Larut, ya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan menumbuk Ahli dari Bayan Baru itu sahaja kita boleh menyelesaikan masalah? Pada hal mereka di sana ada 24 orang. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Zihin! Dalam Parlimen ini, kita hendak buat apapun kepada mereka pun boleh! Mereka boleh bersuara, mereka boleh menyatakan kita samseng, mereka boleh mengatakan apa-apa. Tetapi kalau kita hendak buat, mereka tidak boleh buat apa-apa. Mereka manusia dengan dua biji tangan, kita manusia dengan dua biji tangan. Kita ramai, daripada Prime Minister sampai ke setengah blok ini—out kita bagi. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan. Cukuplah dengan cerita bertumbuk ya? Kalau suka bertumbuk, masuk boxing.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidaklah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi, sebab di dalam Parlimen ini bila orang tanya kita kena jawab. Sebab kita orang cerdik-cerdik belaka. Ini fasal pelaburan Yang Berhormat. Semalam saya cakap fasal SOCSO, fasal Jawatankuasa pelaburan. SOCSO sekarang, saya dimaklumkan ada tiga bilion reserve dan 15% daripada itu dibenarkan untuk melabur di sektor swasta ataupun di kaunter-kaunter swasta dan yang balance itu adalah untuk membeli saham-saham dan juga Government Bond dan lain-lain lagi.

Jawatankuasa Pelaburan ini, sebab dalam Akta ini tidak menyebut bahawa 15% sahaja boleh dilaburkan di kaunter-kaunter swasta, oleh kerana tidak disebut di sini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah boleh satu peraturan yang boleh menjamin bahawa wang ini dapat dijamin, kita takut kalau kita pergi kepada 100% ke pelaburan swasta, dia berlaku masalah permainan saham yang ada sekarang.

Apakah boleh kita nyatakan, mungkin saya tidak terbaca di mana-mana, tetapi saya telah cuba tengok di sini, tidak nampak, mungkin apakah boleh kita letakkan 50%. Kalau SOCSO kita kenakan 15%, kalau yang ini kita

kenakan 50%, sebab ini berdasarkan cadangan saya supaya Kerajaan memberi 1% swasta, majikan memberi 1%. Jadi, kita ada 2%, mana tahu wang ini cukup banyak, saya tidak tahu berapa. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, berapa dijangkakan kita akan dapat mengutip kalau sekiranya 1/3 daripada workforce yang register dengan SOCSO sekarang yang saya percaya akan memberi dalam angka yang sama, yang akan contribute 1% levi ini untuk Tabung Sumber Manusia.

Jadi, daripada situ, satu dengan satu, saya percaya dengan sekaligus kita mempunyai wang yang begitu banyak dan pelaburan untuk memastikan supaya terjaminnya wang yang ada ini supaya 50% sahaja yang dibenarkan untuk tujuan pelaburan secara terbuka, 50% lagi adalah dalam saham-saham terjamin yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

Kesatuan Sekerja, perkara ini dia tidak sebut, dia tidak mahu fikir hal ini langsung, dia kira fikir, dia ingat, kalau sekiranya wang itu ada di sana, mesti kita boleh laburkan dan sebagainya. Saya tengok Bayan Baru bercakap tadi, tidak sebut perkara ini. Saya berhak menyebut Bayan Baru, bukan saya sebut nama dia. Dia hendak marah, dia marahlah. I am waiting now, lima minit lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan saya berharap supaya dengan adanya Tabung ini, kita dapat dengan lebih agresif lagi memberi latihan kepada pekerja-pekerja kita dan sekaligus kita dapat memikirkan soal transfer of technology.

Saya tidak bersetuju dengan sahabat saya supaya wang ini dijadikan tabung pinjaman, itu memang salah. Tidak bertepatan sekali, sebab Akta ini, dengan sekali gus, ia menyebut berkenaan latihan. Tabung banyak, kita boleh pinjam dari Bank Pertanian, kita boleh pinjam dari MARA dan lain-lain lagi, tetapi kita pastikan supaya orang-orang

ini diberi keutamaan dan keistimewaan kepada mereka yang telah terlatih, ini bagus, Kerajaan memikirkan mereka yang terlatih supaya mereka ini dapat diberi keutamaan dalam pinjaman dan sebagainya.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak baca peruntukan, yang disebut pinjaman ini adalah peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, jangan disebut tidak bersetuju, bukan saya cakap. Saya cakap berdasarkan kepada peruntukan yang ada di dalam ini, yang menyebut tentang pinjaman kepada ahli yang menjadi ahli Kumpulanwang. Ini ada di dalam ini. Sila baca sebelum buat tuduhan. Tidak faham!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya rasa dia ini mimpi, Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap Nilam Puri, dia yang berasa. Saya cakap kepada Nilam Puri, saya bukan bercakap di atas tajuk kamu, kamu mimpilah Ahmad Nor, kamu tidak betul. Dia terima, kamu tidak faham betul, minta maaf. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, sahabat saya ini kadang-kadang dia melalut-lalut sedikit. Saya cakap berkenaan Nilam Puri tadi. Dia kata, boleh dibuat pinjaman untuk membuat kilang-kilang baru dan sebagainya bagi mereka yang telah terlatih. Saya kata, mereka ini harus diberi keutamaan untuk mendapat pinjaman-pinjaman daripada institusi kewangan yang ada sekarang. Kalau tidak, kalau wang ini digunakan untuk buat pinjaman hendak melabur, Yang Berhormat Ahmad Nor, dia pun jadi institusi kewangan. Tidak betul, orang tidak hendak buat kerja macam itu.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia sebut nama saya. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak payah sebut nama.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia hendak saya sebut nama-nama yang tadikah? Bayan budiman, tetapi budiman tidak budiman, jumpa di luar sekejap lagi, saya 'ragas' muka dia, saya tidak peduli, sebab dia cabar saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, tetapi saya hendak minta supaya keutamaan diberikan kepada mereka yang terlibat dengan transfer of technology tadi di mana-mana institusi kewangan yang dikenalpasti oleh Majlis ini. Majlis ini akan melabur di mana-mana katanya, seperti di Bank Pertanian atau Bank Pembangunan, pastikan Bank Pembangunan ini memberi keutamaan kepada orang-orang yang telah terlatih ini. Ini satu Tabung yang terbaik di Malaysia, yang pernah dibuat untuk pekerja-pekerja, yang tidak pernah difikirkan oleh Kesatuan Sekerja, cuma pihak Kerajaan. Dan saya menyokong serta mengucap tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Klang.

5.15 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992, seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia dengan maksud melatih pekerja-pekerja dengan penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan Kumpulan Wang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, pembentangan Rang

Undang-undang ini bermaksud Kerajaan akan melepaskan tanggungjawab untuk menyediakan latihan iktisad kepada para pekerja dan terpulanglah kepada para majikan mengambil daya usaha ini. Ini menunjukkan ketidakmampuan Kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya untuk menyediakan peluang latihan kepada para pekerja negara tatkala Kerajaan sedang rancak menggalakkan pembangunan industri di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah mengenakan levi ke atas setiap majikan pada kadar 1% daripada upah pekerja pada mana-mana bulan seperti peruntukan dalam Fasal 3(1) bagi membiayai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia menurut Fasal 9, haruslah dipastikan bahawa levi ini hendaklah ditanggung oleh majikan sendiri dan tidak dipotong dari upah pekerja. Menurut Fasal 1, bagi menjelaskan Fasal 1(2), golongan majikan yang akan tertakluk kepada Rang Undang-undang ini ialah majikan yang mempunyai 50 orang atau lebih pekerja. Ini bererti, syarikat yang kurang 50 pekerja tidak berpeluang menikmati kemudahan latihan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya jumlah had pekerja ini dikurangkan menjadi 15 orang pekerja supaya lebih ramai pekerja akan berpeluang menjalani latihan kemahiran. Di samping itu, industri yang diliputi hendaklah memasukkan perdagangan jual runcit atau jual borong ke dalam senarai jenis industri yang layak mendapat kemudahan ini. Saya mendapati perkara ini tidak diliputi dalam Jadual I ruangan industri.

Tuan Yang di-Pertua, manakala Fasal 5 pula, ada menyebutkan bahawa Menteri boleh mengecualikan mana-mana majikan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya daripada pembayaran

levi dalam apa-apa hal dan saya tidak nampak sebab-sebab mengapa peruntukan Fasal ini diadakan, melainkan apa yang saya faham bahawa setengah-setengah syarikat akan menikmati kemudahan pengecualian pembayaran levi tetapi berpeluang mendapat kemudahan latihan bagi para pekerja. Saya ingin bertanya apakah merit atau kelayakan bagi syarikat-syarikat yang diberikan pengecualian pembayaran levi. Apakah ianya adil bagi syarikat yang terpaksa membayar levi sebelum ia mendapat kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keanggotaan Majlis Pembangunan Sumber Manusia haruslah dipastikan bahawa wakil-wakil majikan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 15(1) yang terdiri daripada 8 orang dipilih dari setiap kategori industri dan bukan diblok oleh golongan korporat tertentu sahaja. Mereka hendaklah terdiri dari golongan yang jujur, yang meletakkan kepentingan Majlis di hadapan sekali dari kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan perlantikan ejen pelaksanaan di bawah Fasal 23(1) dan akan menjalankan kutipan levi ataupun diamanahkan dengan sejumlah wang bagi tujuan menjalankan tugas-tugas Majlis. Ini merupakan satu peluang pekerjaan baru dan di dalam Rang Undang-undang tidak dinyatakan kelayakan mereka yang bakal dilantik menjadi ejen. Saya percaya, beberapa syarat tertentu akan dikenakan ke atas mereka dan dilantik sebagai ejen pelaksanaan. Dan kita haruslah menggalakkan golongan ejen yang beroperasi sebagai, dengan izin, fly-by-night operator.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ejen-ejen pelaksanaan ini dilantik daripada syarikat-syarikat akauntan bertaualiah, syarikat-syarikat setiausaha ataupun ejen-ejen pekerjaan ataupun satu ejen yang berasingan?

Tuan Yang di-Pertua, pada saya yang penting ejen ini mestilah mempunyai kejujuran dan keamanahan. Dalam soal bab latihan pula, bagaimanakah para pekerja ini sama ada baru bertugas atau sudah lama bekerja akan menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih wajar jika mereka ini dapat ditempatkan latihan dalam sebuah maktab institusi latihan yang serba lengkap, mutu latihannya dianggap tertinggi ataupun mereka disandarkan kepada institusi pendidikan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.21 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 dan sekaligus ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia. Pertama, kerana ini suatu Rang Undang-undang yang baru. Kedua, ia memperlihatkan kesungguhan dan kemajuan usaha-usaha Kementerian Sumber Manusia dalam memenuhi peranannya untuk melatih pekerja-pekerja selaras dengan rancangan ke arah negara kita untuk mencapai negara maju, terutamanya hasrat Wawasan 2020.

Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, semasa Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia ini dibahas, banyak perkara turut dikaitkan bersama, termasuk masalah kesatuan sekerja yang sudah banyak kali dibahas dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun begitu, saya rasa senang hati kerana walaupun Dewan kita ini perbahasannya masih agak panas, tetapi

sekurang-kurangnya kita yakin mulai daripada sekarang Dewan tidak akan lagi tertangguh sehingga sampai kepada waktu yang telah ditetapkan.

Kita sedia berbahas dalam apa jua bentuk, tetapi sebagai anggota Dewan dan sebagai orang-orang yang berpendidikan dan bertanggungjawab, sememangnya kita suka sekali berbahas di atas asas keilmuan, di atas asas kebijaksanaan kita sebagai orang-orang yang bertanggungjawab daripada kita menggunakan Dewan ini tempat bertengkar yang menimbulkan huru-hara sehingga Dewan itu ditangguhkan. Kita sekali-kali cuba mengelakkan perkara ini daripada berlaku, tetapi jika timbul reaksi-reaksi yang agak panas, tindak balas dari segi provokasi, maka sudah barang tentu itu terbit daripada niat yang baik untuk menentukan Dewan yang mulia ini berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Rang Undang-undang ini, sebagai suatu Rang Undang-undang baru, kita yakin dengan apa yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia di mana usaha-usaha hendak dibuat terutamanya bagi tujuan untuk memungut levi bagi tujuan pembangunan sumber manusia untuk maksud latihan pekerja-pekerja, untuk menubuh Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan Kumpulan Wang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sudah barang tentu sebagai Rang Undang-undang baru, saya percaya tentulah masih ada lagi ruang yang perlu dan boleh ditambah di sana-sini sebagaimana yang diutarakan oleh Ahli-ahli Dewan yang bercakap sebelum saya. Tetapi bagi saya sekurang-kurangnya sebagai Rang Undang-undang yang baru, sudah barang tentu kita boleh memberi kesempatan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menentukan kesungguhan dan kemampuan yang telah mereka kemukakan ini untuk melatih pekerja-pekerja dengan lebih teratur lagi dan dengan lebih bertanggungjawab.

Dalam soal ini, jika mana-mana pihak menimbulkan keraguan, lebih-lebih lagi seperti biasa kalau dalam DAP, tokoh kesatuan sekerja ialah Ahli dari Bayan Baru. Beliau kalau tak bercakap mengenai dengan kesatuan sekerja, maka beliau tidak dikenali sebagai tokoh pekerja-pekerja, dia kena bercakap, kerana hidupnya pun di atas nama kesatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan dan saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, cuma untuk mengulangi dan bertanya kepada Kementerian, sebab sebelum ini saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan tidak diberi jawapan. Saya sudah pernah mencadangkan mengenai masalah kesatuan sekerja ini yang berlarutan timbul daripada masa ke semasa dan yang terakhir sekali mengenai masalah peranan mereka untuk mengeluarkan wakil Malaysia dalam ILO dan seumpamanya. Saya ingin mencadangkan sekali lagi supaya dilihat semula peranan kesatuan sekerja seumpama ini. Antara lain, saya pernah cadangkan supaya diadakan peraturan baru. Kalau perlu meminda Akta, dipinda Akta supaya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak lagi memeras tenaga-tenaga pekerja-pekerja yang kononnya mereka wakili. Semua pihak tahu, tetapi mungkin banyak yang tak tahu. Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja menerima gaji yang cukup lumayan, ada yang menerima \$4,000, \$5,000, sampai \$7,000 sebulan kalau dikira sama termasuk elaun tuntutan, lawatan ke luar negeri dan sebagainya. Hasilnya daripada mana? Daripada yang telah disumbangkan oleh pekerja-pekerja. Malah, gaji mereka jauh lebih besar daripada gaji seorang Ketua Pengarah dalam Jabatan Kerajaan. Kesempatan mereka melancong ke luar negeri lebih banyak daripada kakitangan kanan Kerajaan, malah di kalangan pemimpin-pemimpin negara. Berconference di sana, berseminar di sini, berforum di sana, berforum di sini, hasil daripada

mana? Hasil daripada yuran keahlian para pekerja. Untuk hendak justify bahawa mereka ini berjuang untuk kepentingan kesatuan sekerja dan mengekalkan kedudukan dan kepentingan mereka, maka tidak ada lain daripada mencari isu-isu yang dikira boleh menjadi kontroversial, boleh mendapat perhatian pihak media massa umpamanya sebagai suatu escapism untuk menunjukkan kepada ahli. Nah! inilah perjuangan mereka untuk kepentingan pekerja.

Cuba kita test sekali, at least once, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita pinda peraturan ini, kita tidak izinkan mana-mana pemimpin kesatuan sekerja menerima elaun lebih daripada \$500 sebulan, bekerja sebagai sukarela. Kita tengok dalam banyak pertubuhan badan sukarela orang bekerja tanpa gaji dan saya anggap kesatuan sekerja pun satu badan sukarela. Kita kenakan, okay, elaun \$500 sebulan. Saya hendak tengok sejauh mana mereka ini gigih berjuang untuk kepentingan pekerja, to what extent, sejauh mana? Ataupun sekadar ada kemudahan kewangan yang banyak melalui kesatuan sekerja, maka tidak ada lain, merancang menerima jemputan untuk persidangan-persidangan antarabangsa yang tak lain daripada untuk champion beberapa isu yang tidak ada kaitan dengan kepentingan pekerja, dan pekerja-pekerja harus tahu. Kalau mereka sanggup juga, baru kita boleh tawar bahawa mereka ini benar-benar jujur ataupun ikhlas. Kalau tidak, tak lebih daripada itu. Sebab kita lihat dalam Dewan yang mulia ini, cadangan-cadangan ataupun kritikan-kritikan yang diberi. Saya pernah mengatakan sekurang-kurangnya kalau perkara-perkara itu jelas memberi kebaikan kepada semua pihak, kita patut memberi sokongan yang bulat supaya memberi perangsang kepada pemimpin-pemimpin ataupun Kerajaan supaya lebih gigih dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab mereka, bukan sekadar semata-mata mengkritik. Jadi dia rasa kalau dia tak kritik, tak sah

bahawa dia ini seorang tokoh pekerja; tak sah kalau tak kritik sebagai seorang tokoh Pembangkang. Tidak semestinya begitu.....

Tuan Ahmad bin Nor: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Adakah bahawa Yang Berhormat Pasir Mas faham tentang peranan Pembangkang? Kalau kita bersetuju pun adalah menjadi hak kita untuk menegur dan untuk mengkritik. Kalau kita hendak jadi 'yesmen' bercakap macam Menteri pula, bagi pihak Menteri, apakah itu yang Pembangkang hendak lakukan di sini semacam mana Yang Berhormat dari Pasir Mas? Kita jangan jadi hipokrit dalam soal ini. Kita kena bercakap apakah peranan yang patut dan perlu kita main. Walaupun pada dasarnya kita sokong Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia, ini tidak semestinya semuanya kita mesti sokong secara total, sepertimana yang disebutkan tadi. Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya boleh beri penjelasan, saya tak marah. Waktu saya tak marah, saya tak marah. Saya lebih muda daripada Yang Berhormat dan saya tidak akan tunjukkan emosi. Tetapi saya boleh tunjuk emosi bila sampai kepada darjat yang perlu saya rasa saya perlu tunjuk emosi saya. (*Ketawa*) Tetapi sebagai seorang Ahli Parlimen seperti dari Bayan Baru, bekas pemimpin kesatuan sekerja, dahulu Presiden CUEPACS yang dihormati, bila tanya soalan saya tadi pun sudah menunjukkan your level is much lower than me, dengan izin. Sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat, apa yang dikatakan hipokrit? Apakah saya tak faham peranan Pembangkang? Saya faham apa yang dikatakan hipokrit. Hipokrit dalam soal saya pernah

mengkritik Kerajaan, tetapi sekarang saya menyokong. Boleh check rekod dalam *Hansard*. Sama ada kita dalam UMNO atau luar UMNO, mana yang betul, kita bercakap betul. Sebab itu dalam UMNO pun saya kena ISA, bukan semestinya dalam Pembangkang.

Ini pengalaman. Tidak semestinya kita duduk dalam parti UMNO kita boleh buat suka hati dalam parti Kerajaan. Undang-undang tetap undang-undang. Tanggungjawab tetap tanggungjawab. Yang Berhormat kata saya tidak faham apa yang dimaksudkan soal hipokrit ataupun soal yang ditanya kepada saya tadi. Dari segi soal parti, Yang Berhormat pernah masuk berapa parti sebelum masuk DAP? Berapa parti Yang Berhormat masuk? Dan kalau DAP tak kesihan belas, tak mungkin dapat jadi calon di Bayan Baru!

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Yang tanya saya berapa parti, hendak kena jawablah itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat cuma boleh minta penjelasan sahaja.

Tuan Ahmad bin Nor: Sekarang ini tak boleh jawab balik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sekarang ini bukan sesi soal jawab.

Tuan Ahmad bin Nor: Nasib baik saya tak boleh jawab balik, kalau tidak mampus! Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: You see, malu betullah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya. Betul, Tuan Yang di-Pertua, kalau sayalah, I feel very shameful. Come on man, merendah-rendahkan martabat diri sendiri. For God's sake, malu! Salah seorang Melayu dalam DAP pun Bayan Barulah. Tak usahlah ikut macam perangai yang lain-lain.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sudah, tengok, bangun balik.

Tuan Ahmad bin Nor: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan benar-benar cara ikhlaslah, mengapa Yang Berhormat dari Pasir Mas orang beri gelaran 'katak'? Tolong beri penjelasan. Saya kadang-kadang kurang faham apa itu orang dok panggil Yang Berhormat Pasir Mas 'katak', 'katak', 'katak'! Tolong beri penjelasan!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dia 'katak', 'katak' ini, saya beritahu terang-terang sebab saya tukar parti, maka saya diberi gelaran 'katak'. Betul, apa yang saya hendak malu? (*Ketawa*) Saya gentleman, tetapi Yang Berhormat bapa katak! (*Ketawa*) Do you know the chief of katak is Yang Berhormat? (*Ketawa*) (*Disampuk*) Dahulu parti apa? Dahulu parti apa sebelum masuk DAP?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah, jangan soal jawab di sini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi saya hendak beritahu dia, bapa katak ialah Bayan Baru!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bapakah, anakkah, saya rasa tidak kena dengan Yang Berhormat!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ha, kalau tidak bapa, tok katak! (*Ketawa*) Tok katak ada tak dalam dictionary?

Seorang Ahli: Ada!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu tok katak! Itu dia. Dia soal kita bercakap soal prinsip ini, pada saya Tuan Yang di-Pertua, bukan soal kita pindah parti ataupun tidak pindah parti—sama ada rekod dari segi diri kita, pernah tak kita check tengok kita terlibat dengan soal rasuah. Kita menjadi pemimpin, pernahkah kita dapat habuan projek, pernahkah dapat kawasan kayu balak?

Prinsip dari segi moral dan akhlak untuk kepentingan rakyat itu jelas, bukan mencari kepentingan diri. Di mana duduk pun kita tak kesah. Saya dalam UMNO pun saya lawan nanti kalau tak betul! Bukan soal oh, kita duduk dalam satu parti kita tak berpindah parti, kita orang berprinsip. Kalau sudah tak betul, parti tak betul, otak dia punya prinsip! Itu yang dikatakan prinsip. Tahu apa dia prinsip? Consistent, concerned dengan penderitaan rakyat, nasib rakyat, sanggup berkorban, sanggup maruah diri terhumban ke bumi demi hendak membela rakyat. Itu yang dikatakan prinsip. Kalau sekadar hendak bercakap, wah, aku hero dalam Pembangkang walaupun tak boleh tolong rakyat, asalkan diri sendiri, maruah diri sahaja terbela, itu yang dikatakan kepentingan peribadi, itu yang dikatakan bapa katak! Guilty conscious.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu dia saya hendak beritahu. Itu kuliah Ph.D, Tuan Yang di-Pertua. Lecture Ph.D ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sini bukan tempatnya hendak buat kuliah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ah tidak, saya jawab dia tadi, saya sudah minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada Rang Undang-undang ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, tak usahlah! Tak usahlah, saya tak kisah hendak sebut katak pun sebutlah, tak menjadi soal bagi saya.

Seorang Ahli DAP: Dia lompat sana!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cuma saya tidak hendak jadi barua macam DAP. Barua, pak turut, hipokrit, tak ada tanggungjawab. Yang DAP kalau wakil-wakil kaum tionghua, tidak ada kerja lain, kalau bercakap—cakap satu perkara. Saya tak hendak sebut, sensitif nanti. Saya tak hendak melibatkan soal Akta Hasutan. Ada Melayu dalam DAP seorang yang kita harap, pun lebih DAP daripada DAP. Saya tahu saya Melayu, saya tahu saya Islam dan saya tahu kesempurnaan Islam saya sebab sekurang-kurangnya saya bersunat dan Ahli Bayan Baru pun bersunat juga kot! Kalau kita tahu kita sama bersunat, kita tahu sedikit tanggungjawab kita kepada bangsa dan negara! (*Tepuk*) Jangan jadi alat. Dan alat dalam DAP, kalau Melayu jadi alat dalam DAP, itu bapa katak! Tolong sedar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah. Saya rasa isu katak ini sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu memang cukup sudah. Saya pun hendak berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada Rang Undang-undang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mengenai Rang Undang-undang inilah, Rang Undang-undang Pembangunan dan Sumber Manusia hendak bentuk manusia supaya berakal, supaya terlatih,

supaya bertanggungjawab yang Kementerian Sumber Manusia hendak buat ini. Jadi, ada setengah-setengah itu berani komen dekat belakang sahaja, berdepan dia tak mahu. Sebab itulah saya kata, kalau berani, biar tunjuk berani betul-betul, jangan berani main-main! Dalam Dewan tunjuk berani, dekat belakang boleh komen. Ada setengah masuk ISA menangis. Saya malas ulang sahaja. Saya tahu sebab itu kita tak main-main, saya malas bercakap. Sebab itu saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua, beri pandangan yang ikhlas dan saya jarang sangat ganggu orang bercakap di Dewan yang mulia ini kecuali kalau saya rasa perlu untuk saya dapat penjelasan.

Itu sahaja, saya tak pernah ganggu, tetapi ada orang mudah sensitif, hendak tunjuk hero. Kalau hendak tunjuk berani, tunjuk berani betul-betul! Kita berjuang, berjuanglah, masuk ISA masuklah! Jangan pula masuk ISA, ah, kenapa kena tangkap? Kenapa tak lepas? Jadi, masuk, masuklah, terima sahajalah, saya tak ada pernah komplek. Saya tidak tahu nasib masa hadapan apa hendak jadi. Mungkin ISA kali ketiga, belum kita tahu. Ini saya hendak beritahu tolong faham. Sebab itu jangan cabar dan jangan buat provokasi yang tidak tentu arah, buruk padahnya! Saya ulang, jangan buat provokasi yang tidak tentu arah, buruk padahnya. Ini anak warisan sejarah yang telah kenal segala pedih maung dari segi perjuangan. Kalau tak pernah merasa pintu penjara, jangan bercakap. Jangan bercakap sebab kalau bercakap, kalau tunjuk provokasi, sila tanggung badan apa hendak jadi nanti. Saya hendak beritahu awal-awal supaya sedia tanggung akibat dan risiko kalau berlaku apa-apa.

Tuan Lim Guan Eng: Samseng itu!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang samseng Kota Melaka. Barua, Kota Melaka!

Seorang Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya dok bercakap, dia komen!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hah, keluarlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Unparliamentary. Boleh minta Yang Berhormat Pasir Mas tarik balik perkataan yang unparliamentary?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa cukuplah. Kedua-dua pun saya telah dengar kata-kata yang telah dilemparkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak tarik balik sebab dia komen dahulu semasa duduk tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Apakah perkataan yang telah saya lemparkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Boleh minta, dia boleh rujuk *Hansard*. Boleh minta Yang Berhormat Pasir Mas tarik balik perkataan yang unparliamentary?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dia sebut saya samseng tadi. Saya sedang bercakap, kalau dia hendak kata dekat saya, lepas ini dia bercakap, katalah,

saya tak ganggu! Saya dok bercakap dia ganggu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, perkataan yang tak senonoh....

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan, peraturan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan yang tak senonoh itu saya rasa kedua-dua pihak jangan melempar di antara satu sama lain!

Tuan Lim Guan Eng: Dia kata barua dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh minta tarik balik? Adakah perkataan ini unparliamentary?

Seorang Ahli: Dia berucap macam katak!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tak tarik balik sebab dia sebut saya samseng tadi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya katakan tadi, kalau perkataan tidak senonoh itu ditegah langsung, jadi kedua-dua pihak saya rasa kena mendisiplinkan diri.

Tuan Lim Guan Eng: Kita boleh check *Hansard* sama ada siapa yang sebutkan perkataan tidak senonoh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masa duduk tadi kamu bercakap, jangan hendak elak!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya dengar, saya tengok dia bercakap. Saya dengar dia bercakap!

Tuan Lim Guan Eng: Ada dua perkataan—barua, lagi apa? Ada banyak perkataan yang biadab, yang lucah. Banyak perkataan yang lucah!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tengoklah, perkataan barua unparliamentary atau tidak. Perkataan barua is parliamentary. Cuba check, tengok!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa sebelum ini pun ada juga kata-kata yang tidak senonoh yang disebut-sebut. Ini bukan budaya yang patut kita ikuti dalam Dewan ini. Yang Berhormat Pasir Mas, teruskan dan....

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah buat keputusan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang baru. Nanti dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, nanti dahulu Yang Berhormat, sabar. Kota Melaka, point of order yang baru.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order. Saya rasa....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Unparliamentary!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebutkan!

Tuan Lim Guan Eng: Un-parliamentary!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Saya meminta..... (*Disampuk*) boleh duduk tak?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Kalau unparliamentary saya faham.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bolehkah dia duduk? Duduk, duduk! Point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas, sabar, duduk sebentar ya. Duduk sebentar. Dan saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Kota Melaka itu cukup jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum bangkit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah bangkit Yang Berhormat, unparliamentary itu.

Tuan Lim Guan Eng: Belum bangkit. Belum sebut perkataan unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tadi Yang Berhormat telah sebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan melenting sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum sebut lagi!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mestilah melenting! (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, sabar ya. Yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkataan unparliamentary, ada satu senarai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cakap yang ke berapa? Kalau hendak bangkit perkataan....

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan unparliamentary not under Standing Order?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Unparliamentary cukup jelas. Jadi saya rasa.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tahu sama ada perkataan "barua" atau perkataan satu lagi, what word did he use? Banyak perkataan lucu, saya pun lupa, sudah biasa!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Adakah perkataan ini unparliamentary? Saya minta satu ruling.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hoi, cukuplah! (*Sambil menghempaskan meja*) Engkau menghabiskan masa aku ini!

Tuan Lim Guan Eng: Tengok, tengok telatah ini!

Seorang Ahli: Jangan lompat ke sini ya. Jangan lompat ke sini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, sabar!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hoi bodoh! Kalau tak lompat di sini, di luar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya faham itu ya.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah perkataan ini parliamentary? Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua buat satu keputusan. Adakah perkataan ini parliamentary?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cukup ya.

Tuan Lim Guan Eng: Parliamentary tak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Perkataan-perkataan yang tidak senonoh seperti apa yang disebutkan tadi oleh kedua-dua pihak sama ada yang berucap ataupun yang duduk di sini walaupun tidak berdiri saya dengar juga. Tetapi saya rasa tak eloklah perkara sedemikian itu berterusan. Perkataan-perkataan tadi itu, saya rasa kedua-dua pihak janganlah gunakannya dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah perkataan itu parliamentary atau tidak? (*Diganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah kata tak senonoh dan melanggar Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak parliamentary. Oleh kerana tidak parliamentary, perkataan itu mesti ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa kedua-dua pihak (*Diganggu*) termasuk juga Yang Berhormat yang duduk situ saya pun dengar juga.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itu tidak adil!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak adil!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Seorang Ahli DAP: Tarik balik!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah cakap, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung balik apa yang saya cakap tadi mengenai dengan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia. (*Diganggu*) Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang saya bercakap ini.

Tuan Lim Guan Eng: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Seperti....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah kekalkan keputusan saya dan saya rasa mulai sekarang ini perkataan yang sama janganlah digunakan lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya tidak mahu perkataan.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan guna perkataan-perkataan yang tidak patut kalau dia tidak guna dahulu. Dia sudah gunakan. (*Diganggu*) Duduklah! Kamu gunakan. (*Disampuk*) Kamu telah sebut "samseng" dan bermacam-macam..... (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat sendiri..... (*Disampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk! Keputusan telahpun dibuat.

Tuan Lim Guan Eng: Keputusan mesti adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Adil, tak adil itu bukan tertakluk kepada interpretasi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sama ada perkataan ini..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas, teruskan. Saya sudah cakap tadi, cukup jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak adil kurang waras.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tengok, tengok! Itu kurang ajar. Itu yang saya katakan "Cina biadab" ini. (*Diganggu*)

Tuan Lim Guan Eng: Tengok! Tengok!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tengok, dia provoke dulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Eh! Muka Melayu ini tak akan biarkan Cina.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat ghairah sangat, kedua-dua pihak ghairah sangat dan tengkar tidak tentu fasal, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berucap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini waktu saya bercakap.

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, Yang Berhormat dari Seremban. (*Diganggu*).

Tuan Lim Guan Eng: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang keberapa lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 36(10). Tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas menaikkan perasaan bersakit-sakit hati di antara satu kaum dengan lain. Dan saya harap bila beliau menyebut "Cina biadab", ini sebagai satu perkataan yang hina kepada masyarakat Cina secara umum. Saya meminta Yang Berhormat dari Pasir Mas menarik balik perkataan "Cina biadab". Saya..... (*Diganggu*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tuju kepada Yang Berhormat.....
(*Diganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu! Keputusan akan dibuat. Duduk, ya? Yang Berhormat, cukuplah. Jangan ikut perasaan dan saya rasa apa yang.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ikut Tuan Yang di-Pertua ini. (*Diganggu*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duduk dulu. Saya hendak cakap ini. Duduk dulu! Tengok! Saya hendak cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya yang cakap....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak beritahu bahawa saya tarik balik apa yang saya kata tadi. Saya tidak bermaksud kepada orang-orang Cina. Saya telah kata kepada Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik. On a point of order.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Janganlah cuba politicise.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa yang tadi itu kena ditarik balik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tarik balik. Saya tarik balik. Sebagai gentleman, saya tarik balik itu. Kamu tarik balik! Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duduk. Tengok!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang berapa? Ada berapa lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa lagi? Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: “Cina biadab”, satu; yang kedua, perkataan “barua”—sama ada kedua-dua perkataan itu parliamentary.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu perkataan yang saya sudah tarik balik. Itu saya sudah tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak bincangkan di sini ialah decorum of the House. Biasanya Tuan Yang di-Pertua menegaskan bahawa kita mesti mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau kita hendak mengikut Peraturan Mesyuarat, ia mesti dilaksanakan dengan adil. Kita tidak mahu ‘double standard’ dan kami di sini bukan hendak menghuru-hara tetapi hanya meminta bahawa Peraturan Mesyuarat dilaksanakan dengan adil, dan ini sahaja permintaan saya. Di sini saya hendak bertanya sama ada perkataan “barua” yang dilemparkan tadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada itu parliamentary atau tidak? Kalau tidak parliamentary, ia harus ditarik balik. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata saya ada lemparkan perkataan yang tidak unparliamentary, Tuan Yang di-Pertua boleh sebutnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya semak senarai itu sekarang ini sama ada perkataan itu parliamentary atau tidak. Kalau unparliamentary, saya tarik balik. Boleh check. Tidak ada masalah. Saya terima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk dulu. Duduk, duduk. Saya akan membuat keputusan. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari

Kota Melaka dan ini menunjukkan kesedaran dan keinsafan beliau. (*Tepuk*) Dan saya pun haraplah mulai hari ini apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tadi akan dapat dipatuhi dan bukan sahaja oleh Ahli-ahli yang lain, termasuk juga beliau sendiri, (*Disampuk*) dan saya memutuskan bahawa perkataan-perkataan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, kalau tidak silap saya, dalam sesi yang lepas pun pernah juga digunakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka terhadap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi ini tidak menghalalkan bahawa perkataan yang semacam itu boleh digunakan. Saya berharaplah Yang Berhormat tarik balik perkataan yang tidak senonoh itu dan teruskan dengan perbahasaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya secara gentleman dan bertanggungjawab, kalau ada perkataan-perkataan yang tidak sedap didengar, bukan kepada DAP, saya minta maaf, dengan penuh hormat kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Itu saya cakap terang, terang. Kepada semua bangsa, kita mewakili orang Melayu, Cina, India dan lain-lain dalam negara kita semua sekali. Kita bertanggungjawab. Tetapi kalau timbulnya suasana seumpama itu kerana provokasi yang tidak tahan kita dengar. Kalau semua bertanggungjawab, saya jamin, insya Allah, saya tahu sebagai orang Islam kita lebih bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kaum. Tetapi kalau ada provokasi demi provokasi seolah-olah kita sahaja yang tidak betul, kita sahaja mengeluarkan perkataan-perkataan yang kesat dan seumpamanya, mana hendak tahan?

Kalau semua perkara ini sudah jamin tidak akan berlaku lagi tetapi tengok sama ada kita ini bersikap macam mana? Bertanggungjawab atau tidak? Saya beri jaminan kita akan bercakap, kita akan berhujah atas asas keilmuan kita. (*Diganggu*) Ah! Tengok! Tengok itu!

Tuan Lim Guan Eng: Tengok!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak apalah. Yang Berhormat, teruskan dengan perbahasaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak beri ulasan ini supaya sekurang-kurangnya dimasukkan *Hansard* nanti untuk rekod kerana perkara ini bangkit tadi. Saya tidak hendak disalahgunakan nanti. Rakan-rakan kita, jangan salah faham. Sebab itu kita tidak mahu provokasi demi provokasi yang uncalled for.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa beliau harus rujuk kepada.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak rujuk ini. Ini peluang saya cakap, ikut sayalah.

Tuan Lim Guan Eng: On a point of order.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order, apa hendak lagi?. Tengok dia ganggu. Dia bercakap pun macam-macam lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Ini hendak saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar. Yang Berhormat, cukup jelas, saya faham.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak payah jelaskan. Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas, balik kepada tajuk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Kita harap selepas ini semua akan bertanggungjawab. Itulah kita

harap semua sekali. Kita akan semua bertanggungjawab dan bercakap dengan cukup teratur dan teliti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia ini, kita harap dapat meningkatkan bukan sahaja tenaga-tenaga pekerja kita perlu dalam mengorak langkah ke arah negara kita menuju ke Wawasan 2020 tetapi kepentingan pekerja yang harus dan wajar diberi pembelaan yang lebih baik daripada apa ada sekarang. Jadi, itu sahajalah sebagai konklusinya dan saya cukup yakin dan kita harap Dewan kita ini akan berjalan dengan lebih baik dan dengan lebih teratur selepas ini, insya Allah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta menjawab.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Santubong, Parit Sulong, Nilam Puri, Petaling Jaya, Arau, Klang dan Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah dijelaskan dalam ucapan saya kelmarin semasa membentangkan Rang Undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, saya akan memberi penjelasan yang lebih berkhusus tentang beberapa perkara yang dibangkitkan itu.

Mengenai Kerajaan tidak menganggap pembangunan sumber manusia sebagai satu perkara yang penting dan oleh itu lambat mengemukakan Skim

Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia, saya ingin menjawab bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sekali. Selama ini Kerajaan memang mengambil berat ke atas pembangunan sumber manusia dan telah membelanjakan peruntukan yang besar bagi tujuan tersebut.

Kerajaan juga akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada pembangunan sumber manusia dalam memperuntukkan perbelanjaan di bawah program sektor awam. Seperti yang telah dijelaskan kelmarin beban utama di dalam pembangunan sumber manusia selama ini dipikul oleh sektor awam. Oleh itu, sudah sampai masanya bagi satu skim diwujudkan bagi membolehkan sektor swasta memikul tanggungjawab ini bersama-sama dengan Kerajaan. Oleh itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak menganggap pembangunan sumber manusia sebagai satu perkara yang penting adalah tidak benar sama sekali dan perlu disangkal dengan sekuat-kuatnya.

Mengenai Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat besar sahaja dan tidak mengambilkira kepentingan syarikat-syarikat kecil seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Santubong, dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah juga tidak benar. Walaupun Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia di peringkat permulaan ini hanya akan meliputi pengurusan perniagaan yang mempunyai 50 pekerja dan ke atas iaitu pengurusan perniagaan besar dan sederhana, skim potongan dua kali di mana syarikat-syarikat boleh menikmati faedah-faedah potongan cukai dua kali atas perbelanjaan program latihan yang dijalankan masih dikekalkan bagi pengurusan-pengurusan perniagaan kecil iaitu mempunyai kurang daripada 50 pekerja. Pengecualian di peringkat permulaan ini adalah semata-mata

untuk menjaga kepentingan perusahaan-perusahaan kecil serta tidak membebankan mereka. Ini adalah memandangkan buat masa ini perusahaan-perusahaan perniagaan kecil didapati kurang keupayaan dan kemahiran untuk merancang keperluan latihan pekerja-pekerja mereka secara sistematik dan jika diliputi bersama dengan perusahaan perniagaan besar dan sederhana, adalah dikhuatiri kepentingan mereka akan terjejas.

Oleh itu, buat masa ini adalah lebih berfaedah bagi mereka menikmati skim potongan dua kali bagi latihan yang diluluskan di mana mereka tidak membuat apa-apa sumbangan. Walaupun mereka diliputi oleh Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini akan tetapi segala khidmat yang akan diberikan oleh Majlis nanti seperti khidmat juruperunding dalam merancang program-program latihan akan diberikan kepada mereka secara percuma. Apabila mereka mempunyai keupayaan yang demikian, pertimbangan yang sewajarnya bolehlah diberikan supaya diliputi oleh Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak mementingkan kepentingan perusahaan-perusahaan kecil adalah tidak benar sama sekali.

Mengenai panel pelaburan yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Santubong, Bayan Baru dan Arau, tujuan dan aktiviti utama Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia sepertimana yang telah dijelaskan di dalam ucapan saya ialah mempertingkatkan lagi usaha-usaha pembangunan sumber manusia. Pelaburan hanya akan dibuat apabila tujuan berkenaan tercapai dan terdapat wang lebihan. Oleh itu peruntukan dalam Akta berkenaan hanya merupakan satu enabling clause sahaja, dengan izin.

Mengenai pengecualian sepenuhnya atau sebahagian bayaran levi dalam

keadaan-keadaan tertentu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, Klang dan Santubong, saya suka menegaskan bahawa peruntukan ini dalam undang-undang berkenaan adalah satu daripada enabling clause sahaja, dengan izin. Sekiranya terdapat keadaan-keadaan tertentu di mana seorang majikan tidak mampu membuat bayaran levi bagi sesuatu tempoh maka pengecualian boleh ditimbang oleh Menteri Sumber Manusia berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan. Sekiranya pengecualian tersebut diberikan ianya akan tertakluk kepada beberapa syarat yang akan ditetapkan dalam perintah yang akan disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Mengenai keahlian Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Parit Sulong, Nilam Puri, Petaling Jaya dan Arau, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 memang menetapkan anggota-anggota Majlis terdiri dari lapan orang wakil majikan, empat orang wakil agensi-agensi Kerajaan dan dua orang yang boleh memberi sumbangan kepada pekerjaan Majlis. Perwakilan majoriti diberi kepada pihak majikan memandangkan Kumpulan Wang terdiri dari sumbangan dari syarikat-syarikat sektor swasta untuk keperluan latihan sektor berkenaan. Perwakilan dari pihak kesatuan sekerja boleh dipertimbangkan jika terdapat calon-calon yang mempunyai kepakaran tertentu yang dapat memberi sumbangan kepada pekerjaan Majlis kerana Seksyen 15(3) Rang Undang-undang berkenaan memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia melantik dua orang ahli selain daripada wakil majikan dan agensi Kerajaan.

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Petaling Jaya bangun.

Dato' M. Mahalingam: Tidak ada masa, kita sudah bincang.

Dr Kua Kia Soong: Kita ada banyak masa.....

Dato' M. Mahalingam: Tidak ada masa, saya tidak mahu beri jalan.

Dr Kua Kia Soong: Ada tiga hari lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Dato' M. Mahalingam: Menjawab Yang Berhormat dari Parit Sulong, Klang dan Bayan Baru, peranan ejen-ejen pelaksanaan. Ejen-ejen pelaksanaan dilantik bagi menjalankan kewajiban-kewajiban Majlis di mana perlu. Ini dibenarkan untuk memenuhi permintaan swasta supaya pihak diberi peranan utama dalam mengendalikan Kumpulan Wang. Cadangan asas sektor swasta adalah supaya Kumpulan Wang ini diuruskan oleh sebuah Syarikat Berhad Menurut Jamin, Company Limited By Guarantee, dengan izin. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan kelewatan di dalam mana-mana urusan Majlis yang berpunca dari kerana pentadbiran. Setelah diberi pertimbangan yang sewajarnya adalah didapati organisasi berbentuk sedemikian mungkin menghadapi kesulitan dari segi kuasa undang-undang untuk mengenakan levi ke atas perusahaan perniagaan di sektor swasta. Soal-soal akauntabiliti serta pengawasan oleh pihak Kerajaan mungkin juga menjadi problematic. Sebagai satu kompromi, Majlis yang berbentuk sebuah pertubuhan perbadanan diberi kuasa untuk melantik ejen pelaksanaan untuk menjalankan fungsi Majlis yang difikirkan wajar. Dengan adanya peruntukan ini, sektor swasta boleh menubuhkan satu syarikat bercorak non-profit, dengan izin, yang akan dilantik oleh Majlis sebagai ejen pelaksanaan dan syarikat berkenaan

akan diberi tugas memproses dan meluluskan permohonan-permohonan dari perusahaan perniagaan untuk membiayai latihan. Sebagai sebuah badan swasta, ejen pelaksanaan bebas melantik dan menamatkan perkhidmatan pegawai dan kakitangannya sendiri dan oleh yang demikian dapat beroperasi dengan cara yang lebih cepat dan fleksibel. Walau bagaimanapun, semua perkara dasar akan ditentukan oleh Majlis.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai program latihan, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992 menetapkan supaya Majlis Pembangunan Sumber Manusia berfungsi untuk menilai dan menentukan jenis-jenis dan takat latihan dan latihan semula pekerja-pekerja yang akan dibiayai oleh Kumpulan Wang berkenaan. Walau bagaimanapun, ianya hendaklah memenuhi keperluan pasaran buruh dan perubahan teknologi serta hasrat pencapaian strategi perindustrian berasaskan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, tumpuan bolehlah diberi kepada latihan seperti berikut:

- (i) latihan untuk pekerjaan-pekerjaan yang mengalami kekurangan di dalam pasaran buruh misalnya penjaga jentera elektrik, dengan izin, charge-men dan operator mesin yang berkemahiran tinggi.
- (ii) latihan dalam bidang-bidang kemahiran baru mengikut tahap perkembangan teknologi di sesebuah firma misalnya metronics and micro-electronics, dengan izin.
- (iii) latihan semula untuk meningkatkan kemahiran pekerja sesuai dengan peningkatan teknologi yang dilaksanakan dalam proses pengeluaran.
- (iv) latihan untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Sementara itu bidang-bidang kemahiran berikut boleh juga dipertimbangkan oleh Majlis iaitu:

- (i) kemahiran yang berkaitan dengan komputer, dengan izin, computer related skill;
- (ii) kemahiran ketukangan (craft skill);
- (iii) kemahiran teknikal (technical skill);
- (iv) latihan pengurusan penyeliaan (management and supervisory training);
- (v) pendidikan ikhtisas dan latihan kemahiran khusus (professional education and specialized skills training);
- (vi) kemahiran pendidikan dan pembangunan (research dan development skills);
- (vii) program produktiviti dan peningkatan mutu (productivity and quality improvement programmes);
- (viii) pendidikan asas untuk latihan kemahiran (basic education for skills training).

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru, bantuan wang dari Kumpulan Wang Tabung ini adalah bagi melatih semula dan meningkatkan pekerja-pekerja sahaja. Oleh itu soal memberi biasiswa kepada pelatih yang masih belum bekerja tidak berbangkit.

Menjawab Yang Berhormat dari Santubong, mengenai dengan taraf industri, Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia adalah meliputi sektor perkilangan dan taksiran adalah bagi meliputi semua industri di sektor berkenaan.

Menjawab Yang Berhormat dari Santubong, mengenai dengan prosedur bagi melaksanakan skim ini seperti pendaftaran majikan, Kementerian kini dalam proses menyediakan peraturan-

peraturan bagi melindungi pelaksanaan skim. Pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang positif akan diambilkira.

Menjawab Yang Berhormat dari Santubong, mengenai dengan sama ada Kumpulan Wang Sumber Manusia sama dengan ITAF, kedua Kumpulan Wang berkenaan adalah berlainan ditubuhkan untuk memenuhi objektif yang berlainan dan oleh itu tidak mungkin digabungkan.

Menjawab Yang Berhormat dari Santubong mengenai dengan Skills Development Centre, sekiranya majikan menubuhkan Skill Development Centre, semua program yang memenuhi keperluan latihan majikan akan disokong oleh Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dengan sebahagian besar kos majikan ditanggung oleh Majlis.

Menjawab Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai dengan pekerja asing, wang dari Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia tidak akan digunakan untuk melatih pekerja asing. Dengan perkataan lain, pekerja asing tidak dapat menikmati apa-apa faedah di bawah Skim Tabung ini.

Juga menjawab Yang Berhormat dari Parit Sulong, latihan hendaklah meliputi semua golongan pekerja. Latihan yang dijalankan di bawah skim akan melibatkan semua golongan pekerja termasuk operator pengeluaran yang akan diberi latihan yang tertentu bagi memastikan kemahiran mereka.

Menjawab Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai dengan pemindahan teknologi, tujuan melatih semula dengan meningkatkan kemahiran pekerja memang bertujuan antara lain membolehkan pekerja menerima dan menyesuaikan diri dengan teknologi baru yang diperkenalkan. Adalah dirasai melalui proses latihan semula yang berterusan ini, sebarang pemindahan teknologi akan dapat dipercepatkan lagi.

Menjawab Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengenai dengan Tabung Pembangunan Sumber Manusia patutlah diadakan lebih awal sebelum ini skim latihan yang dilaksanakan bagi sektor swasta khususnya sektor pembuatan ialah Skim Potongan Dua Kali yang diperkenalkan pada tahun 1987 tetapi oleh kerana permintaan kemahiran yang semakin meningkat akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat, maka satu skim yang lebih komprehensif dan luas pemakaiannya adalah diperlukan untuk menggantikan kecuali pengawasan-pengawasan kecil. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak mengambil langkah yang lebih awal adalah tidak benar.

Menjawab Yang Berhormat dari Kelang yang mengatakan Kerajaan melepaskan tanggungjawab melantik pekerja kepada sektor swasta. Tuan Yang di-Pertua, objektif skim ini bukanlah melepaskan tanggungjawab latihan pekerja oleh Kerajaan kepada majikan. Sebaliknya skim ini akan membolehkan majikan memikul tanggungjawab ini bersama dengan Kerajaan. Pekerja yang mempunyai, dengan izin, broad waist skills, hasil dari latihan di institusi boleh diberi latihan semula oleh majikan dalam kemahiran yang khusus yang diperluaskan apabila diambil bekerja nanti. Ini adalah satu bentuk kerjasama di antara sektor awam dan swasta selaras dengan konsep Malaysia Incorporated.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian saya sebentar tadi. Suka juga saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berbangkit dan tidak dapat saya jawab dalam Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian yang serius oleh Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual-jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(HAKMILIK PULAU PINANG
DAN MELAKA) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.09 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini dibuka untuk dibahaskan, izinkan saya menerangkan latarbelakang dan tujuan-tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Mengikut Seksyen 108, Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, Tanah-tanah Adat Melaka atau Malacca Customary Land termasuk bangunan-bangunan di atasnya tidak boleh dimiliki, disewa dan dipajak oleh orang bukan Melayu. Sekatan-sekatan yang ketat yang tersebut di atas telah menimbulkan banyak kesukaran untuk membangunkan tanah adat Melaka. Walaupun tanah-tanah tersebut terletak di lokasi yang baik dan berpotensi.

Antara masalah yang dihadapi ialah terhadnya kemampuan orang-orang Melayu Melaka untuk memajukan tanah-tanah adat Melaka. Justeru itu tanah-tanah adat telah menjadi terbiar atau tidak mendapat pulangan yang maksima. Untuk mengatasi keadaan yang tersebut serta meningkatkan pembangunan tanah adat Melaka ke tahap yang lebih pesat, dicadangkan bahawa Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dipinda untuk membolehkan orang bukan Melayu menyewa tanah-tanah adat Melaka bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan memajak atau, dengan izin, lease bagi tempoh tidak kurang dari tiga tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun. Penyewa dan pemajak tersebut tidak boleh memberi penyewaan kecil, (sub-tenancy) atau pajakan kecil (sub-lease) dalam apa jua bentuk atau tempoh kepada mana-mana orang bukan Melayu sepanjang tempoh berkuatkuasa penyewaan atau pajakan tersebut.

Dengan demikian, walaupun pasaran sewaan dan pajakan tanah adat Melayu Melaka akan diperluaskan, akan tetapi pemilikan tanah itu akan terus kekal di tangan orang-orang Melayu. Apabila sekatan ke atas penyewaan dan pajakan tanah adat Melaka dilonggarkan menurut

cadangan pindaan kepada Seksyen 108 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, adalah dipercayai tanah-tanah adat dapat dimajukan secara optima dengan lebih mudah dan berkesan. Strategi baru pembangunan tanah adat Melaka akan dapat meningkatkan taraf ekonomi tuan-tuan tanah adat Melaka dan sekaligus dapat mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan dengan ringkas unsur-unsur utama dalam Rang Undang-undang ini sebelum dibuka untuk dibahaskan.

Seksyen 108(1) (a) melarang sepenuhnya pajakan tanah adat Melaka kepada mana-mana orang yang bukan orang Melayu. Pindaan yang dicadangkan di Fasal 2 bertujuan mengubahsuaikan larangan ini dengan membenarkan penyewaan bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan pajakan bagi tempoh tiga tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun. Walau bagaimanapun, penyewaan dan pajakan itu termasuk penyewaan kecil dan pajakan kecil dalam apa jua bentuk dan tempoh masa tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

6.15 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini yang dibawa oleh pihak Kerajaan adalah satu lanjutan daripada apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa langkah tersebut akan dijalankan untuk memajukan tanah adat Melayu di Melaka dan ia juga adalah satu lanjutan daripada usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk membangunkan tanah adat Melayu menerusi satu Perbadanan Tanah Adat Melayu di Melaka.

Satu Akta untuk memperbadankan Lembaga ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Melaka baru-baru ini dan mengikut cadangan negeri Melaka sesiapa yang gagal membangunkan tanah adat Melayu mungkin menghadapi tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dan tindakan tersebut termasuk juga mengambilalih tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka untuk diambilalih oleh Kerajaan Negeri.

Di sini, saya hendak bertanya apakah jaminan yang boleh diberikan kepada pemilik-pemilik tanah tersebut yang kononnya terbiar. Kalau tanah mereka diambilalih mengikut Akta Pengambilalihan Tanah, apakah pampasan yang diberikan kepada mereka memadai? Ini adalah kerana selalu berlakunya penyelewengan apabila sebidang tanah diambilalih oleh Kerajaan untuk sesuatu tujuan tetapi selepas tujuan yang diumumkan itu tidak dilaksanakan. Sebagai satu contoh, saya boleh memberikan bahawa di Melaka di mana sebidang tanah kira-kira seluas lima ekar telah diberikan kepada Syarikat Pume

Holding Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar sebanyak \$2 sahaja, or it is a company with two-dollar paid-up capital, dan tanah tersebut telah diberikan kepada Pume atas syarat bahawa tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk membina rumah kos rendah. Ini adalah satu tujuan yang baik kalau untuk membina rumah kos rendah kerana rumah ini boleh dibekalkan kepada orang-orang miskin. Ini juga menjelaskan mengapakah kos premium tanah yang diberikan kepada Pume Holding Sdn. Bhd. adalah tersangat rendah, iaitu untuk satu kaki persegi hanya \$1.79. Untuk tanah di tengah-tengah Bandaraya Melaka yang kian berkembang dengan pesat, yang kian maju, kadar \$1.79 sekaki adalah satu kadar kos premium tanah yang sangat rendah. Kalau tujuan untuk membina rumah kos rendah dilaksanakan, ini mungkin boleh diterima, tetapi malangnya apa yang terjadi ialah apabila tanah tersebut diberikan kepada Pume, rumah kos rendah tidak dibina, sebaliknya apa yang dibina ialah rumah kos tinggi atau rumah mewah. Ini menafikan hak orang-orang miskin yang tinggal di Bandaraya Melaka. (*Tepuk*)

Tentulah apabila tanah dengan kos premium yang begitu rendah dijual kepada satu syarikat yang lain yang bernama Syarikat Hock Seng Development Realty Sdn. Bhd. untuk membina bukan rumah kos rendah, tetapi untuk membina rumah kos tinggi dan mewah, Pume Holding Sdn. Bhd. membuat keuntungan yang sangat tinggi yang telah dikira menghampiri \$3 juta—\$3 juta. Apabila satu carian dibuat ke atas syarikat tersebut, adalah diperhatikan bahawa seorang daripada bekas pengarah syarikat tersebut adalah Yang Berhormat Encik Mohd. Ali Rastam iaitu seorang Ahli Exco Negeri Melaka yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kawasan—sudah lupa kawasan dia—Sungai Udang, minta maaf. ADUN untuk kawasan Sungai Udang ialah bekas pengarah. Sebelum tanah ini diberikan, kerana dia seorang

Ahli Exco dan dia menghadiri mesyuarat, tentulah sebelum kelulusan diberikan, dia meletak jawatan. Tetapi ini menunjukkan bahawa ada hubung-kait. Pengarah yang lain ialah Abu Seman bin Yusof dan bekas Senator Nasir Manap—orang-orang kuat UMNO di Melaka. Ini memberikan peluang untuk mereka mencari keuntungan, dan kelulusan sebegini adalah salah dan merupakan satu rasuah, moral corruption. Bagaimanakah keadaan ini boleh dibenarkan berlaku? Keuntungan yang dibuat oleh two-dollar company ini, hanya mendapat kelulusan tanah dan lepas itu menjualnya kepada orang lain. Mereka membuat keuntungan “durian runtuh” sebanyak \$3 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa sungguhpun pihak Kerajaan menyatakan menentang skim cepat kaya tetapi ada skim cepat kaya di Barisan Nasional untuk membuat keuntungan secara mendadak dan segera, lebih baik daripada kena loteri.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa lanjutan daripada usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk membangunkan tanah adat Melayu yang terbiar, pampasan yang diberikan mestilah adil, mestilah munasabah. Janganlah kiranya pampasan yang diberikan mengikut satu harga, tetapi selepas diambilalih oleh Kerajaan, kegunaan tanah itu boleh diubah, daripada pertanian boleh diubah kepada komersil atau perdagangan. Seharusnya pampasan yang dibayar haruslah berasaskan status komersil atau perdagangan dan bukan berdasarkan status pertanian. Ini sering berlaku. Oleh sebab itu, Kerajaan boleh membeli tanah dengan murah tetapi selepas Kerajaan mengalihkan status atau kegunaan tanah itu tentunya harga tanah itu akan naik. Ini adalah satu penyelewengan, satu kepincangan yang berlaku dan adalah satu ketidakadilan kepada pemilik-pemilik tanah tersebut kerana mereka boleh menikmati satu bayaran pampasan yang lebih tinggi.

Saya harap bahawa Kerajaan boleh menubuhkan satu monitoring

mechanism, dengan izin, untuk memastikan; satu, bahawa pampasan yang dibayar adalah munasabah; dan kedua, bahawa tujuan yang ditetapkan diikuti dengan ketat. Janganlah kita main-main. Kalau tidak diikuti dengan ketat, satu tindakan harus diambil, sama seperti MAIKA Holdings, tujuan ialah untuk membantu orang-orang India tetapi kalau tujuan ini tidak dilaksanakan tidak ada sebarang tindakan boleh diambil. Ini saya rasa satu keadaan yang tidak boleh diterima. Kalau Kerajaan telah menentukan bahawa satu syarat dikenakan dan kalau syarikat tersebut atau pihak MIC, sebagai contoh, gagal mengikuti atau memenuhi syarat tersebut.....

Tuan G. Palanivel: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak apa?

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan? Minta jalan, saya boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Minta jalan atas apa?

Tuan G. Palanivel: Point of order, 36(1)—sangkaan jahat dan juga Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan tidak ada berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai MAIKA Holdings.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, 36(1) itu terkeluar ataupun terpesong, walhal sangkaan jahat itu ialah 36(6).

Tuan G. Palanivel: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka, sila balik kepada tajuknya. Itu saya rasa tidak kena.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya sebut sebagai contoh, saya tidak akan pergi secara mendalam dan saya rasa Yang Berhormat peka dan sensitif sangat, perkara MAIKA Holdings sama seperti Majlis Raja-Raja, tidak boleh disentuh langsung. Janganlah terlalu peka.

Tuan G. Palanivel: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Tengok, tengok, kelakuan macam ini. Kena belajar sedikitlah. Oleh sebab itu, satu monitoring mechanism mesti diadakan. Kedua, juga untuk memastikan bahawa syarat yang dikenakan diikuti. Kalau tidak sebarang penyelewengan yang berlaku tidak ada satu cara langsung untuk mencegah, mengelak atau mengambil tindakan ke atasnya. Saya telah menyeru seperti Pume Holding Sdn. Bhd., satu contoh yang saya sebutkan tadi, tujuan—membina rumah kos rendah. Tetapi apabila mereka menjual, apa yang dibina? Bukan rumah kos rendah tetapi rumah kos tinggi. Kerajaan tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memaksa bahawa syarat yang ditetapkan itu diikuti dan di sini saya meminta bahawa satu mechanism ditubuh untuk membolehkan ia diikuti. Sama seperti MAIKA Holdings, tidak ada mechanism langsung. Orang India ditipu tetapi Kementerian Kewangan tidak ada mechanism langsung untuk memastikan bahawa hak dan kepunyaan orang India dibela, sungguhpun ditipu oleh MIC. Ini yang menjadi masalah.

Tuan G. Palanivel: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Hulu Selangor bangun.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dia ada buktikah orang India ditipu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa dia?

Tuan G. Palanivel: Mana dia ada bukti orang India ditipu? Minta dia beri penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan penjelasan kalau Yang Berhormat mahu saya berikan penjelasan. Kalau hendak tahu boleh tanya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Yang kedua, mana pergi \$70 juta yang harus dimiliki oleh orang India?

Tuan G. Palanivel: Mana ada \$70 juta.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan hari ini kerana hari itu sudah dijual.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tertib, ya. Kalau hendak minta penjelasan, cakap sahajalah.

Tuan Lim Guan Eng: Dalam satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos..... dia tidak tahu ini, jadi dia kena tahulah..... beliau menyatakan.....

Tuan G. Palanivel: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan G. Palanivel: Point of order 36(1), mana ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Hulu Selangor....

Tuan Lim Guan Eng: You ini confuse sangatlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan G. Palanivel: Selalu sebut MAIKA, MAIKA, apa dia mahu cakap. Dia mahu bercakap atas Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarangkah atau MAIKA Holdingskah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup jelas, Yang Berhormat. Saya pun tidak nampak ada perkataan "MAIKA" di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi yang saya rasa pelik ialah, tadi Yang Berhormat Kota Melaka cuma beri contoh dan penjelasan itu diminta oleh Yang Berhormat Hulu Selangor...

Tuan Lim Guan Eng: Ah!!!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi saya rasa cukuplah, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya mesti beri bukti, dia hendak minta penjelasan dari saya dan saya mesti memberinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan point of order tadi, saya rasa kalau sekadar contoh, cukuplah.....

Tuan Lim Guan Eng: Jadi, dia tidak mahu penjelasan sekarang. Jadi, sudah jelaslah orang India kena tipu oleh MIC. Sekarang ini sudah jelas. Bagus, bagus, beritahu Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan G. Palanivel: Orang India sama orang India, itu kita punya masalah, MIC punya masalah. You duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, apa ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tertib, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tertib, faham atau tidak. Baca Standing Orders mengenai tertib. Kalau hendak minta jalan, saya boleh beri. Hendak penjelasan lagi?

Tuan G. Palanivel: Tidak mahu penjelasan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Sudah takut, sudah takut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):janganlah berdialog, cabar mencabar, ya. Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang ini, ada banyak peluang lagilah bagaimana orang MIC menipu orang India, ada banyak peluang lagi.

Mengenai Rang Undang-undang ini, saya hendak bertanya sama ada Rang Undang-undang ini akan dilaksanakan hanya kepada perjanjian yang baru yang dibuat atau diadakan selepas Rang Undang-undang ini diluluskan atau adakah Rang Undang-undang ini boleh menjadi, dengan izin, retrospective kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa terdapat banyak perjanjian di mana kaum bukan Melayu menyewa tanah adat Melayu daripada tuanpunya tanah Melayu dan keadaan ini, saya rasa banyak berlaku, saya percaya bukan sahaja di Melaka, mungkin juga di Pulau Pinang. Tetapi untuk negeri Melaka di mana saya ada banyak pengalaman kerana ini adalah kawasan saya, ada banyak perjanjian di mana orang bukan Melayu menyewa tanah daripada orang Melayu. Perjanjian tersebut adalah perjanjian yang lama, mungkin telah dibuat 50 atau 60 tahun dahulu. Apakah kesan Rang Undang-undang ini ke atas perjanjian sebegini. Ini yang penting kerana kita harus menghormati perjanjian sukarela yang dibuat di antara penyewa tanah iaitu penyewa bukan Melayu dan tuanpunya tanah iaitu Melayu. Apa yang sering berlaku ialah timbul satu perasaan bimbang bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung minggu depan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Besok tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sambung besok, bukan besok, minggu depan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga 25hb Mei, 1992, pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.